KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA







# LAPORAN TAHUNAN 2024

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

# SIDANG REDAKSI


Penasihat
**DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**
**Ketua Setiausaha**

**MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD**
**Timbalan Ketua Setiausaha**

Ketua Editor
**MUTIA AZURA BINTI MOHAMED**
**Ketua Unit Komunikasi Korporat**

Editor
**NOR SUZAMAN BIN ABDUL RAHMAN**
**Ketua Seksyen Hal Ehwal Korporat**

Penyelaras
**NUR EMIELIANA BINTI ISHAK**
**Pegawai Perhubungan Awam**

**AZRAM FEERDAUS BIN ZAINAL ABIDIN**
**Penolong Pegawai Perhubungan Awam**

Foto
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**



**Cetakan Pertama 2025**


**Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara.**



Diterbit oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**
**Aras 5, Blok F9, Parcel F,**
**Lebuh Perdana Timur,**
**Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA**
**Telefon: 03-8091 8000**
**Laman Web: www.perpaduan.gov.my**
**E-mel: pro@perpaduan.gov.my**

ISSN 3093-6799
9 773093 679002

# ISI KANDUNGAN


**PERUTUSAN MENTERI PERPADUAN NEGARA** 4
**PERUTUSAN TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA** 5
**PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA** 6

**MAKLUMAT KORPORAT** 7
Sejarah Penubuhan 8
Visi dan Misi 8
Piagam Pelanggan 9
Dasar Perpaduan Negara 10
Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI 11
Carta Organisasi KPN Pada 31 Julai 2024 12
Carta Organisasi KPN Pada 31 Disember 2024 15
Pengurusan Tertinggi KPN 16

**LAPORAN UNIT DI BAWAH KETUA SETIAUSAHA** 24
Unit Integriti 26
Unit Audit Dalam 34
Unit Komunikasi Korporat 41
Pejabat Penasihat Undang-undang 45

**LAPORAN BAHAGIAN - SEKTOR DASAR** 49
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa 50
Bahagian Kesepaduan Nasional 72
Bahagian Pembangunan Masyarakat 83
Bahagian Kolaborasi Strategik 88

**LAPORAN BAHAGIAN - SEKTOR PENGURUSAN** 97
Bahagian Pengurusan Maklumat 98
Bahagian Khidmat Pengurusan 115
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia 132
Bahagian Kewangan dan Pembangunan 142
Bahagian Akaun 153

**LAPORAN JABATAN DAN AGENSI** 167
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 168
Jabatan Muzium Malaysia 195
Arkib Negara Malaysia 217
Perpustakaan Negara Malaysia 241
Yayasan Sukarelawan Siswa 259
Yayasan Tunku Abdul Rahman 281
Yayasan Tun Razak 285

**LIPUTAN MEDIA** 289

# Perutusan

# Menteri Perpaduan Negara

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

Kementerian Perpaduan Negara terus melangkah megah sebagai peneraju utama dalam memacu agenda perpaduan nasional yang menyeluruh dan mampan.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menjadikan Dasar Perpaduan Negara sebagai kompas hala tuju yang jelas dalam merencana serta melaksanakan dasar dan program di peringkat akar umbi mahupun nasional. Sepanjang tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah mengorak langkah lebih agresif dan strategik dengan memberi tumpuan kepada beberapa fokus utama. Saya dengan penuh rasa bangga ingin memaklumkan bahawa setakat ini, Kementerian melalui agensi-agensi pelaksana telah berjaya melaksanakan sebanyak 730 program perpaduan di seluruh negara.

Antara keutamaan kementerian tahun ini ialah memperkasa jentera perpaduan di seluruh negara agar dapat memainkan peranan yang lebih efektif sebagai pemangkin interaksi sosial, penghubung masyarakat dan pelindung keharmonian komuniti. Dalam masa yang sama, kementerian turut menumpukan usaha memperkukuh keharmonian antara penganut pelbagai agama melalui pendekatan dialog, interaksi silang agama serta program komuniti yang merangkumi nilai saling hormat-menghormati dan persefahaman sejagat.

Selain itu, program penghayatan Rukun Negara turut digerakkan secara lebih luas dan intensif, khususnya dalam kalangan generasi muda, bagi menanamkan semula nilai-nilai asas kenegaraan yang menjadi tiang seri perpaduan rakyat. Kementerian juga beriltizam untuk melahirkan barisan pemimpin sukarelawan yang berkarisma, berjiwa rakyat dan mampu menjadi ejen perubahan di peringkat komuniti. Tidak ketinggalan, usaha untuk meningkatkan minat dan kebanggaan rakyat terhadap khazanah warisan negara turut diberikan keutamaan, sebagai salah satu kaedah menyemai identiti nasional yang lebih kukuh dan menyeluruh.

Saya berharap semua pihak memberikan komitmen yang berterusan dalam memperkasakan program-program perpaduan yang akan dilaksanakan pada tahun 2025 agar kita dapat memantapkan agenda perpaduan nasional dan membangunkan Malaysia MADANI melalui konsep Harmoni Dalam Kepelbagaian.



**YB DATUK AARON AGO DAGANG**
Menteri Perpaduan Negara

# Perutusan

# Timbalan Menteri Perpaduan Negara

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

Dengan penuh syukur, saya berharap agar penerbitan Laporan Tahunan 2024 ini akan menjadi satu wadah penyampaian maklumat Kementerian kepada masyarakat Malaysia secara umumnya.

Bagi merealisasikan objektif dan hala tuju Kerajaan Perpaduan (MADANI) dalam agenda perpaduan negara melalui Kementerian ini, setiap inisiatif dan program yang dirancang dan dilaksanakan haruslah realistik dan menyeluruh supaya dirasai oleh semua lapisan masyarakat khususnya komuniti setempat. Kerjasama dan komitmen warga kementerian dan jabatan di bawah KPN agar sentiasa menyokong dan komited dalam melaksanakan misi dan visi kementerian bagi mengukuhkan semangat perpaduan, kebersamaan dan muhibbah dalam kalangan semua warga.

Usaha yang berterusan bagi memupuk semangat kebersamaan di setiap lapisan masyarakat yang mencerminkan aspirasi untuk menjadikan kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa sebagai kekuatan yang menjadi tunjang kepada perpaduan dan keharmonian di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara begitu komited merangka pelbagai inisiatif dan strategi bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan. Semua lapisan masyarakat perlu bersatu hati, bekerjasama dan saling memahami tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, budaya dan latar belakang bagi memastikan agenda perpaduan Kementerian dapat mencapai matlamatnya.

Saya berharap semua pihak memberikan komitmen yang berterusan dalam memperkasakan agenda dan program perpaduan yang bakal dilaksanakan pada tahun 2025 agar kita dapat memantapkan lagi semangat perpaduan dikalangan rakyat. Semoga nilai kebersamaan dan semangat muhibah yang terjalin ini akan terus kekal dan mencipta keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia.

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI**
Timbalan Menteri Perpaduan Negara



# Perutusan

## Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

Assalamualaikum wbt., Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

Marilah kita bersama-sama memanjat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah rahmat-Nya Kementerian Perpaduan Negara telah berjaya meneruskan usaha yang cemerlang dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan program sepanjang tahun 2024.

Perpaduan dan keharmonian adalah dua elemen yang saling melengkapi. Untuk mencapai perpaduan yang sejati, kita perlu menghargai kepelbagaian, memahami perbezaan, dan mengukuhkan kerjasama dalam semangat toleransi serta saling hormat-menghormati.

Malaysia merupakan negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik, budaya dan agama. Perpaduan antara pelbagai kaum telah menjadi asas kepada kemajuan negara, manakala keharmonian pula wujud apabila rakyat hidup bersama dalam suasana penuh hormat, saling memahami dan bekerjasama untuk mencapai kemajuan yang mampan.

Hasil kerjasama erat dan semangat kerja berpasukan di setiap lapisan organisasi mendorong Kementerian Perpaduan Negara berjaya mencapai program yang bertimpak tinggi. Antaranya, Pemerkasaan Rukun Tetangga (RT) Progresif, Lafaz Ikrar Rukun Negara, Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan UNITI, Inisiatif Harmoni MADANI dan sebagainya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara atas segala usaha dan pengorbanan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi. Peranan utama Kementerian adalah untuk menyampaikan agenda-agenda dan mesej-mesej perpaduan melalui pelaksanaan program yang berteraskan kepada dasar-dasar yang dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara.




**DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

# MAKLUMAT KORPORAT











# Sejarah Penubuhan

## SEJARAH PENUBUHAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**1969**
**Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara**
Jabatan Perdana Menteri

**1972**
**Kementerian Perpaduan Negara**

**1974**
**Lembaga Perpaduan Negara**
Jabatan Perdana Menteri

**1980**
**Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara**
Jabatan Perdana Menteri

**1983**
**Jabatan Perpaduan Negara**
Jabatan Perdana Menteri

**1990**
**Jabatan Perpaduan Negara**
Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

**2004**
**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**
Jabatan Perdana Menteri

**2008**
**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**
Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

**2009**
**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**
Jabatan Perdana Menteri

**2020**
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## Visi

**Peneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama**



## Misi

**Meningkatkan usaha baharu penyatu paduan untuk membina tapak integrasi bagi pengukuhan semangat muhibah dalam kalangan rakyat**



# Piagam Pelanggan

Kementerian Perpaduan Negara berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti dan komited di dalam melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:

| Piagam Pelanggan | Piawai Kualiti Perkhidmatan |
| --- | --- |
| Pengurusan Aduan / Pertanyaan / Cadangan | Kami akan memberi maklum balas terhadap aduan kategori **BIASA** dalam masa 15 bekerja manakala bagi aduan **KOMPLEKS** pula dalam masa 16 hingga 365 hari termasuk hari kelepasan am.<br><br>Bagi pertanyaan dan cadangan, maklum balas akan dikemukakan dalam tempoh lima (5) hari bekerja. |
| Pengurusan Maklum Balas dan Input berkaitan KPN | Kami akan menyediakan maklum balas berkaitan KPN dalam masa **TUJUH (7) hari** setelah menerima permohonan daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan dan orang awam. |
| Penyediaan Ulasan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) | Menyediakan ulasan bagi Memorandum Jemaah Menteri dari mana-mana Kementerian dalam masa **TUJUH (7) hari** dari tarikh penerimaan input Bahagian dan Jabatan. |
| Pengurusan Kewangan dan Perolehan | Pemprosesan dan pembayaran bayaran bil diselesaikan dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima. |
| Pengurusan Sumber Manusia | Memastikan surat arahan penempatan kepada pegawai yang baharu lapor diri disediakan dalam tempoh **LIMA (5) hari bekerja**. |

# Dasar Perpaduan Negara

*Berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

| TERAS 1 | TERAS 2 | TERAS 3 |
|---|---|---|
| PATRIOTISME & DEMOKRASI | IDENTITI NASIONAL | EKOSISTEM PERPADUAN |

## PENYATAAN DASAR

"Dasar Perpaduan Negara ialah dasar payung yang melakar usaha berterusan bagi memupuk dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui konsep "Perpaduan dalam Kepelbagaian" untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini."

## OBJEKTIF DASAR PERPADUAN NEGARA

- Mengukuhkan **perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**
- Membentuk **identiti nasional** dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab
- Melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan **mengamalkan perpaduan**

# KERANGKA PERPADUAN MALAYSIA MADANI

**MEMBANGUN MALAYSIA MADANI**
**(Masyarakat yang maju, terampil dan terangkum)**

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| NILAI MADANI | Kemampanan | Kesejahteraan | Daya Cipta | Hormat | Keyakinan | Ihsan | | | | |
| FOKUS UTAMA | Ekonomi & Kewangan | Perundangan | Institusi | Pendidikan | Kebudayaan | Kemasyarakatan | Bandar | Luar Bandar | | |
| TERAS STRATEGIK | Membina semula ekonomi | Menjamin kesejahteraan insan | Reformasi institusi demokrasi dan perundangan | Mewujudkan pentadbiran beramanah | | | | | | |
| DASAR KPN | PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN (*UNITY IN DIVERSITY*) | | | | | | | | | |
| ISU DAN CABARAN | Etnisiti | Agama | Kelas Sosial | Pendidikan | Bahasa | Jurang Generasi | Gender | Politik Federalisme | Ruang Bandar – Desa | Media |
| TERAS DPN | Patriotisme dan Demokrasi | Identiti Nasional | Ekosistem Perpaduan | | | | | | | |
| 12 STRATEGI DPN | Perlembagaan dan Rukun Negara | Bahasa | Komunikasi | Institusi Keluarga dan Komuniti | | | | | | |
| | Sejarah Malaysia | Agama, Budaya dan Adat Resam | Tapak Integrasi | Undang-undang | | | | | | |
| | Integrasi Nasional | Nilai Murni | Kolaborasi Strategik | Pemimpin | | | | | | |
| FLAGSHIP KPN | KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA (MADANI) | | | | | | | | | |
| KLUSTER PROGRAM | Semarak KENEGARAAN | Semarak PERPADUAN | Komuniti RAHMAH | | | | | | | |
| PEMBOLEH DAYA | 1. Meningkatkan peluang ekonomi<br>2. Memperkasakan kumpulan minoriti dan rentan ekonomi<br>3. Mengukuhkan jaringan perlindungan sosial<br>4. Merapatkan jurang pembangunan | | | | | | | | | |
| AGENSI KPN | JPNIN, JMM, ANM, PNM, YSS, YTAR, YTR | | | | | | | | | |
| AGENSI LAIN | KPM, KBS, KKDW, MOF, KE, KPWKM, KPT, KPKT, MOTAC (*Whole Of Government Approach*). NGO – *Friends Of Unity* (FoU) | | | | | | | | | |

**MENTERI PERPADUAN NEGARA**
YB DATUK AARON AGO DAGANG

**TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**
YB SENATOR SARASWATHY KANDASAMI

**KETUA SETIAUSAHA**
DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
PTD GRED UTAMA TURUS III

**UNIT DI BAWAH KSU**

**PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG**
NOR'AAMIRAH BINTI MOHAMAD SHAFIE
PEG. UNDANG-UNDANG L52

**KETUA UNIT AUDIT DALAM**
MEOR ZUAZIR BIN MEOR ZAIMI
JURUAUDIT W52

**KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
MUTIA AZURA BINTI MOHAMED
TERBUKA 54

**KETUA UNIT INTEGRITI**
NORAZLIN BINTI MOHD NOR
PTD M48 (KUP)

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR & PERANCANGAN)**
MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD
PTD UTAMA B

**SETIAUSAHA BAHAGIAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA**
DR. ROSBI BINTI ABD. RAHMAN
PTD UTAMA C

**SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**
ZAIMY BIN SHAARI
PTD M54

**SETIAUSAHA BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT**
BILLY ANAK VALENTINE JIHIR
PTD M54

**SETIAUSAHA EKSEKUTIF SEKRETARIAT MAJLIS PERPADUAN**
DR. AANANTHI A/P THURAISAMY
PTD M54

# CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## PADA 31 JULAI 2024

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)**
NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM
PTD UTAMA C

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
KHAIRULIZAM BIN OTHMAN
PTD M54

**KETUA AKAUNTAN BAHAGIAN AKAUN**
SHARIFAH SAIDTUL FAZILAH BINTI S.AZMAN ZURIMY @ AYEOP ABD KHALIL
AKAUNTAN WA54

**SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**
ZAMZURI BIN ABDULLAH
PTM F54A

**JABATAN/ AGENSI**

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**
DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
KETUA PENGARAH, PTD UTAMA B (TERBUKA)

**JABATAN MUZIUM MALAYSIA**
DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A.KASIM
KETUA PENGARAH, KURATOR UTAMA B

**ARKIB NEGARA MALAYSIA**
DATO' JAAFAR SIDEK B. HJ. ABDUL RAHMAN
KETUA PENGARAH, PEGAWAI ARKIB UTAMA B

**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**
DATO' SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB
KETUA PENGARAH, PUSTAKAWAN UTAMA B

**BADAN BERKANUN**

**YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN**
IDA THIEN FENG FENG
KETUA EKSEKUTIF

**YAYASAN SUKARELAWAN SISWA**
WONG KIN LUN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**YAYASAN TUN RAZAK**
TENGKU HARITH AZIZ
SETIAUSAHA LEMBAGA

## MENTERI PERPADUAN NEGARA
YB DATUK AARON AGO DAGANG

## TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA
YB SENATOR SARASWATHY KANDASAMI

## KETUA SETIAUSAHA
DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
PTD GRED UTAMA TURUS III

**UNIT DI BAWAH KSU**

**PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG**
NOR'AAMIRAH BINTI MOHAMAD SHAFIE
PEG. UNDANG-UNDANG L52

**KETUA UNIT AUDIT DALAM**
MEOR ZUAZIR BIN MEOR ZAIMI
JURUAUDIT W52

**KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
MUTIA AZURA BINTI MOHAMED
TERBUKA 54

**KETUA UNIT INTEGRITI**
(KOSONG)
PTD M48

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR & PERANCANGAN)**
MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD
PTD UTAMA B

**SETIAUSAHA BAHAGIAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA**
DR. ROSBI BINTI ABD. RAHMAN
PTD UTAMA C

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KESEPADUAN NASIONAL**
NAFIZAH BINTI NAYAN
PTD UTAMA C (M)

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK**
ZAIMY BIN SHAARI
PTD M54

# CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## PADA 31 DISEMBER 2024

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)**
NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM
PTD UTAMA C

**SETIAUSAHA BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
BILLY ANAK VALENTINE JIHIR
PTD M54

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN**
KHAIRULIZAM BIN OTHMAN
PTD M54

**KETUA AKAUNTAN BAHAGIAN AKAUN**
SHARIFAH SAIDTUL FAZILAH BINTI S.AZMAN ZURIMY @ AYEOP ABD KHALIL
AKAUNTAN WA54

**SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**
ZAMZURI BIN ABDULLAH
PTM F54

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
(KOSONG)
PTD M52

### JABATAN/ AGENSI

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**
DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
KETUA PENGARAH, PTD UTAMA B (TERBUKA)

**JABATAN MUZIUM MALAYSIA**
DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A.KASIM
KETUA PENGARAH, KURATOR UTAMA B

**ARKIB NEGARA MALAYSIA**
DATO' JAAFAR SIDEK B. HJ. ABDUL RAHMAN
KETUA PENGARAH, PEGAWAI ARKIB UTAMA B

**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**
DATO' SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB
KETUA PENGARAH, PUSTAKAWAN UTAMA B

### BADAN BERKANUN

**YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN**
IDA THIEN FENG FENG
KETUA EKSEKUTIF

**YAYASAN SUKARELAWAN SISWA**
WONG KIN LUN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**YAYASAN TUN RAZAK**
TENGKU HARITH AZIZ
SETIAUSAHA LEMBAGA

# PENGURUSAN TERTINGGI

## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



**TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

YB SENATOR SARASWATHY KANDASAMI



**MENTERI PERPADUAN NEGARA**

YB DATUK AARON AGO DAGANG




**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD




**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF

(Sehingga 5 September 2024)

# Sektor Dasar



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR DAN PERANCANGAN)**

**MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD**
PTD UTAMA B



**SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA**

**DR. ROSBI BINTI ABD RAHMAN**
PTD UTAMA C



**SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN KESEPADUAN NASIONAL**

**NAFIZAH BINTI NAYAN**
PTD UTAMA C



**SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK**

**ZAIMY BIN SHAARI**
PTD M54

# Sektor Pengurusan



**SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)**

**NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM**
PTD UTAMA C



**SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

**BILLY ANAK VALENTINE JIHIR**
PTD M54



**SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN**

**KHAIRULIZAM BIN OTHMAN**
PTD M54



**KETUA AKAUNTAN BAHAGIAN AKAUN**

**SHARIFAH SAIDTUL FAZILAH BINTI S. AZMAN ZURIMY @ AYEOP ABD KHALIL**
AKAUNTAN WA54




**SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**

**ZAMZURI BIN ABDULLAH**
PTM F54



**SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

**(KOSONG)**
PTD M54

# Sektor Ketua Setiausaha



**KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**MUTIA AZURA BINTI MOHAMED**
TERBUKA 54



**PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

**NOR'AAMIRAH BINTI MOHAMAD SHAFIE**
PUU L52



**KETUA UNIT AUDIT DALAM**

**MEOR ZUAZIR BIN MEOR ZAIMI**
JURUAUDIT W52



**KETUA UNIT INTEGRITI**

**NORAZLIN BINTI MOHD NOR**
PTD M48 (KUP)

# Jabatan/ Agensi




**KETUA PENGARAH JABATAN PERPADUAN NEGARA & INTEGRASI NASIONAL**

**DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD**
PTD UTAMA B




**KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

**DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM**
KURATOR UTAMA B



**KETUA PENGARAH ARKIB NEGARA MALAYSIA**

**DATO'JAAFAR SIDEK BIN HJ. ABDUL RAHMAN**
PEGAWAI ARKIB NEGARA UTAMA B




**KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

**DATO' SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB**
PUSTAKAWAN UTAMA B

# Badan Berkanun



**SETIAUSAHA LEMBAGA**
**YAYASAN TUN RAZAK**

TENGKU HARITH AZIZ



**KETUA EKSEKUTIF**
**YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN**

IDA THIEN FENG FENG



**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
**YAYASAN SUKARELAWAN SISWA**

WONG KIN LUN



# LAPORAN UNIT DI BAWAH KETUA SETIAUSAHA











- UNIT INTEGRITI
- UNIT AUDIT DALAM
- UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
- PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

# UNIT INTEGRITI

## Latar Belakang

Unit Integriti (UI) Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan selaras dengan pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme. Unit ini dilihat sebagai *focal point* bagi mengurus isu-isu integriti dan melaksana usaha-usaha membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika dalam kalangan warga organisasi.

## Objektif

Untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif-inisiatif pengamalan, pembudayaan dan penginstitusian integriti seperti pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan dengan lebih fokus, terancang dan efisien.

## PENCAPAIAN TAHUN 2024

### TADBIR URUS

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan Kementerian melaksanakan tadbir urus yang terbaik disamping menangani isu-isu integriti, terutamanya berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi.

Dasar Antirasuah sebagai satu pernyataan komitmen dan kesungguhan Kementerian ini dalam mewujudkan persekitaran kerja yang telus dan bebas rasuah. Dasar ini menzahirkan janji Kementerian untuk berakauntabiliti dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah. Dasar ini dikuatkuasakan pada 1 Disember 2023 dan dipamerkan di lokasi-lokasi strategik sebagai peringatan kepada warga KPN.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## IKRAR BEBAS RASUAH

Saya, **DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF** No. Kad Pengenalan: **661206-05-5583** adalah dengan sesungguhnya dan suci hati berikrar bahawa sepanjang perkhidmatan saya dengan **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA:**

1) Saya akan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;

2) Saya akan membenci dan menolak sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;

3) Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA;**

4) Saya akan memastikan kakitangan-kakitangan di bawah seliaan saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa jua urusan berkaitan dengan **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA;** dan

5) Saya akan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, dengan seberapa segera, sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau kakitangan-kakitangan di bawah seliaan saya.

| | | |
|---|---|---|
| Tandatangan | : | ........................................ |
| Nama | : | **DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF** |
| No.Kad Pengenalan | : | **661206-05-5583** |
| Jawatan | : | **KETUA SETIAUSAHA<br>KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA** |
| Tarikh | : | **16 JANUARI 2024** |

**Disaksikan Oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

| | | |
|---|---|---|
| Tandatangan | : | ........................................ |
| Nama | : | **DATO' INDERA JUNIPAH BINTI WANDI** |
| No.Kad Pengenalan | : | **691028-04-5282** |
| Jawatan | : | **TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA<br>(PENGURUSAN DAN PROFESIONALISME)<br>SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA** |
| Tarikh | : | **16 JANUARI 2024** |

# BILANGAN AKTIVITI DI BAWAH FUNGSI TADBIR URUS

## Penglibatan Pengurusan Tertinggi Tahun 2024

| **Januari - April** 6 Aktiviti | **Mei - Ogos** 3 Aktiviti | **September - Disember** 1 Aktiviti |
|---|---|---|
| • Ikrar Bebas Rasuah (IBR) 16 Januari 2024<br>• Kaji Selidik: Pelaksanaan Kajian Mengenai Rasuah dalam kalangan Penjawat Awam di Malaysia 24 Januari 2024<br>• Perbincangan Berkaitan Isu-isu Ketirisan dan Penyelewengan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi bersama Kementerian 8 Februari 2024<br>• Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Kementerian Bil. 1 Tahun 2024 3 April 2024<br>• Soal Selidik Berkaitan Pengendalian Sokongan yang diterima daripada Anggota Pentadbiran 12 Julai 2024<br>• Kajian Persepsi Penjawat Awam Mengenai Penagihan dan Penyalahgunaan Dadah atau Bahan dalam Kalangan Penjawat Awam 15 Julai 2024 | • Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Kementerian Bil. 2 Tahun 2024 28 Ogos 2024<br>• Garis Panduan Pengendalian Sokongan oleh Anggota Pedtadbiran dalam urusan Kerajaan 12 Julai 2024<br>• Penambahbaikan Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Kelab Rukun Negara (KRN), Sekretariat Rukun Negara (SRN) bagi Pelaksanaan Program Kesepaduan Sosial 29 - 31 Julai 2024 | • Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Kementerian Bil. 3 Tahun 2024 2 Disember 2024 |

## Sistem Kawalan Dalam Tahun 2024

| **Januari - April** 2 Aktiviti | **Mei - Ogos** 2 Aktiviti | **September - Disember** 3 Aktiviti |
|---|---|---|
| • Edaran Surat Ketua Setiausaha bertarikh 24 Januari 2024 berkaitan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 : Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional<br>• Kementerian Perpaduan Negara dengan Cawangan Penyelarasan Seksyen Inisiatif Antirasuah, Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), SPRM | • Sesi libat urus dan bengkel NACS bersama Agensi Peneraju dan Agensi Penyokong telah dihadiri pada 16 Julai 2024.<br>• Bengkel Pembangunan Dokumentasi *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) ISO 37001:2016 - *Documentation* | • Penyediaan input kepada Laporan Kemajuan Strategik Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) Setengah Tahun Jun-Dis 2024 bagi Tahun 2024<br>• Bengkel Perancangan KPN Tahun 2025 menetapkan sasaran untuk membangunkan Pelan Antirasuah Kementerian 2026 - 2030 di bawah Ikhtiar 5: Tadbir Urus memandangkan KPN telah melaksanakan penstrukturan semula perjawatan<br>• Bengkel Perancangan Tahun 2024 menetapkan sasaran pembangunan Garis Panduan Pengurusan Tatatertib KPN bagi tujuan rujukan dan panduan kepada semua Agensi |

## PENGURUSAN ADUAN

Menerima, menyelia, memantau dan mengurus serta merekodkan penerimaan aduan/ maklumat mengenai salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan dan etika agensi. Unit ini mengurus aduan-aduan tersebut selaras dengan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Aduan berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2009.

### Bilangan Aduan Berkaitan Tatakelola Mengikut Sumber Terima

| SUMBER ADUAN | PENGGAL 1 Jan - Apr | PENGGAL 2 Mei - Ogos | PENGGAL 3 Sept - Dis |
|---|---|---|---|
| Emel | 0 | 0 | 4 (66.67%) |
| Jabatan/ Bahagian | 0 | 0 | 0 |
| Media Sosial | 0 | 0 | 0 |
| Pengadu Hadir Sendiri | 0 | 0 | 0 |
| Surat | 0 | 1 | 1 (16.67%) |
| Surat Layang | 0 | 1 | 1 (16.67%) |
| SPRM | 0 | 0 | 0 |
| **Jumlah Aduan** | **0** | **2 (100%)** | **6 (100%)** |

## PENGESANAN DAN PENGESAHAN

Membuat pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang diterima serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

### Bilangan Hasil Tindakan Pengesanan dan Pengesahan

| Januari - April 2 Aktiviti | Mei - Ogos 2 Aktiviti | September - Disember 3 Aktiviti |
|---|---|---|
| Pematuhan Naziran : 0 | Pematuhan Naziran : 0 | Pematuhan Naziran : 0 |
| Siasatan : 0 | Siasatan : 1 | Siasatan : 0 |
| Tatatertib : 0 | Tatatertib : 0 | Tatatertib : 0 |
| Tiada Tindakan Lanjut : 0 | Tiada Tindakan Lanjut : 1 | Tiada Tindakan Lanjut : 0 |
| Kemuka ke SPRM : 0 | Kemuka ke SPRM : 0 | Kemuka ke SPRM : 0 |

## PENGUKUHAN INTEGRITI

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan program-program pengukuhan pengetahuan dan kesedaran di Kementerian sebagai usaha pembudayaan, penginstitusian dan pengamalan integriti dan antirasuah.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak **41** aktiviti pengukuhan integriti telah dilaksanakan merangkumi **19** siri hebahan dan **22** sesi perkongsian, ceramah dan kursus seperti berikut:

### Januari - April

| Hebahan Integriti | Bengkel/Program/ Taklimat | Tazkirah/Ceramah | Poster Media |
|---|---|---|---|
| 1. Hebahan Integriti: Keterhutangan Kewangan yang Serius<br>2. Hebahan Integriti: Larangan Mencemarkan Nama Baik Kementerian Perpaduan Negara (KPN)<br>3. Hebahan Integriti: Tanggungjawab Pegawai untuk Melaksanakan Usaha Wajar (*Due Diligence*)<br>4. Hebahan Integriti : Melakukan Pekerjaan Luar Tanpa Kebenaran adalah Suatu Kesalahan.<br>5. Hebahan Integriti: Pematuhan Waktu Kerja Flexi (WBF) di Bulan Ramadan.<br>6. Hebahan Integriti: Bolehkah Penjawat Awam Menerima Hadiah dalam Musim Perayaan?<br>7. Hebahan Integriti: Larangan Mencemarkan Nama Baik KPN.<br>8. Hebahan Integriti: Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan yang Berintegriti.<br>9. Hebahan Integriti: Peringatan Berhubung Larangan Membuat Penyataan Awam oleh Pegawai Awam | 1. Bengkel: Program Gamifikasi Antirasuah: Pengurusan Perolehan, Geran dan Dana<br>2. Bengkel : Program Pengukuhan Integriti – *The Big NO* | 1. Tazkirah: Pengurusan Masa dalam Islam.<br>2. Ceramah: Amalan Berpuasa Semasa Bekerja Bagaimana?<br>3. Tazkirah Integriti: Amalan Berpuasa Semasa Bekerja?<br>4. Tazkirah: Bonus dan Tawaran Istimewa di Bulan Ramadan.<br>5. Tazkirah: Manakah yang lebih Afdhal di antara Puasa Enam atau Berbuka Sekiranya Dijemput ke Jamuan | 1. Poster Media: Integriti Di PC Warga KPN<br>2. Bolehkah Penjawat Awam menerima Hadiah Dalam Musim Perayaan? |

### Mei - Ogos

| Hebahan Integriti | Bengkel/Program/ Taklimat | Tazkirah/Ceramah | Poster Media |
|---|---|---|---|
| 1. Hebahan Integriti : Peringatan Berhubung Larangan Membuat Pernyataan Awam oleh Pegawai Awam.<br>2. Hebahan Integriti: Elakkan Konflik Kepentingan.<br>3. Hebahan Integriti: Pengurusan Waktu Bekerja yang Berintegriti. | 1. Program Pengukuhan Integriti: Jeram Integriti, Jangan Lawan Arus. | 1. Tazkirah Integriti: Kepentingan Cinta Terhadap Tanah Air.<br>2. Tazkirah: Terbuka Dalam Menerima Nasihat. | 1. Poster Media : Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan yang Berintegriti.<br>2. Poster Media: Ketidakhadiran Tanpa Cuti. |

| Hebahan Integriti | Bengkel/Program/ Taklimat | Tazkirah/Ceramah | Poster Media |
|---|---|---|---|
| 4. Hebahan Integriti : Tugas dan Tanggungjawab Seorang Ketua Jabatan/ Penyelia.<br><br>5. Hebahan Integriti : Semangat Kemerdekaan Dalam Menjalankan Sebagai Penjawat Awam. | | | |

## September - Disember

| Hebahan Integriti | Bengkel/Program/ Taklimat | Tazkirah/Ceramah | Poster Media |
|---|---|---|---|
| 1. Hebahan Integriti: Reformasi Perkhidmatan Awam.<br><br>2. Hebahan Integriti: Sematkan Prinsip Taat Setia.<br><br>3. Hebahan Integriti: *Body Shaming* adalah Jenayah<br><br>4. Hebahan Integriti: Pengurusan Waktu Bekerja yang Berintegriti.<br><br>5. Hebahan Integriti: Hebahan ke Luar Negara. | 1. Pertandingan Mencipta Poster Integriti Sempena Sambutan Minggu Integriti 2024.<br><br>2. Pertandingan Video Pendek Integriti Sempena Sambutan Minggu Integriti 2024.<br><br>3. Pertandingan Kuiz Integriti Sempena Sambutan Minggu Integriti 2024.<br><br>4. Program Pengukuhan Integriti : Jelajah Integriti Jangan Hilang Arah.<br><br>5. Program Sambutan Minggu Integriti 2024.<br><br>6. Program Ceramah Integriti : Santai tapi Sampai. | 1. Tazkirah Integriti: Integriti Teras Keharmonian Negara. | - |

## PEMATUHAN

Aktiviti pematuhan merangkumi pelaksanaan tindakan seperti pemantauan ke atas undang-undang/peraturan/arahan yang berkuat kuasa, pemantauan ke atas kod etika dan pemantauan ke atas hasil tindakan pengesanan dan pengesahan.

### Bilangan Aktiviti Pematuhan

**Pematuhan ke Atas Undang-undang Peraturan yang berkuatkuasa**

| Jan - Apr | Mei - Ogos | Sept - Dis |
|---|---|---|
| 1 | 1 | 1 |

**Pemantauan ke atas Kod Etika**

| Jan - Apr | Mei - Ogos | Sept - Dis |
|---|---|---|
| 2 | 1 | 0 |

## TATATERTIB

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan setiap kes yang melibatkan pelanggaran tata kelakuan oleh warga Kementerian diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Berikut Kes Tatatertib Selesai pada Tahun 2024.

**Bilangan Kes Tatatertib Selesai**

| Jan - Apr | Mei - Ogos | Sept - Dis |
|---|---|---|
| 0 | 1 | 0 |

## Aktiviti Unit Integriti






Tadbir Urus: Ikrar Bebas Rasuah




Pengukuhan Integriti: Sambutan Minggu Integriti Peringkat Kementerian Perpaduan Negara





Pengukuhan Integriti: Motivasi Ubah Sikap

# UNIT AUDIT DALAM

## Pendahuluan

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah ditubuhkan pada tahun 2020 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian Atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, UAD KPN bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

UAD KPN yang diketuai oleh Ketua Unit Audit Dalam telah diberi kuasa untuk menjalankan pengauditan secara bebas, adil, dan saksama serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KPN. UAD KPN juga berperanan membantu KPN mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dengan menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

## Objektif

Membantu KPN mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dengan menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

## PELAKSANAAN PENGAUDITAN

Sepanjang tahun 2024, UAD KPN telah melaksanakan empat (4) jenis pengauditan iaitu Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pematuhan, Prestasi dan Pemeriksaan Mengejut seperti di Jadual 1.

### BILANGAN PENGAUDITAN DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2024

| JENIS PENGAUDITAN | BILANGAN PENGAUDITAN DILAKSANAKAN |
|---|---|
| Pengauditan Pengurusan Kewangan | 10 |
| Pengauditan Pematuhan | 2 |
| Pengauditan Prestasi | 1 |
| Pengauditan Mengejut | 5 |

## PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) menetapkan tugas Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan untuk memastikan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan kerajaan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan peruntukan kewangan dan sumber lain yang mencukupi diperoleh, digunakan, dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Pengauditan Pengurusan Kewangan bertujuan memastikan pengurusan kewangan di PTJ dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan. Audit ini membolehkan UAD KPN memantau prestasi kewangan di Kementerian. Skop pengauditan meliputi tujuh kawalan utama: Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Amanah, Kawalan Aset dan Stor, serta Kawalan Kenderaan.

Pada tahun 2024, UAD KPN telah melaksanakan enam (10) pengauditan Pengurusan Kewangan. Terdapat 91 penemuan isu Audit telah bangkitkan dan kesemua penemuan tersebut telah diambil tindakan dan penambahbaikan oleh PTJ yang terlibat seperti di bawah.

### BILANGAN PENEMUAN ISU AUDIT MENGIKUT KAWALAN

| 11 | 2 | 2 | 11 | 16 | 27 | 22 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pengurusan | Bajet | Terimaan | Perolehan | Perbelanjaan | Aset & Stor | Kenderaan |

## PENGAUDITAN PEMATUHAN

Pengauditan Pematuhan memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit atau kawalan pengurusan kewangan yang dilaksanakan terdapat setiap PTJ. Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam. UAD KPN telah melaksanakan dua (2) Pengauditan Pematuhan iaitu:

**i. Pemeriksaan Dan Pengauditan Akaun Rukun Tetangga**
**ii. Penyelenggaraan Baik Pulih dan Penyelenggaraan Premis di Bawah JPNIN Negeri Sarawak.**

## PENGAUDITAN PRESTASI

UAD KPN juga telah melaksanakan Pengauditan Prestasi untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kementerian dan Jabatan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pada tahun 2024, UAD KPN telah melaksanakan pengauditan terhadap **Pengurusan Penyaluran Peruntukan di Bawah OS42000 Bagi Pelaksanaan Program bagi tahun 2023**. Pengauditan ini dilaksanakan di JPNIN Negeri Pahang, Terengganu, Pulau Pinang dan Kelantan.

Setiap Rukun Tetangga akan disalurkan geran kewangan untuk digunakan bagi tujuan pelaksanaan aktiviti, urusan pentadbiran, bayaran bil utiliti, membeli kelengkapan dan peralatan pejabat serta apa-apa arahan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga. Geran yang disalurkan ke sesuatu Jawatankuasa Rukun Tetangga (JKRT) adalah di bawah Objek Sebagai 42000, Pemberian Dalam negeri yang merekodkan bayaran dalam bentuk pemberian.

## PENGAUDITAN MENGEJUT

Pemeriksaan Mengejut telah dilaksanakan terhadap pengurusan aset di empat (4) Perpustakaan Desa (PD), Perpustakaan Negara Malaysia dan dua (2) di Pejabat Perpaduan Daerah (PPD), JPNIN. Objektif Pemeriksaan Mengejut dijalankan adalah untuk menentukan semua aset yang diperoleh untuk kegunaan pejabat telah direkod dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran.

## PENGESAHAN BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI KEMENTERIAN (PERAKAUNAN AKRUAN)

UAD telah melaksanakan pengesahan baki awal aset dan liabiliti Kementerian Perpaduan Negara bermula pada tahun 2022. Ini berikutan arahan Kementerian Kewangan yang menghendaki semua Unit Audit Dalam membantu membuat pengesahan baki awal aset dan liabiliti Kementerian selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan yang akan dilaksanakan. Laporan Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti Kementerian Perpaduan ini akan dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JKKPPA) Kementerian Perpaduan Negara. UAD merupakan ahli bagi JKKPPA yang dipengerusikan oleh Ketua Akauntan Kementerian Perpaduan Negara dan Bahagian Akaun bertindak sebagai urus setia.

# MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT (JKA)

## PENUBUHAN DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT

Penubuhan Jawatankuasa Audit (JKA) di Kementerian Perpaduan Negara bertujuan memperkukuh dan meningkatkan tadbir urus, khususnya dalam pengurusan kewangan, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP) PS 3.2. Objektif JKA adalah untuk membincangkan isu yang dibangkitkan oleh UAD dan memastikan tindakan preventif dan korektif diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

## TADBIR URUS

Tadbir urus yang baik perlu memberi tumpuan kepada dua aspek utama:

1. **Prestasi:** Pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan, seperti yang diharapkan oleh pihak berkepentingan. Ia juga memastikan nilai terbaik dan pengurangan pembaziran sumber/dana.

2. **Pematuhan:** Kepatuhan kepada undang-undang, peraturan, dan piawaian yang ditetapkan. Masyarakat mengharapkan amalan kejujuran, akauntabiliti, integriti, serta perkongsian maklumat secara telus.

Untuk memperkukuh tadbir urus, UAD memainkan peranan penting melalui pengauditan. Hasil audit dan penemuan serta cadangan penambahbaikan harus diberi perhatian serius dan diambil tindakan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan awam.

# AHLI TETAP JAWATANKUASA AUDIT (JKA)

## SENARAI AHLI TETAP MESYUARAT JKA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

| Bil. | Senarai Ahli JKA | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | Ketua Setiausaha | Pengerusi |
| 2. | Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Perancangan) | Ahli |
| 3. | Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) | Ahli |
| 4. | Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional | Ahli |
| 5. | Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia | Ahli |
| 6. | Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia | Ahli |
| 7. | Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia | Ahli |
| 8. | Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan | Ahli |
| 9. | Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Ahli |
| 10. | Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat | Ahli |
| 11. | Ketua Akauntan | Ahli |
| 12. | Ketua Unit Integriti | Ahli |
| 13. | Ketua Unit Audit Dalam | Setiausaha |

## PELAKSANAAN MESYUARAT JKA TAHUN 2024

Kesemua pemerhatian, Laporan Audit Dalam dan Maklum balas Laporan Ketua Audit Negara akan dibentangkan dalam mesyuarat JKA bagi memastikan tindakan preventif dan korektif diambil oleh pihak bertanggungjawab supaya kelemahan-kelemahan yang berkaitan dapat segera diperbetulkan dan tidak berulang. Pada tahun 2023, sebanyak empat (4) siri mesyuarat JKA telah berjaya dilaksanakan dan empat (4) Laporan Mesyuarat JKA telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan selaras dengan kehendak PP PS 3.2, Perkara 6. Butiran lanjut adalah seperti jadual di bawah.

## PELAKSANAAN MESYUARAT JKA TAHUN 2024

| Bil. | Mesyuarat | Tarikh Dilaksanakan | Tarikh Kemukakan Laporan* | Pengerusi |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bil 1/2024 | 29.3.2024 | 4.4.2024 | Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara |
| 2. | Bil 2/2024 | 9.7.2024 | 12.7.2024 | |
| 3. | Bil 3/2024 | 8.10.2024 | 14.10.2024 | |
| 4. | Bil 4/2024 | 7.11.2024 | 13.11.2024 | |

## PENCAPAIAN PELAKSANAAN AUDIT TAHUN 2024

Setakat 31 Disember 2024, pengauditan yang dilaksanakan bagi keseluruhan tahun 2024 ialah sebanyak 19 program audit seperti di bawah:

### PENCAPAIAN KERJA PENGAUDITAN TAHUN 2024

| Bil. | Jenis Pengauditan | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | **Pengurusan Kewangan** | • Bahagian Khidmat Pengurusan, KPN<br>• JPNIN Negeri Perlis<br>• JPNIN Negeri Melaka<br>• JPNIN Negeri W.P Labuan<br>• JPNIN Negeri Kelantan<br>• JPNIN Negeri Sarawak<br>• JPNIN Bahagian Miri<br>• Perpustakaan Negara Malaysia<br>• Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan<br>• Arkib Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang |
| 2. | **Pengauditan Pematuhan Pemeriksaan Dan Pengauditan Akaun Rukun Tetangga** | • Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampong Berjaya Alor Setar, Kedah |
| 3. | **Pengauditan Pematuhan Penyelenggaraan Baik Pulih dan Penyelenggaraan Premis di Bawah JPNIN Negeri Sarawak** | • JPNIN Negeri Sarawak<br>• Tabika Perpaduan Taman Sri Makmur, Kuching<br>• Tabika Perpaduan Bumbok, Kuching<br>• Pusat Aktiviti Rukun Tetangga Uma Belor, Bintulu<br>• Pusat Rukun Tetangga Sungai Plan, Bintulu<br>• Tabika Perpaduan Taman Harmoni, Sri Aman |
| 4. | **Pengauditan Prestasi Pengurusan Penyaluran Peruntukan di Bawah OS42000 Bagi Pelaksanaan Program bagi tahun 2024** | • JPNIN Negeri Pahang<br>• JPNIN Negeri Terengganu<br>• JPNIN Negeri Pulau Pinang |
| 5. | **Pengauditan Mengejut** | • PD RPA Pauh, Perlis<br>• PD Kampung Peladang, Perlis<br>• PD Kampung Tebengau, Kedah<br>• PPD Pendang, Kedah<br>• PPD Seberang Perai Utara, Pulau Pinang |

## AKTIVITI PENGAUDITAN SEPANJANG TAHUN 2024



Pengauditan Mengejut Perpustakaan RPA Pauh



Pengauditan Mengejut Perpustakaan Desa Kampung Peladang




Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 4/2024




Lawatan Audit Muzium Kota Kayang



Pengauditan Kewangan JPNIN Sarawak




Pengauditan Kewangan Perpustakaan Negara Malaysia

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Pengenalan

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan sebagai penyampai dasar, aktiviti, program dan semua hebahan berkaitan perpaduan kepada pemegang taruh dan orang awam. Struktur UKK adalah seperti berikut:

i. Seksyen Hal Ehwal Korporat
ii. Seksyen Komunikasi Strategik
iii. Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan

## Objektif

i. Bertindak sebagai jurucakap Kementerian dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang ada kaitan dengan Kementerian; dan

ii. Mewujudkan hubungan baik dan perhubungan awam yang proaktif serta berkesan dengan orang ramai terutamanya yang menyentuh aspek dasar, perkhidmatan dan pengurusan Kementerian.

## PENGURUSAN MEDIA

Bagi tujuan mempromosi program dan inisiatif Kementerian, Jabatan dan Agensi, beberapa siri sesi temu bual melalui televisyen dan radio telah dilaksanakan oleh UKK yang melibatkan YB Menteri, YB Timbalan Menteri. Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan KPN. Penyelarasan promosi ini adalah untuk menghebahkan maklumat berhubung program, inisiatif, pencapaian dan perkhidmatan yang disediakan oleh KPN kepada masyarakat. Jumlah temu bual media dan iklan yang telah diselaraskan oleh UKK adalah seperti berikut:

**TELEVISYEN**

- Wawancara / Temu Bual
- Liputan Berita
- Rerayap
- Jingles

**RADIO**

- Wawancara / Temu Bual
- Liputan Berita
- Rerayap
- Jingles
















## PUBLISITI MEDIA SOSIAL

Bagi menyokong usaha-usaha KPN dalam memacu nadi pembangunan negara dan selaras dengan perkembangan semasa, media sosial memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat.

Pengurusan media sosial merupakan antara platform bagi hebahan maklumat mengenai dasar, program dan inisiatif Kementerian. Pada tahun 2024, perincian pencapaian pengikut di platform media sosial adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| *FOLLOWERS* | : 58,030 |
| *REACH* | : 1,100,000 |
| *IMPRESSIONS* | : 5,388,197 |

| | |
|---|---|
| *FOLLOWERS* | : 8,267 |
| *REACH* | : 145,517 |

| | |
|---|---|
| *SUBSCRIBERS* | : 1,900 |
| *VIEWS* | : 389,005 |

| | |
|---|---|
| *FOLLOWERS* | : 7,542 |
| *IMPRESSION* | : 153,433 |

| | |
|---|---|
| *FOLLOWERS* | : 10,300 |
| *VIEWS* | : 691,000 |
| *LIKES* | : 184,818 |

## PENYELARASAN KURSUS

Bagi melahirkan pegawai dan kakitangan yang berkompetensi dan berkredibiliti dalam melaksanakan tugas-tugas di Unit Komunikasi Korporat (UKK) Kementerian, Jabatan dan Agensi, beberapa kursus telah dilaksanakan yang melibatkan Pegawai Perhubungan Awam dan Jurufoto di Jabatan dan Agensi di bawah KPN.

## BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK KOMUNIKASI KORPORAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN AGENSI DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 2025

Bengkel Perancangan Strategik Komunikasi Korporat Kementerian Perpaduan Negara dan Agensi di bawahnya bagi tahun 2025 ini diperlukan sebagai platform untuk membuat '*post-mortem*' dan membincangkan masalah-maslah dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan program-program dan aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi tahun 2024 serta membuat penambahbaikan agar memenuhi hala tuju Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2025.

Amalan Perhubungan Awam dan Pengurusan Persepsi diberi penekanan kepada peserta kerana ia merupakan kunci kepada kejayaan seorang pegawai Perhubungan Awam Kerajaan. Peserta turut didedahkan penggunaan MoJo (Mobile Journalisme) dalam membuat liputan berita di lapangan.






# PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

## Pengenalan

Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) ialah suatu Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia dan menangani semua isu yang melibatkan undang-undang yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Pejabat ini juga berperanan untuk memberi khidmat nasihat perundangan kepada 11 Bahagian dan 7 Jabatan/ Agensi di bawah KPN bagi semua isu perundangan yang dibangkitkan oleh Bahagian, Jabatan/ Agensi yang terlibat.

Pejabat Penasihat Undang-undang diwujudkan bersekali dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020. Pada awal penubuhan, PUU hanya diperuntukkan dengan tiga (3) jawatan sahaja. Namun, selepas penstrukturan semula KPN pada 1 Ogos 2024, PUU telah diberi tambahan tiga (3) lagi perjawatan menjadikan jumlah keseluruhan perjawatan ialah enam (6) jawatan.

## Objektif

Memberi nasihat perundangan kepada Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara dengan mengambil kira dasar Kerajaan dan kepentingan awam.

## PENCAPAIAN TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, pejabat ini telah menyemak 460 Perjanjian/Memorandum Persefahaman/ Nota Kerjasama dan dokumen perundangan yang lain.

### STATISTIK SEMAKAN DOKUMEN PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG 2024

| KEMENTERIAN/ AGENSI | KPN | JPNIN | JMM | ANM | PNM |
|---|---|---|---|---|---|
| **DOKUMEN** | | | | | |
| Perjanjian Perkhidmatan | 15 | 42 | 57 | 61 | 19 |
| Perjanjian Penyewaan | - | 184 | 4 | 3 | 4 |
| MOU/ Nota Kerjasama | 3 | 2 | 2 | 1 | 3 |
| Lain-lain | 3 | 2 | - | 1 | 1 |
| Jumlah | 21 | 230 | 63 | 66 | 27 |
| **Keseluruhan** | | | **407** | | |

## STATISTIK BILANGAN PANDANGAN UNDANG-UNDANG BERTULIS (TIDAK TERMASUK PANDANGAN LISAN YANG DIBERIKAN SEWAKTU MESYUARAT DAN PERMOHONAN LISAN DARIPADA BAHAGIAN ATAU PIHAK PENGURUSAN)

| KEMENTERIAN/ AGENSI | KPN | JPNIN | JMM | ANM | PNM | MITRA | YTAR |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **DOKUMEN** | | | | | | | |
| Pandangan Undang-undang | 4 | 13 | 1 | 12 | 7 | 3 | 1 |
| Kes Tatatertib | 1 | 2 | - | 1 | - | - | - |
| Kes Guaman | - | 2 | 1 | - | - | - | - |
| Penyediaan Jawapan dan Maklumat | 5 | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah | 10 | 17 | 2 | 13 | 7 | 3 | 1 |
| Jumlah Keseluruhan | | | | **53** | | | |

## MESYUARAT/ BENGKEL/ KURSUS/ TAKLIMAT YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG (TIDAK TERMASUK JEMPUTAN SECARA LISAN)

| KEMENTERIAN/ AGENSI | KEMENTERIAN/ AGENSI |
|---|---|
| Mesyuarat | 97 |
| Bengkel | 12 |
| Latihan/ Perbincangan/ Persidangan/ Pembentangan/ Libat Urus | 25 |
| Kursus | 8 |
| Taklimat | 4 |
| Majlis/ Program/ Aktiviti/ Ceramah | 31 |
| Lain-lain | 8 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **185** |

# PERTUKARAN KELUAR / MASUK PEGAWAI DI PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG KPN TAHUN 2024

## PEGAWAI BERTUKAR KELUAR



**PUAN ZURAINEY BINTI ABDULLAH**
Penyelaras Program Undang-Undang
Tarikh Kuat Kuasa : 31 Disember 2023

## PEGAWAI BERTUKAR MASUK



**ENCIK AHMAD NAJMI BIN MOHD YUSOFF**
Pegawai Undang-Undang (L10)
Tarikh Kuat Kuasa : 21 Oktober 2024



**CIK SITI MUZLIFAH BINTI MOHAMMAD**
Penyelaras Program Undang-Undang
Tarikh Kuat Kuasa : 13 Februari 2024



**CIK NUR AIN NATASHA BINTI RAZALI**
Penyelaras Program Undang-Undang
Tarikh Kuat Kuasa : 13 Februari 2024

# AKTIVITI PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG TAHUN 2024



Persidangan Pegawai Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara



Bengkel Pindaan Akta Arkib Negara Malaysia



Latihan *Emergency Response Team* dan *Fire Drill* KPN

# LAPORAN BAHAGIAN
## SEKTOR DASAR







- BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
- BAHAGIAN KESEPADUAN NASIONAL
- BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK

# BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

## Pengenalan

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA) berperanan untuk merancang, menggubal, menyelaras dan memantau serta mengawasi pelaksanaan dasar-dasar sosial berkaitan perpaduan melalui program dan aktiviti untuk memastikan Visi dan Misi Kementerian tercapai. Bahagian ini juga menerajui usaha dalam memastikan Malaysia terus mendapat manfaat daripada penglibatan dan keahlian dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa.

Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) seksyen iaitu:

i. Seksyen Dasar dan Perancangan Strategik;
ii. Seksyen Keurusetiaan Strategik; dan
iii. Seksyen Hubungan Antarabangsa.

## Objektif

i. Merealisasikan pelaksanaan dasar-dasar perpaduan negara oleh semua pihak demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

ii. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai terhadap Dasar Perpaduan Negara melalui perkongsian pintar (Smart Partnership) bersama kementerian yang berkaitan serta pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan.

# PENCAPAIAN TAHUN 2024

## SEKSYEN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

### PEMBANGUNAN PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM: PEMBUDAYAAN AMALAN PATRIOTISME DAN TAAT SETIA PENJAWAT AWAM

Bengkel cadangan pembangunan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam: Pembudayaan Amalan Patriotisme dan Taat Setia Penjawat Awam telah dilaksanakan pada 2 Oktober 2024 bertempat di Dewan Seroja, Presint 15, Putrajaya. Bengkel ini dilaksanakan bagi mendapatkan input dan pandangan bagi tujuan pembangunan pekeliling bagi meningkatkan tahap patriotisme dalam kalangan penjawat awam.

Bengkel ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan telah dihadiri oleh wakil Pegawai-pegawai Kenegaraan daripada pelbagai Kementerian dan Agensi serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.





### BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2025

Bengkel Perancangan Strategik Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2025 telah diadakan pada 6-8 Disember 2024 bertempat di Avillion Port Dickson dengan dihadiri oleh wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan agensi bagi membincangkan perancangan dan hala tuju bagi tahun 2025. Bengkel yang telah dilaksanakan ini telah menghasilkan lima (5) Iltizam yang dijadikan sebagai panduan dalam merangka program-program perpaduan bagi tahun 2025.





## URUSAN PENYEDIAAN MEMORANDUM JEMAAH MENTERI DAN NOTA JEMAAH MENTERI, KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sepanjang tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan sembilan (9) Memorandum Jemaah Menteri dan sepuluh (10) Nota Jemaah Menteri dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

### KERTAS MEMORANDUM JEMAAH MENTERI (MJM) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

| Bil. | Tajuk | Tarikh Pembentangan |
|---|---|---|
| 1. | Keputusan Mesyuarat MPPN Bil.1 Tahun 2024 | 22 Mac 2024 |
| 2. | Cadangan Pindaan Akta Rukun Tetangga 2012 | 20 Jun 2024 |
| 3. | Penganjuran Program Citra Nusa @ Indonesia: Kita Serumpun, Indonesia 1 Julai - 31 Ogos 2024 dan Lawatan Kerja ke Indonesia 11 - 14 Ogos 2024 | 28 Jun 2024 |
| 4. | Lawatan Kerja ke Singapura 28 Julai - 1 Ogos 2024 | 28 Jun 2024 |
| 5. | Lawatan Kerja ke Republik Turkiye dan Washington D.C Amerika Syarikat 6-12 Oktober 2024 | 18 September 2024 |
| 6. | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman bagi Tahun 2023 (Telah Diaudit) | 25 Oktober 2024 |
| 7. | Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama Bilangan 1, Tahun 2024 | 8 November 2024 |
| 8. | Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik Korea, 24-26 November 2024 | 8 November 2024 |
| 9. | Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara Bilangan 2 Tahun 2024 | 15 November 2024 |

### KERTAS NOTA JEMAAH MENTERI (NJM) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

| Bil. | Tajuk | Tarikh Pembentangan |
|---|---|---|
| 1. | Inisiatif Ini Warisan Kita dengan Tema Melestarikan Perpaduan | 3 Januari 2024 |
| 2. | Mekanisme Pengurusan Isu Perpaduan Melalui Sistem e-Sepakat dan Laporan Isu Perpaduan Tahun 2023 | 24 Januari 2024 |
| 3. | Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 | 20 Jun 2024 |
| 4. | Sambutan Minggu Perpaduan | 5 Julai 2024 |
| 5. | Hasil Persidangan Antarabangsa : Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi-Jing , 11-13 Julai 2024 | 21 Ogos 2024 |
| 6. | Hasil Lawatan Kerja Ke Singapura 28 Julai - 1 Ogos 2024 | 21 Ogos 2024 |

| Bil. | Tajuk | Tarikh Pembentangan |
|---|---|---|
| 7. | Hasil Lawatan Kerja Ke Indonesia , 11-14 Ogos 2024 | 3 September 2024 |
| 8. | Pelaksanaan Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak | 18 Oktober 2024 |
| 9. | Resolusi Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional 2024 | 29 November 2024 |
| 10. | Resolusi Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti | 20 Disember 2024 |

## PENYEDIAAN ULASAN MEMORANDUM JEMAAH MENTERI

Sepanjang tahun 2024, Bahagian ini telah menyediakan sebanyak tiga puluh lima (35) ulasan Memorandum Jemaah Menteri yang diterima daripada lain-lain Kementerian.

## PROGRAM SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG (SANTUNI MADANI)

Program ini merupakan satu kaedah meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung serta libat urus bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi dan keperluan penduduk di kampung tersebut. Fokus utama program ini adalah mengenai isu-isu sosioekonomi setempat. Antara isu-isu yang perlu dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. Kemiskinan;
ii. Keciciran pendidikan;
iii. Kesihatan;
iv. Pengangguran;
v. Keselamatan;
vi. Penyalahgunaan dadah; dan
vii. Infrastruktur.

Senarai kampung terlibat pengikut pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara adalah seperti berikut:

| Bil. | Pemimpin | | Kampung Santuni MADANI |
|---|---|---|---|
| | Nama | Jawatan | |
| 1. | YB Datuk Aaron Ago Dagang | Menteri Perpaduan Negara | KRT Rantau Dilang Zon 2, Kanowit, Sarawak |
| 2. | YB Senator Puan Saraswathy Kandasami | Timbalan Menteri Perpaduan Negara | i. Ladang Mary, Bestari Jaya, Selangor<br>ii. Ladang Bukit Tagar, Bukit Tagar, Selangor |
| 3. | YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad | Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara | Kampung Sungai Udang, Klang, Selangor |
| 4. | YBhg. Dato' Haji Che Roslan Bin Che Daud | Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional | KRT Kampung Baru Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan |
| 5. | YBhg. Datuk Kamarul Baharin Bin A. Kasim | Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia | Kampung Melayu, Jalan Sungai Lembing, Kuantan, Pahang |
| 6. | YBhg. Dato' Jaafar Sidek Bin Hj. Abdul Rahman | Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia | Kampung Bota Kanan, Bota, Perak |

| Bil. | Pemimpin | | Kampung Santuni MADANI |
|---|---|---|---|
| | Nama | Jawatan | |
| 7. | YBrs. Puan Salasiah Binti Abdul Wahab | Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia | Kampung Padang Tembak/Teluk Muroh, Lumut, Perak |
| 8. | Encik Wong Kin Lun | Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sukarelawan Siswa | Kampung Baru Chui Chak, Langkap, Perak |
| 9. | Puan Ida Thien Feng Feng | Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Tunku Abdul Rahman | i. PPR Seri Alam, Kuala Lumpur<br>ii. PPR Seri Selangor, Kuala Lumpur<br>iii. PPR Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur<br>iv. PPR Lembah Subang, Selangor |
| 10. | Encik Tengku Harith Bin Aziz | Setiausaha Lembaga Yayasan Tun Razak | Kg. Wakaf Raja, Pasir Puteh, Kelantan |

## PENYELARASAN URUSAN PARLIMEN (DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA)

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 43 pertanyaan (Lisan dan Bukan Lisan) bagi Dewan Rakyat dan sebanyak 29 soalan (Lisan dan Bukan Lisan) Dewan Negara telah dijawab oleh YB Menteri dan Timbalan Menteri Perpaduan Negara yang melibatkan isu-isu perpaduan dan integrasi nasional. Kementerian Perpaduan Negara juga turut terlibat dalam menjawab pertanyaan-pertanyaan dalam sesi penggulungan Belanjawan 2025 pada bulan Disember yang lalu.

Berikut merupakan pecahan pertanyaan mengikut kluster bagi sesi persidangan Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas Tahun 2024 yang melibatkan Kementerian Perpaduan Negara:

| No. | Kluster | Bilangan Soalan | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | Lisan | Bertulis | |
| | **DEWAN RAKYAT** | | | |
| 1. | Dasar & Perancangan | 12 | 4 | 16 |
| 2. | Kawasan Rukun Tetangga | 4 | 1 | 5 |
| 3. | IPNas | 4 | 1 | 5 |
| 4. | Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan | 2 | 1 | 3 |
| 5. | Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara | 2 | - | 2 |
| 6. | Rang Undang-Undang | 1 | - | 1 |
| 7. | Muzium | 4 | 2 | 6 |
| 8. | Arkib | 2 | 1 | 1 |
| 9. | Perpustakaan | - | 2 | 4 |
| | **JUMLAH** | **31** | **12** | **43** |

| No. | Kluster | Bilangan Soalan | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | Lisan | Bertulis | |
| **DEWAN NEGARA** | | | | |
| 1. | Dasar & Perancangan | 12 | 1 | 13 |
| 2. | Kawasan Rukun Tetangga | 2 | - | 2 |
| 3. | IPNas | 2 | - | 2 |
| 4. | Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan | 2 | - | 2 |
| 5. | Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara | 2 | 1 | 3 |
| 6. | Rang Undang-Undang | - | - | - |
| 7. | Muzium | 3 | - | 3 |
| 8. | Arkib | - | - | - |
| 9. | Perpustakaan | 4 | - | 4 |
| 10. | Masyarakat Siam | - | - | - |
| | **JUMLAH** | **27** | **2** | **29** |



Sesi Jawab Lisan Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Ke-15



Sesi Penggulungan Belanjawan Tahun 2025 Bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Ke-15

## BENGKEL PEMINDAHAN PENGETAHUAN BAGI KAJIAN PEMBANGUNAN MODEL KESEPADUAN SOSIAL SABAH DAN SARAWAK

Bengkel Pemindahan Pengetahuan bagi Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak telah diadakan pada 25 – 27 Jun 2024 (Selasa – Khamis), bertempat di Pan Borneo Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Bengkel ini dihadiri seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Kanan Kementerian dan agensi bagi mendapatkan pencerahan berkaitan dengan hasil kajian yang telah dilaksanakan.





Bengkel Pemindahan Pengetahuan Bagi Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah Dan Sarawak

## BENGKEL CADANGAN KAJIAN SOSIAL BAGI PERANCANGAN TAHUN 2025 – 2030 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Bengkel Caadangan Kajian Sosial bagi Perancangan Tahun 2025-2030 Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan pada 12 – 14 Ogos 2024 (Isnin – Rabu), bertempat di Hotel Copthorne, Cameron Highlands, Pahang. Bengkel ini dihadiri seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Kanan Kementerian dan agensi bagi menyemak dan memperhalusi cadangan-cadangan kajian yang bersesuaian untuk dilaksanakan bagi tempoh 2025 – 2030 berdasarkan kepada hala tuju Kementerian.





Bengkel Cadangan Kajian Sosial Bagi Perancangan Tahun 2025 – 2030 Kementerian Perpaduan Negara

## PELAPORAN KERANGKA STRATEGIK MALAYSIA MADANI

Pada tahun 2024, Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras, memantau dan melaporkan prestasi Anggota Ahli Jemaah Menteri di bawah Agenda Malaysia MADANI melalui Kerangka Strategik Malaysia MADANI.

Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) adalah merupakan kerangka yang menggabung, memeta dan menyusun strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang dirancang di bawah dasar-dasar utama negara yang melibatkan semua kementerian.

Antara strategi dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara di bawah KSMM ini adalah seperti berikut:

| Bil. | Strategi | Inisiatif | Sasaran & Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 1. | Membudayakan Masyarakat MADANI | **Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Cintakan Negara** melalui penyertaan rakyat dalam program di bawah kluster **Semarak Kenegaraan** | 469,380 penyertaan<br><br>**521,366 Penyertaan** |
| 2. | Membudayakan Masyarakat MADANI | **Mengukuhkan Tapak Integrasi Sosial** melalui penyertaan rakyat dalam program di bawah kluster **Semarak Perpaduan** | 1,526,620 penyertaan<br><br>**1,690,800 penyertaan** |
| 3. | Membudayakan Masyarakat MADANI | **Meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama** melalui penyertaan masyarakat **di bawah Inisiatif Harmoni MADANI** | 505,500 penyertaan<br><br>**1,455,321 penyertaan** |
| 4. | Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat | **Memperkukuh Ekosistem Perpaduan yang mampan bagi membangun masyarakat progresif** melalui penglibatan masyarakat dalam program **di bawah kluster Komuniti Rahmah** | 4,165,550 penyertaan<br><br>**5,732,230 penyertaan** |
| 5. | Membudayakan Masyarakat MADANI | **Memperkukuh Jaringan Kolaborasi Strategik** melibatkan kerjasama Rakan Strategik dan pihak berkepentingan | 34 program kolaborasi<br><br>**55 program kolaborasi** |
| 6. | Membudayakan Masyarakat MADANI | **Memperkukuh Keberkesanan Penilaian Program** melalui pelaksanaan kajian penilaian program | 85% peningkatan tahap hubungan sosial rentas etnik dan jati diri<br><br>**96.35% peningkatan tahap hubungan sosial rentas etnik dan jati diri** |

## PROGRAM BERIMPAK TINGGI KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2024

Pada tahun 2024 juga, Kementerian Perpaduan Negara telah melaporkan lima (5) program berimpak tinggi sebagai sebahagian program di bawah dasar, inisiatif dan bantuan Kerajaan MADANI. Lima (5) program berimpak tinggi tersebut adalah seperti berikut:

| Bil. | Program Berimpak Tinggi Kementerian | Objektif | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | **Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** | **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** diperkenalkan bagi menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional yang meliputi **tiga (3) kluster** program iaitu:<br><br>i. Semarak Kenegaraan<br>ii. Semarak Perpaduan<br>iii. Komuniti Rahmah | RM40 juta |
| 2. | **Sambutan Minggu Perpaduan** | Sambutan Minggu Perpaduan merupakan program utama yang dirancang di bawah Kluster Semarak Perpaduan. Pengisian program dalam Sambutan Minggu Perpaduan adalah berlandaskan tema 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian' yang akan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti ekspresi kasih dan dan pemaparan perasaan persahabatan serta persaudaraan erat yang akan memperkukuhkan semangat kekeluargaan. Sambutan ini akan dapat mempelbagaikan program yang dapat memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan atau *moment of unity*. | Di bawah peruntukan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI RM40 juta |
| 3. | **Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga Progresif (RT Progresif)** | Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif adalah untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti. | RM20 juta |
| 4. | **Inisiatif Harmoni MADANI** | Harmoni MADANI diperkenalkan dengan mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima** | Di bawah peruntukan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI RM40 juta |
| 5. | **Inisiatif Ini Warisan Kita** | Pelaksanaan inisiatif ini adalah bagi melestarikan perpaduan dengan **meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum mengenai khazanah warisan negara.** | Di bawah peruntukan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI RM40 juta |

## BENGKEL PENETAPAN KAMUS PETUNJUK PRESTASI PENJAWAT PENGURUSAN TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM (PPTPA) BAGI TIER 2 DAN TIER 3 TAHUN 2024

Unit *Key Performance Indicator* (KPI), Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa selaku urus setia bagi penyelarasan *Key Performance Indicators* (KPI) bagi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) telah mengadakan Bengkel Penetapan Kamus Petunjuk Prestasi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) bagi Tier 2 dan Tier 3 Kementerian Perpaduan Negara pada 2 Julai 2024 di Hotel Double Tree by Hilton, Putrajaya.

Sesi bengkel ini telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian serta pegawai agensi yang bertanggungjawab dalam penyediaan perkara tersebut. Bengkel ini diadakan adalah bagi merancang dan menyelaras penyediaan KPI bagi Tier 2 dan 3 agar ia mengikut perancangan dan hasrat Kementerian.






Sesi Bengkel Penetapan Kamus Petunjuk Prestasi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Bagi Tier 2 Dan Tier 3 Tahun 2024

## PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS (RMK13)

Pada 30 Ogos 2024, Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah mengarahkan semua Ketua Jabatan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun untuk menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) adalah pelan pembangunan negara yang dirancang oleh Kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan sosial sepanjang lima tahun pelaksanaanya. RMK13 dijangka akan dilaksanakan bermula tahun 2026 hingga 2030. Dalam memastikan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat, Kementerian Perpaduan Negara akan memainkan peranan penting di bawah **kluster Perpaduan dan Nilai Sahsiah**.

Antara perkara penting yang akan menjadi perhatian utama di bawah kluster ini adalah berkaitan **perpaduan dan integrasi serta patriotisme dan kenegaraan**. Terdapat **tiga (3) strategi** yang dicadangkan di bawah **kluster Perpaduan dan Integrasi** iaitu:

i. Memperkukuh integrasi dan pembinaan negara bangsa;
ii. Memperkukuh ekosistem perpaduan; dan
iii. Memupuk keharmonian dalam kepelbagaian melalui Harmoni MADANI.

Manakala **dua (2) strategi** yang dicadangkan di bawah **kluster Patriotisme dan Kenegaraan** adalah seperti berikut:

i. **Mempertingkatkan patriotisme dan pembinaan identiti nasional; dan**
ii. **Memartabatkan khazanah warisan negara.**

Secara keseluruhan, hala tuju yang melibatkan agenda perpaduan, patriotisme dan kenegaraan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) meliputi **lima (5) strategi dengan sembilan belas (19) inisiatif.**

# SEKSYEN KEURUSETIAAN STRATEGIK

## URUS SETIA MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)

Mesyuarat MPPN Bilangan 1 Tahun 2024 dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II pada 29 Februari 2024 bertempat di Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Sebanyak lima (5) kertas cadangan dan makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

Mesyuarat MPPN Bilangan 2 Tahun 2024 dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II pada 16 Oktober 2024 bertempat di Parlimen Malaysia. Sebanyak tiga (3) kertas cadangan dan makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.






## URUS SETIA MAJLIS MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK SERTA EXCO-EXCO PERPADUAN NEGERI (MEXUNITY)

Mesyuarat MExUnity Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YB Menteri telah diadakan pada 27 Mei 2024 bertempat di Hotel Amari, Johor Bahru. Sebanyak enam (6) kertas cadangan dan makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

Mesyuarat MExUnity Bilangan 2 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YB Menteri telah diadakan pada 10 Oktober 2024 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Sebanyak empat (4) kertas cadangan dan makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.






## URUS SETIA MESYUARAT PASCA KABINET KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sepanjang tahun 2024, Mesyuarat Pasca Kabinet telah diadakan sebanyak 27 kali. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara bagi membincangkan keputusan-keputusan kerajaan yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri serta perkara-perkara yang memerlukan perhatian dan tindakan oleh setiap Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KPN.




## URUS SETIA MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN

Sepanjang tahun 2024, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi telah diadakan sebanyak 24 kali. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Kementerian bagi membincangkan perkara-perkara utama yang memerlukan perhatian dan tindakan oleh setiap Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KPN.



# SEKSYEN HUBUNGAN ANTARABANGSA

## LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE SINGAPURA PADA 28 JULAI HINGGA 1 OGOS 2024

Lawatan kerja selama lima (5) hari ini diketuai oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Jabatan.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dengan Singapura khususnya melalui bidang pengurusan perpaduan, sejarah dan permuziuman serta pengurusan perpustakaan selaras dengan fungsi utama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Antara pengisian strategik semasa lawatan kerja ini ialah sesi kunjungan hormat kepada Mr. Edwin Tong, Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia dan Menteri Kedua Undang-undang Singapura; lawatan penanda aras ke beberapa buah perpustakaan utama di Singapura iaitu *National Library Board, Singapore, Central Public Library* dan *Punggol Regional Library*; lawatan penanda aras dan perbincangan kerjasama ke *Heritage Conservation Centre* (HCC) dan ASIAN *Civilisations Museum* (ACM); dan lawatan ke *Harmony in Diversity Gallery* (HIDG) dan *Inter Religious Organisation* (IRO).

Lawatan ini juga dapat memberi faedah berhubung penggunaan teknologi terkini dan kepakaran dalam bidang permuziuman dan perpustakaan bagi tujuan pemantapan sistem dan pengurusan permuziuman serta perpustakaan dalam negara.



Kunjungan Hormat kepada Mr. Edwin Tong, Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia dan Menteri Kedua Undang-undang Singapura




Lawatan ke S. Rajaratnam *School of International Studies* (RSIS)



Lawatan ke *National Library Board* Singapore



Sesi Ramah Mesra 'Segulai Sejalai' Diaspora Malaysia



Lawatan ke *Heritage Conservation Centre* (HCC)

## LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE INDONESIA PADA 11 HINGGA 14 OGOS 2024

YB Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan Lawatan Kerja ke Indonesia pada 11 hingga 14 Ogos 2024. Lawatan Kerja ini berlangsung selama empat (4) hari dengan pelbagai pengisian termasuklah perbincangan dua hala berkaitan kerjasama antarabangsa dalam aspek perpaduan, mediasi komuniti, perpustakaan, arkib dan permuziuman.

Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk mengadakan perbincangan dua hala berkaitan kerjasama antarabangsa dalam aspek perpaduan, mediasi komuniti, perpustakaan, arkib dan permuziuman serta merasmikan Pameran Citra Nusa @ Indonesia: Kita Serumpun di Muzium Kebangkitan Nasional, Jakarta, Indonesia pada 13 Ogos 2024.




Acara Pembukaan Citra Nusa @ Indonesia



Lawatan Penandaarasan ke Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI)



Lawatan Penandaarasan ke Pusat Mediasi Nasional (PMN)




Lawatan Penandaarasan ke Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PERPUSNAS)



Lawatan Penandaarasan ke Pusat Mediasi Nasional (PMN)

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT DR. KAROMIDIN GADOEV, *AMBASSADOR EXTRAORDINARY AND PLENIPOTENTIARY* DARI REPUBLIK UZBEKISTAN KE MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERPADUAN NEGARA

YB Menteri Perpaduan Negara telah menerima Kunjungan Hormat dari *Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary* Republik Uzbekistan, TYT Dr. Karomidin Gadoev pada 10 Mei 2024 bertempat di Kementerian Perpaduan Negara. Turut menghadiri sesi kunjungan hormat tersebut ialah YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan wakil-wakil dari Perpustakaan Negara Malaysia.

Kunjungan hormat tersebut bertujuan untuk mengukuhkan hubungan dua hala di antara kedua-dua pihak serta membincangkan program kerjasama di antara institusi perpustakaan di kedua-dua negara.




YB Menteri Perpaduan Negara bersama TYT Dr. Karomidin Gadoev, *Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary* Republik Uzbekistan

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT RAGAI TAWFIK SAID NAS, DUTA BESAR REPUBLIK ARAB MESIR KE MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERPADUAN NEGARA

YB Menteri Perpaduan Negara menerima Kunjungan Hormat daripada Duta Besar Republik Arab Mesir ke Malaysia, TYT Ragai Tawfik Said Nas pada 19 Jun 2024. Pertemuan ini adalah bertujuan membincangkan kerjasama antara Malaysia dan Mesir berhubung cadangan pameran oleh Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Muzium Malaysia di The Global Egypt Museum.

YB Menteri Perpaduan Negara turut menyatakan komitmen Malaysia untuk terus menjalin hubungan baik dengan Mesir melalui program kerjasama dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara.




YB Menteri bersama Duta Besar Republik Arab Mesir ke Malaysia, TYT Ragai Tawfik Said Nas diiringi Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT EDGARD D. KAGAN, DUTA BESAR AMERIKA SYARIKAT KE MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERPADUAN NEGARA

YB Menteri Perpaduan Negara menerima Kunjungan Hormat daripada Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, TYT Edgard D. Kagan pada 26 Julai 2024 bertempat di Kementerian Perpaduan Negara. Sesi tersebut turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPN, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof serta Ketua Pengarah JPNIN, YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan dua hala di antara kedua-dua pihak serta berkongsi dengan lebih lanjut mengenai inisiatif Kementerian di dalam mengukuhkan kefahaman dan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang etnik dan agama di Malaysia.



YB Menteri bersama TYT Edgard D. Kagan, Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia

## KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA FORUM KERUKUNAN UMAT BERAGAMA ISLAM (FKUB) KABUPATEN KAMPAR, INDONESIA KE KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPN telah menerima kunjungan hormat daripada Forum Kerukunan Umat Beragama Islam (FKUB) yang diketuai oleh Ir. H. Ahmad Suhaili, SH, MH, Ketua Forum Kerukunan Umat Beragama (FKUB) Kabupaten Kampar, Provinsi Riau, Republik Indonesia ke Kementerian Perpaduan Negara pada 26 Julai 2024.

FKUB Kabupaten Kampar merupakan sebuah organisasi masyarakat di bawah seliaan Kementerian Agama Republik Indonesia. Objektif kunjungan hormat adalah untuk mempelajari kaedah Kerajaan Malaysia mengendalikan perkara-perkara berkaitan tata cara beragama di negara yang mempunyai berbilang bangsa dan agama, termasuk pembinaan rumah ibadat, serta isu SARA (Suku, Agama, Ras dan Antar golongan) iaitu seumpama isu 3R di Malaysia. Semasa Kunjungan Hormat tersebut, satu sesi taklimat ringkas berkaitan usaha mengukuhkan keharmonian di antara penganut agama di Malaysia melalui Inisiatif Harmoni MADANI telah diberikan.



YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara bersama delegasi Forum Kerukunan Umat Beragama (FKUB) Kabupaten Kampar, Indonesia

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT FUAD MURADOV, *CHAIRMAN OF THE STATE COMMITTEE ON WORK WITH DIASPORA*, REPUBLIK AZERBAIJAN KE ATAS YB TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada *Chairman of the State Committee on Work with Diaspora* Republik Azerbaijan, TYT Fuad Muradov pada 11 Oktober 2024 bertempat di Kementerian Perpaduan Negara.

*Chairman of the State Committee on Work with Diaspora* dari Republik Azerbaijan, TYT Fuad Muradov merupakan seorang Menteri yang bernaung di bawah Pejabat Presiden Azerbaijan. The State Committee on Work with Diaspora of Azerbaijan ditubuhkan sebagai pemangkin kerjasama dan perpaduan antara diaspora Azerbaijan di luar negara, komuniti dalam negara serta agensi kerajaan yang berkaitan.

Selain mengukuhkan hubungan dua hala di antara kedua-dua pihak, delegasi turut berkongsi mengenai fungsi bidang *The State Committee on Work with Diaspora* dalam menyatupadukan rakyat Azerbaijan dengan komuniti diaspora Azerbaijan di seluruh dunia.




YB Timbalan Menteri Perpaduan Negara bersama *Chairman of the State Committee on Work with Diaspora* Republik Azerbaijan, TYT Fuad Muradov

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT EDGARD D. KAGAN, DUTA BESAR AMERIKA SYARIKAT KE MALAYSIA KE ATAS KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Kunjungan hormat pada 4 Disember 2024 ini ialah susulan pelantikan YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara yang baharu serta lanjutan daripada sesi Kunjungan Hormat yang telah diadakan oleh beliau kepada YB Menteri Perpaduan Negara pada Julai 2024.

Dalam sesi tersebut, TYT Edgard D. Kagan, Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia telah menyatakan minat terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam mempromosikan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbeza agama, bangsa dan budaya.

YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Kementerian turut menerangkan inisiatif-inisiatif utama Kementerian yang sentiasa menekankan kepada konsep asas integrasi iaitu "Faham, Hormat dan Terima".

Turut dibincangkan adalah berhubung beberapa kerjasama yang boleh diadakan antara Malaysia dan Amerika Syarikat merangkumi bidang permuziuman, perpustakaan dan arkib terutamanya yang melibatkan *people-to-people ties*.




YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bersama TYT Edgard D. Kagan, Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia

# BAHAGIAN KESEPADUAN NASIONAL

## Latar Belakang

Bahagian Kesepaduan Nasional (BKN) dipertanggungjawabkan menyelaras dan memantau hal ehwal integrasi nasional dan menguruskan jaringan kerjasama dengan pemegang taruh dalam ekosistem perpaduan.

Bahagian Kesepaduan Nasional (BKN) diwujudkan di bawah penstrukturan semula Kementerian pada 1 Ogos 2024. Secara umumnya, BKN ditubuhkan melalui penyelarasan semula fungsi dua (2) bahagian terdahulu iaitu Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Perhubungan Masyarakat. Struktur organisasi BKN terdiri daripada 20 perjawatan dan dibahagikan kepada tiga (3) seksyen iaitu:

i. Seksyen Integrasi Sosial;
ii. Seksyen Kenegaraan; dan
iii. Seksyen Ekosistem Perpaduan.

## Objektif

i. Memastikan pengurusan isu-isu/ insiden yang berupaya untuk menggugat keharmonian dan perpaduan negara dikawal dengan baik dan efektif.

ii. Menghubungkan jalinan kerjasama dengan pemegang taruh berkaitan bagi memastikan ekosistem perpaduan negara sentiasa utuh dan berupaya mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.

iii. Memperkukuh perpaduan nasional melalui integrasi perpaduan dengan pemuliharaan khazanah warisan, pelestarian memori institusi negara dan pemerkasaan budaya ilmu.

# PENCAPAIAN TAHUN 2024

## SAMBUTAN PESTA PONGGAL TAHUN 2024

Pada 20 Januari 2024, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri Sambutan Pesta Ponggal Kebangsaan 2024 yang bertemakan "Ottrumai Ponggal" dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bertempat di Dataran Majlis Perbandaran Klang, @ Padang Chetty Klang yang telah dihadiri hampir 10,000 orang peserta.

Program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara ini adalah bertepatan dengan usaha mempromosikan kesepaduan sosial masyarakat Malaysia ke arah membangun Malaysia MADANI di bawah konsep membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian.

Majlis ini turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, YB Senator Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YB Tuan V. Ganabatirau Veraman, Ahli Parlimen Klang serta pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara dan Kerajaan Negeri Selangor. Sumbangan bakul Rahmah juga turut disampaikan semasa majlis ini.





## SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (LABUAN)

Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Peringkat Kebangsaan di Labuan telah diadakan pada 3 Februari 2024. Pelaksanaan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut bagi tahun 2024 adalah satu program di bawah Inisiatif Harmoni MADANI sempena *World Interfaith Harmony Week*. Pelaksanaan program adalah melalui program turun padang secara berbasikal (Harmony Ride) untuk mengukuhkan usaha semua kumpulan antara agama melakukan kerja positif dengan satu tema di bawah keharmonian beragama. Program ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa KPN, YBrs. Encik Ismail bin Mokhtar dan turut dihadiri oleh Pengerusi Perbadanan Labuan, Encik Simsudin Sidek.

Program ini turut disertai oleh pemimpin pelbagai agama menyertai acara 'Harmony Ride' dengan menjelajah empat buah rumah ibadat bermula di *The Church of Holy Savior* dan berakhir di Masjid Jamek An Nur sebagai tanda kesatuan dan kebersamaan menyebarkan toleransi dan keharmonian beragama di samping mengukuhkan perpaduan sejagat.

Objektif program ini adalah seperti berikut:

i. Mengukuhkan usaha semua kumpulan antara agama melakukan kerja positif dengan satu tema di bawah keharmonian beragama;
ii. Mengukuhkan perpaduan, integrasi nasional dan memantapkan identiti nasional melalui persefahaman antara agama berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; dan
iii. Membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah antara pelbagai penganut agama di Malaysia.






Laporan Bahagian Sektor Dasar
Bahagian Kesepaduan Nasional

## PROGRAM JEJAK HARMONI PERDANA SEMPENA PELANCARAN INISIATIF HARMONI MADANI

Program Jejak Harmoni Perdana Sempena Pelancaran Inisiatif Harmoni MADANI Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2024 yang dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 27 April 2024 bertempat di Gereja Tamil Methodist, Brickfields Kuala Lumpur/Dewan Kalamandapam, Brickfields, Kuala Lumpur.






## WACANA HARMONI MADANI: HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

Pelaksanaan Program Wacana HARMONI MADANI: Harmoni Dalam Kepelbagaian bagi tahun 2024 adalah satu program di bawah Inisiatif Harmoni MADANI. Melalui program wacana ini, kementerian dapat menyediakan ruang interaktif untuk mengisi jurang penting dalam pengetahuan dan pemahaman tentang kepercayaan dan kepelbagaian budaya dan agama. Program ini telah diadakan pada 14 September 2024 yang dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami serta Ketua Setiausaha KPN, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad.

Antara objektif program wacana ini adalah seperti berikut:

i. Menyediakan ruang interaktif untuk mengisi jurang penting dalam pengetahuan dan pemahaman tentang kepercayaan dan kepelbagaian budaya dan agama;
ii. Membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah berasaskan konsep faham, hormat dan terima di kalangan masyarakat pelbagai penganut agama; dan
iii. Meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam ke arah memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan.





## SAMBUTAN HARI TOLERANSI SEDUNIA, HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

Sambutan Hari Toleransi Sedunia pada 16 November 2024 di Melaka sebagai usaha untuk meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam ke arah memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan. Majlis perasmian sambutan telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka, hari ini.

Sambutan ini juga diadakan antara lain bertujuan untuk membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah berdasarkan konsep Faham, Hormat dan Terima dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. UNESCO telah mendeklarasikan 16 November sebagai Hari Toleransi Sedunia. Deklarasi tersebut menegaskan bahawa toleransi adalah penghormatan dan penghargaan terhadap keragaman budaya dunia, ekspresi dan cara bermasyarakat.






## PERSIDANGAN PEMERKASAAN RUMAH IBADAH HINDU SEBAGAI PUSAT KOMUNITI

Pada 30 November 2024, Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Malaysia Hindu Sangam (MHS) telah menganjurkan program Persidangan Pemerkasaan Rumah Ibadat Hindu Sebagai Pusat Komuniti yang memberi fokus terhadap usaha bagi meningkatkan tahap pemahaman masyarakat terhadap fungsi kuil Hindu sebagai pusat perkhidmatan dan kebajikan masyarakat setempat.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan turut dihadiri oleh ketua-ketua agama Hindu daripada kuil-kuil yang berdaftar di bawah MHS dan golongan belia. Para penceramah yang berpengalaman turut dijemput untuk memberikan pencerahan tentang isu-isu mengenai kepimpinan, pengurusan dan pendaftaran yang sering dihadapi oleh kuil Hindu serta cadangan penambahbaikan fungsi asal rumah ibadat Hindu dalam membantu membanteras kemiskinan masyarakat setempat.






## WACANA KELESTARIAN KESELAMATAN, PERPADUAN DAN KEHARMONIAN NEGARA PERINGKAT NEGERI SABAH TAHUN 2024

Pada 10 November 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan Program Wacana Kelestarian Keselamatan, Perpaduan dan Keharmonian Negara Peringkat Negeri Sabah Tahun 2024 yang telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara di Dewan Hotel Borneo Royale, Tawau, Sabah. Wacana ini bertujuan untuk membincangkan tentang isu keselamatan, perpaduan dan keharmonian di Kawasan ESSCOM yang perlu diberi perhatian agar kedaulatan negara tetap dapat terjaga dengan baik.

Wacana ini diadakan sebanyak tiga (3) sesi dan panel terdiri daripada pelbagai agensi seperti *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), *Southeast Asia Regional Centre For Counter-Terrorism* (SEARCCT), Institut Pendidikan Guru Tawau, Sabah, JAPEN, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Pejabat Cawangan Tawau, Sabah. Jumlah keseluruhan penyertaan program adalah seramai 700 orang yang terdiri daripada Komuniti Kawasan Rukun Tetangga, Agensi Kerajaan dan swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pelajar institusi pendidikan awam dan swasta.






## MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA AGAMA (HARMONI) TAHUN 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) telah diadakan pada 8 Ogos 2024 yang dipengerusikan bersama oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Tujuan Mesyuarat ini adalah bagi membincangkan mengenai usaha-usaha pengukuhan keharmonian dan perpaduan masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya.





## MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENDIDIKAN RUKUN NEGARA BILANGAN 2 TAHUN 2024

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Rukun Negara Bil.2 Tahun 2024 pada 16 Disember 2024.

Mesyuarat ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran dalam melaksanakan program-program Pendidikan dan Penghayatan Rukun Negara dan berbincang mengenai cadangan program KPN bagi tahun 2025. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPN, Timbalan Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia, wakil dari *Malaysian Institute of Defence and Security* (MiDAS), wakil dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.






## BENGKEL HALA TUJU SEKTOR DASAR TAHUN 2025

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud telah menyempurnakan Perasmian Bengkel Hala Tuju Sektor Dasar Tahun 2025 bertempat di Imperial Heritage Hotel, Melaka pada 17 November 2024.

Susulan daripada penstrukturan semula Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan awam (JPA) pada 6 Ogos 2024 yang lalu, satu Bengkel Hala Tuju Sektor Dasar Tahun 2025 telah diadakan dari 15 – 17 November 2024 di Imperial Heritage Hotel, Melaka.

Antara tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyemak fungsi sedia ada dan fungsi baharu bahagian-bahagian untuk mengelakkan pertindihan fungsi. Selain itu, bengkel ini juga diadakan untuk mengenal pasti program-program utama yang bakal dilaksanakan pada tahun 2025. Bengkel ini melibatkan semua pegawai di bawah Sektor Dasar KPN.





# BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

## Pengenalan

Bahagian Pembangunan Masyarakat (BPBM) telah diwujudkan selaras dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020. Bahagian ini terdiri daripada tiga seksyen iaitu Seksyen Kolaborasi Strategik, Seksyen Kesepaduan Sosial dan Seksyen Naziran. Ketiga-tiga seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelia dan melaksanakan dasar, strategi/ inisiatif dan keberkesanan program/ aktiviti kerjasama strategik, kesejahteraan sosial serta membuat penambahbaikan dalam proses kerja dan operasi sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian, jabatan serta agensi di bawahnya.

## Objektif

i. Menggalakkan pembangunan sosioekonomi dan memupuk kesepaduan sosial menerusi jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan, institut pengajian tinggi, pusat latihan kemahiran dan sektor swasta. Ini merangkumi jentera perpaduan seperti Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, Taska Genius Perpaduan, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara ke arah budaya perpaduan.

ii. Bahagian Pembangunan Masyarakat juga turut menilai keberkesanan aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh Tabika Perpaduan.

## SEKSYEN KOLABORASI STRATEGIK

### JUMLAH PELAKSANAAN PROGRAM BULAN JANUARI SEHINGGA JULAI 2024

| Bil. | Rakan Perpaduan | Bilangan Program |
|---|---|---|
| 1. | Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) | 31 |
| 2. | Sekretariat Rukun Negara (SRN) | 3 |
| 3. | Kelab Rukun Negara | 0 |

# SEKSYEN KESEPADUAN SOSIAL

## FOODUNITES INI WARISAN KITA @ KUCHING WATERFRONT SARAWAK

Foodunites Ini Warisan Kita @ Kuching Waterfront Sarawak ini merupakan satu program inisiatif untuk menghidupkan semula dan mengekalkan makanan warisan sebagai simbol perpaduan di Malaysia. Program ini dijalankan selama dua (2) hari bermula pada 3 hingga 4 Februari 2024 yang bertempat di Kuching Waterfront, Sarawak.

Program ini membawa tema yang berkonsepkan pasar lama. Oleh yang demikian, para pengunjung dan peniaga digalakkan untuk memakai baju dan pakaian tradisional bagi mengukuhkan lagi pakaian tradisi selain daripada mempromosikan makanan tradisi.

Pelbagai pengisian aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang program ini seperti jualan makanan tradisi yang melambangkan identiti bagi setiap negeri, persembahan kumpulan muzik dan aktiviti pertandingan yang menarik minat masyarakat untuk turut serta dalam program ini.

Program Foodunites Ini Warisan Kita @ Kuching Waterfront Sarawak ini telah dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Negara iaitu YB Datuk Aaron Ago Dagang diiringi oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud.









## SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024

Sambutan Minggu Perpaduan adalah merupakan salah satu program utama *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang merangkumi tiga (3) kluster program iaitu **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan** dan **Komuniti Rahmah**.

Program ini hadir dengan kepelbagaian pengisian aktiviti dan program bagi memeriahkan sambutan seperti Rumah KAMI, Permainan Tradisional, UNITI Run, E-Sports, Pameran Perkhidmatan Kerajaan, Foodunites dan Jualan Usahawan Perpaduan.

Sambutan Minggu Perpaduan 2024 telah dilaksanakan diseluruh negara dengan penglibatan sebanyak 125,636 pengunjung di peringkat negeri dan lebih kurang 150,000 pengunjung di peringkat kebangsaan. Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan telah diadakan sepanjang empat (4) hari di Angsana Johor Bahru Mall Johor bermula pada 23 hingga 26 Mei 2024.






## PUTRAJAYA SIHAT SEJAHTERA (PSS)

Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) adalah merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Program PSS ini adalah jerayawara yang bertujuan untuk menggalakkan semua penjawat awam terutama yang berkhidmat di Putrajaya melakukan saringan kesihatan.

Antara saringan kesihatan yang dilaksanakan sepanjang program PSS ini adalah saringan minda, ujian tekanan darah, ujian kolestrol dan gula dalam darah, peratusan lemak badan, pemeriksaan pergigian dan saringan MyMinda. Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan Program Putrajaya Sihat Sejahtera selama dua (2) hari iaitu pada 21 dan 22 Ogos 2024.










# SEKSYEN NAZIRAN

| Tarikh | Perkara |
|---|---|
| 19 Januari 2024 | Mesyuarat Penyelarasan Naziran bersama Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional (BKSIN) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). |
| 24 Januari 2024 | Mesyuarat Penyelarasan Naziran bersama Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan (BPMK) JPNIN. |
| 15 Februari 2024 | Perbincangan Star Rating Tabika Perpaduan bersama Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasioanal (BKSIN) di JPNIN. |
| 19 Februari 2024 | Taklimat Penyelarasan Naziran Tabika Perpaduan kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan Zon Utara. |
| 20 Februari 2024 | Taklimat Penyelarasan Naziran Tabika Perpaduan kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan Zon Tengah. |
| 21 Februari 2024 | Taklimat Penyelarasan Naziran Tabika Perpaduan kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan Zon Selatan. |
| 22 Februari 2024 | Taklimat Penyelarasan Naziran Tabika Perpaduan kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan Zon Timur. |
| 22 Februari 2024 | Pembentangan Laporan Tahunan Naziran Tabika Perpaduan dan dan Kawasan Rukun Tetangga kepada Ketua Pengarah JPNIN dan Pengurusan Tertinggi. |
| 23 Februari 2024 | Taklimat Penyelarasan Naziran Tabika Perpaduan kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan Zon Borneo. |
| 04 – 06 Mac 2024 | Bengkel Penyelarasan Naziran Tabika Perpaduan bersama Pegawai Nazir – Hotel Lexis, Port Dickson. |
| 02 Julai 2024 | Mesyuarat Pembentangan Hasil Naziran tahun 2023 kepada Ketua Setiausaha. |
| 15 Julai 2024 | Mesyuarat Penstrukturan Seksyen Naziran bersama Encik R Ragu A/L Rajoo M Rethinam (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia). |

# BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK
(Selepas Penstrukturan Semula Kementerian)

## Pengenalan

Bahagian Kolaborasi Strategik (BKS) telah diwujudkan selaras dengan penstrukturan semula Kementerian Perpaduan Negara pada 1 Ogos 2024 dan berkuatkuasa pada 1 Oktober 2024. Bahagian ini terdiri daripada dua (2) seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Kolaborasi dan Seksyen Pengurusan Acara.

## Objektif

i. Memastikan penyaluran bantuan kewangan dan geran bagi program kesepaduan sosial mencapai objektif yang ditetapkan.

ii. Memastikan penganjuran program-program utama Kementerian berjalan dengan lancar dan memberi impak yang positif di bawah agenda perpaduan negara.

## SEKSYEN PENGURUSAN KOLABORASI

### PROGRAM BULAN OGOS HINGGA DISEMBER 2024

| Bil. | Rakan Perpaduan | Bilangan Program |
|---|---|---|
| 1. | Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) | 33 |
| 2. | Sekretariat Rukun Negara (SRN) | 10 |
| 3. | Kelab Rukun Negara (KRN) | 1 |

## PESTA KANOWIT 2024

Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang telah melancarkan Program Pesta Kanowit 2024 yang telah berlangsung di Kanowit Waterfront dari 13 hingga 22 September 2024. Turut hadir, YB Tuan Anyi Anak Jana, Ahli Dewan Undangan Negeri N.49 Ngemah, YB Tuan Allan Siden Gramong, Ahli Dewan Undangan Negeri N.50 Machan, YBrs. Puan Jackline binti August @ August Jahar, Pegawai Daerah Kanowit dan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Pesta Kanowit tahun 2024 ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti *Kanowit RC Boat Challenge, Fun Fair & Trade Fair, Kanowit Power Boat Race*, Jualan Rahmah dan pameran etnik Sarawak.

Pesta yang dianjurkan ini juga selari dengan inisiatif "Ini Warisan Kita" yang diperkenalkan kementerian sebagi pengisian utama program *flagship* KPN iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dan membantu dalam usaha meraikan sejarah dan tradisi pelbagai budaya di Malaysia.









## SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN (SBK) 2024

Program Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 (SBK) anjuran IKRAM dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dilancarkan untuk mengiktiraf identiti pelbagai bangsa di Malaysia serta meningkatkan penghayatan masyarakat terhadap nilai Rukun Negara khususnya Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Sempena penganjuran SBK 2024 yang bermula 15 Ogos sehingga 16 September 2024 ini, pelbagai aktiviti menarik yang diadakan antaranya Dialog Memasyarakatkan Perlembagaan Malaysia pada 4 September di Jabatan Muzium Malaysia, Karnival Kita Anak Malaysia pada 7 September di Hutan Bandar Mutiara Rini, Johor dan akhir sekali Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Harmoni yang dijadualkan pada 29 September.












## MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL KEPELBAGAIAN ETNIK DAN WARISAN KITA

Kementerian Perpaduan Negara dan Persatuan Siam Malaysia melaksanakan Karnival Kepelbagaian Etnik dan Warisan Kita bagi mengetengahkan keunikan dan kekayaan budaya pelbagai etnik di Malaysia. Program ini berlangsung di tiga negeri iaitu di Dataran C-Mart, Perlis pada 20 September 2024, di Dataran Arena Pengkalan Hulu Perak, majlis penutup di Mydin Mall Bukit Mertajam Pulau Pinang yang disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara pada 22 Disember 2024.

Karnival Kepelbagaian Etnik dan Warisan Kita dihadiri lebih 2,000 pengunjung menampilkan tarian tradisional, masakan etnik, pakaian tradisional dan pameran seni budaya setiap etnik. Karnival ini juga merupakan platform yang terbaik bagi memberi pendedahan dan maklumat kepada masyarakat agar dapat menghayati seni budaya yang menjadi tradisi setiap etnik sekaligus mendidik masyarakat dalam mendalami dan menghayati nilai perpaduan di Malaysia.










## KARNIVAL RUKUN NEGARA IDENTITI PERPADUAN UTHM

Program yang dianjurkan oleh Sekretariat Rukun Negara (SRN) UTHM dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara ini telah dirasmikan oleh Ybhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan pengamalan prinsip-prinsip di dalam Rukun Negara dalam kalangan mahasiswa UTHM dan seterusnya menyemai rasa cinta kepada negara melalui kupasan topik 'Jiwa Malaysia' oleh moderator, Mohd Syahir Anwar bersama para panelis jemputan yang juga pempengaruh terkenal di media sosial, Dr. Soo Wincci dan Fynn Jamal.

Turut hadir YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni); YBrs. Encik Zulkifli bin Hashim Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional; Puan Farah Deena binti Md Rapee, Penasihat Sekretariat Rukun Negara UTHM, barisan kepimpinan jawatankuasa SRN UTHM dan Pegawai Kanan UTHM.










# SEKSYEN PENGURUSAN ACARA

## MAJLIS AMANAT PERDANA SEMPENA HARI KEBANGSAAN BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah dilantik sebagai Kementerian peneraju bagi Majlis Amanat Perdana Sempena Hari Kebangsaan Tahun 2024 dengan kerjasama penyelarasan bersama dengan Kementerian-kementerian yang lain.

Pelaksanaan Majlis Amanat ini disampaikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menyokong dan menyemarakkan lagi tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 iaitu "Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka".

Bagi memeriahkan lagi pelaksanaan Majlis Amanat ini, terdapat pameran-pameran daripada agensi dan jabatan di bawah seliaan KPN, Rumah KAMI, INTAN dan juga Kaligrafi Harmoni berbilang kaum.










## LIGA SUKAN UNITI 2024

Liga Sukan UNITI 2024 adalah merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam meraikan kepelbagaian di negara ini.

Tujuan utama kepada pelaksanaan Liga Sukan UNITI 2024 adalah untuk menjadikan sukan sebagai tapak integrasi nasional dan mencipta detik-detik perpaduan atau elemen "*Moment of Unity*" dengan menggalakkan penyertaan dari pelbagai kaum dan etnik.

Pelaksanaan Liga Sukan UNITI 2024 pada tahun ini telah mempertandingkan tiga (3) jenis sukan iaitu Futsal, dan Bola Jaring dan Badminton. Sesi "*Kick Off*" bagi Liga Sukan UNITI 2024 peringkat negeri telah dilancarkan di Kompleks Sukan Yayasan Sabah dan dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Liga Sukan UNITI 2024 telah dilaksanakan diseluruh negara dengan melibatkan seramai 23,000 peserta dari peringkat negeri dan Karnival peringkat kebangsaan. Karnival Liga Sukan UNITI 2024 Peringkat Kebangsaan telah diadakan selama dua (2) hari pada 26 dan 27 Oktober 2024 bertempat di Uptown Sports Bandar Baru Bangi, Selangor.









## PROGRAM MADANI RAKYAT TAHUN 2024

Program MADANI Rakyat merupakan kesinambungan kepada Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang dilaksanakan di peringkat negeri mengikut zon. Program ini menyediakan platform kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan secara langsung daripada kementerian dan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Program MADANI Rakyat 2024 ini telah dimulai dengan pelaksanaannya di Zon Tengah, Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sarawak dan Zon Sabah serta dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Program MADANI Rakyat Tahun 2024 telah bermula dari Zon Tengah dan berakhir di Zon Sabah.















## PROGRAM 2 TAHUN KERAJAAN MADANI (2TM) DAN KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

Program 2 Tahun Kerajaan MADANI (2TM) adalah merupakan program bagi menyambut dua (2) tahun sepanjang pentadbiran di bawah kerajaan MADANI. Program ini adalah bertujuan untuk menghebahkan pencapaian, inisiatif-inisiatif dan dasar-dasar baharu dibawah agenda Malaysia MADANI.

Selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri mengenai reformasi penjawat awam, Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam diadakan seiring dengan pembentangan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara yang berpaksikan nilai M.A.L.A.Y.S.I.A dan lima teras keberhasilan.








# LAPORAN BAHAGIAN
## SEKTOR PENGURUSAN











- BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN
- BAHAGIAN AKAUN

# BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

## Pengenalan

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) berperanan sebagai peneraju program pendigitalan Kementerian dan jabatan/ agensi. BPM berfungsi untuk memastikan pembangunan, pengurusan, dan pemantauan bagi infrastruktur dan infostruktur ICT KPN bagi memenuhi keperluan pemegang taruh serta mematuhi piawaian, amalan terbaik ICT dan arahan agensi pusat.

## Objektif

i. Menentukan hala tuju, menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif ICT melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPN;

ii. Menyediakan sistem aplikasi ICT yang memenuhi keperluan pelanggan, efektif dan efisien;

iii. Melengkapkan Kementerian, Jabatan/ Agensinya dengan infrastruktur dan kemudahan ICT yang selamat, dipercayai dan tersedia serta selari dengan Kerajaan Digital;

iv. Memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT yang efisien.

# PENCAPAIAN TAHUN 2024

## TADBIR URUS PENDIGITALAN KEMENTERIAN

Pelaksanaan tadbir urus pendigitalan di Kementerian merupakan inisiatif strategik untuk memastikan perancangan, pembangunan dan pelaksanaan pendigitalan dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu di antara Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya. Bagi memperkukuhkan tadbir urus sedia ada, Garis Panduan Tadbir Urus Pendigitalan Kementerian telah dikemaskini berdasarkan pekeliling baru yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bertarikh 16 Julai 2024 iaitu Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024.




Garis Panduan Tadbir Urus Pendigitalan
Kementerian Perpaduan Negara

Garis Panduan ini dibangunkan dengan tujuan untuk memperincikan tadbir urus pendigitalan sebagai mekanisma utama dalam pengurusan dan pelaksanaan Tadbir Urus di Kementerian dan Jabatan/Agensi. Pendekatan ini dirangka selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa, bagi memastikan pelaksanaan pendigitalan dilaksanakan secara teratur, sistematik, dan berkesan. Dokumen ini merangkumi penyusunan struktur jawatankuasa serta prosedur yang menyeluruh bagi memastikan KPN kekal berdaya saing dalam menerajui strategi dan mencapai objektifnya.

## MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) KPN

Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) berperanan penting dalam menyemak dan menilai skop teknikal bagi setiap permohonan perolehan ICT sebelum dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT). Jawatankuasa ini turut membincangkan pelbagai isu teknikal, mencadangkan langkah penambahbaikan, merumuskan strategi ICT, serta menangani perkara berkaitan pengurusan teknologi terkini di peringkat Kementerian dan agensi.

Sepanjang 2024, sebanyak empat (4) sesi mesyuarat telah diadakan dan sejumlah 23 Kertas Kelulusan telah diangkat untuk persetujuan Jawatankuasa. 22 daripada Kertas Kelulusan dipertimbangkan untuk dibawa ke Mesyuarat JPICT Kementerian bagi kelulusan diperingkat seterusnya.

| BIL | MESYUARAT | JUMLAH KERTAS KELULUSAN YANG DIANGKAT | JUMLAH KERTAS KELULUSAN YANG DIPERTIMBANGKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | JTICT Bil. 1/2024<br>19 Mac 2024 | 5 | 5 |
| 2. | JTICT Bil. 2/2024<br>5 Jun 2024 | 6 | 6 |
| 3. | JTICT Bil. 3/2024<br>6 September 2024 | 1 | 1 |
| 4. | JTICT Bil. 4/2024<br>11 Disember 2024 | 11 | 10 |

## MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KPN

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) ditubuhkan untuk menyelaras, memantau, dan membuat keputusan strategik berkaitan perolehan, pembangunan, dan pelaksanaan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di peringkat Kementerian. Sepanjang tahun 2024, sebanyak lima (5) sesi mesyuarat telah diadakan dan 23 kertas permohonan projek ICT telah diangkat untuk kelulusan Jawatankuasa. Satu (1) Kertas Kelulusan daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah disyorkan untuk diangkat semula dalam Mesyuarat JPICT Khas berdasarkan perubahan dan penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa.

Ringkasan Perolehan ICT Tahun 2023 KPN mengikut pecahan Jabatan

<table>
<tr><th rowspan="2">BIL</th><th rowspan="2">MESYUARAT</th><th colspan="5">JUMLAH KERTAS KELULUSAN YANG DIANGKAT</th></tr>
<tr><th>KPI</th><th>JPNIN</th><th>ANM</th><th>JMM</th><th>PNM</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>JPICT Bil. 1/2024<br>- 2 April 2024</td><td>4</td><td></td><td></td><td></td><td>1</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>JPICT Bil. 2/2024<br>- 4 Julai 2024</td><td>3</td><td></td><td>1</td><td></td><td>2</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>JPICT Bil. 3/2024<br>- 4 Oktober 2024</td><td></td><td rowspan="2">1</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>4.</td><td>JPICT Bil. 4/2024<br>- 18 Oktober 2024<br>(Khas)</td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>5.</td><td>JPICT Bil. 5/2024<br>- 16 Disember 2024</td><td></td><td></td><td></td><td>6</td><td>3</td></tr>
</table>

## JAWATANKUASA KESELAMATAN ICT (JKICT) KPN

Jawatankuasa ICT (JKICT) memainkan peranan penting dalam menangani keselamatan siber dengan merangka polisi keselamatan ICT, memantau pelaksanaan langkah keselamatan, dan memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan. JKICT juga bertanggungjawab mengenal pasti potensi ancaman siber, mengesyorkan langkah mitigasi, serta menggalakkan kesedaran keselamatan siber di kalangan warga organisasi. Melalui pengawasan dan koordinasi strategik, JKICT memastikan infrastruktur ICT organisasi kekal terlindung, data terjamin, dan risiko ancaman siber dapat diminimumkan.

Sepanjang tahun 2024, Mesyuarat JKICT Kementerian Perpaduan Negara telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali dan turut membincangkan aduan ancaman keselamatan yang telah diterima daripada pihak Agensi Keselamatan Siber Negara. Hasil laporan daripada Mesyuarat JKICT turut dibentangkan di dalam Mesyuarat JPICT sebagai Kertas Makluman.

## JAWATANKUASA *COMPUTER SECURITY INSIDEN RESPONSE TEAM* (CSIRT) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN)

Pada 27 Oktober 2024, pasukan CSIRT Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menerima laporan insiden keselamatan siber berkaitan ancaman Search Engine Optimization (SEO) yang melibatkan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Insiden ini melibatkan penyalahgunaan domain bagi tujuan meningkatkan trafik laman sesawang secara tidak sah, yang berpotensi menjejaskan reputasi serta keselamatan sistem.

Sebagai langkah segera dan tindakan pantas, BPM melalui pasukan CSIRT, telah mengambil tindakan untuk menangani isu ini dengan merujuk kepada prosedur yang ditetapkan oleh NACSA. Tindakan pembetulan segera telah diambil untuk memastikan tiada kesan buruk terhadap keselamatan data. Tindakan pemulihan yang teliti telah dilaksanakan pada 28 Oktober 2024 dan insiden ini disahkan telah ditutup oleh pihak NACSA pada 13 November 2024. Pasukan KPN CSIRT sentiasa mengambil langkah berhati-hati dan memantau supaya insiden tersebut tidak berulang.

## BENGKEL PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) KEMENTERIAN DAN AGENSI 2025.

Kementerian dan Jabatan/Agensi sentiasa menunjukkan usaha proaktif dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan PSP melalui penglibatan Ketua Pegawai Digital (CDO) dalam sesi bengkel dan mesyuarat. Ini bertujuan untuk memastikan PSP terus relevan dengan perubahan teknologi, keperluan kementerian dan agensi bagi menyokong inisiatif pendigitalan Kementerian. Sebagai langkah dalam memastikan setiap inisiatif disesuaikan mengikut kapasiti dan keperluan kementerian, satu Bengkel Penyediaan PSP Kementerian dan Agensi 2025 disusuli dengan Mesyuarat Ketua Pegawai Digital (CDO) telah diadakan pada 10-12 Oktober 2024 bertempat di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi Pahang dengan dihadiri oleh wakil CDO Kementerian dan Jabatan/Agensi serta pegawai teknikal. Bengkel ini memberi tumpuan kepada penjajaran pelan PSP dengan struktur dan keperluan semasa, bagi memastikan pelaksanaan program yang lebih berkesan dan sesuai dengan ekosistem persekitaran digital yang sentiasa berubah.




Bengkel Semakan Semula dan Penjajaran Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2024 - 2025
Kementerian dan Agensi serta Mesyuarat Ketua Pegawai Digital (CDO)

Bagi melengkapkan proses penyediaan dokumen PSP, satu Mesyuarat Pemurnian PSP telah diadakan pada 12 Disember 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 1, Blok F9. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyemak dan memurnikan semula hasil daripada bengkel dan mesyuarat sebelumnya, serta membuat penambahbaikan atau penyesuaian bagi memastikan dokumen PSP dapat dilengkapkan untuk dijadikan panduan strategik yang menyeluruh. Dokumen ini akan menjadi rujukan utama dalam usaha untuk terus mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan, iaitu meningkatkan kecekapan, produktiviti, inovasi pendigitalan, dan kualiti penyampaian perkhidmatan yang memenuhi keperluan semasa serta cabaran teknologi masa depan.




Mesyuarat Pemurnian Penjajaran Pelan Strategik Pendigitalan (PSP)

Pembangunan PSP Interim 2025 mengandungi empat (4) Teras Utama, 12 Strategi dan 79 Program seperti berikut :

| | TERAS 1 | TERAS 2 | TERAS 3 | TERAS 4 |
|---|---|---|---|---|
| EMPAT (4) TERAS STRATEGIK | PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN BERPACUKAN DATA | PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DIGITAL TERKINI, SELAMAT DAN MAMPAN | PEMANTAPAN TADBIR URUS YANG RESPONSIF, INOVATIF DAN BERDAYA TAHAN | PEMERKASAAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN SECARA HOLISTIK DAN BERSEPADU |
| 12 STRATEGI | S1: Pembangunan Aplikasi Baharu | S1: Pemantapan dan peningkatan infrastruktur ICT | S1: Pemantapan pematuhan polisi dan prosedur ICT | S1: Peningkatan pembudayaan ICT |
| | S2: Peningkatan dan pengukuhan aplikasi teras dan sokongan | S2: Pemantapan keselamatan ICT | S2: Pemerkasaan pengurusan dan pemantauan ICT | |
| | S3: Pengintegrasian aplikasi teras dan sokongan | S3: Pemanfaatan teknologi *Digital on Demand* | S3: Peningkatan kompetensi warga dan personel ICT | |
| | S4: Pelaksanaan inisiatif analisis data raya dan terbuka | S4: Pemantapan komunikasi bersepadu | | |
| 78 PROGRAM | 35 PROGRAM | 29 PROGRAM | 11 PROGRAM | 3 PROGRAM |

## PEMBANGUNAN DAN PEMANTAPAN APLIKASI KEMENTERIAN

BPM memainkan peranan penting dalam membangun dan memperkukuhkan aplikasi bagi menyokong ekosistem perkhidmatan digital kementerian. Usaha ini bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, mesra pengguna dan selaras dengan keperluan teknologi semasa.

Senarai Aplikasi Yang Dibangunkan dan Diselenggarakan Sepanjang 2024

| NAMA SISTEM | PEMILIK SISTEM |
|---|---|
| **PEMBANGUNAN BAHARU** | |
| Sistem Pengesahan Peruntukan (ePantas) | BKEP |
| Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (NGO) | BKS |
| Sistem Analisis Keberkesanan Program (eProgram) | BDHA |
| **PEMANTAPAN SISTEM DAN PORTAL** | |
| Portal Rasmi Kementerian | UKK |
| Sistem Pengurusan ICT | BPM |
| Sistem Pemantauan Kontrak | SKP |
| Sistem Personel Perpaduan | SSM |
| Sistem Pengurusan Tempahan | BKP |

## SISTEM PENGESAHAN PERUNTUKAN KEWANGAN (ePantas)

Sistem ePantas dibangunkan untuk membantu dalam pengurusan kewangan dan bajet secara lebih efisien. Sistem ini membolehkan proses permohonan dan kelulusan peruntukan dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian, menjadikan urusan lebih pantas, telus dan mudah.

Dibangunkan secara dalaman, sistem ini direka khusus untuk menyokong pegawai dan pihak pengurusan tertinggi dalam memastikan permohonan atau sumber yang diperuntukkan disahkan dan digunakan mengikut matlamat yang telah ditetapkan. Dengan ciri-ciri yang mesra pengguna dan proses yang teratur, sistem ini membantu mengurangkan risiko ketirisan serta meningkatkan tahap pemantauan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan kementerian. Pembangunan sistem ini adalah salah satu inisiatif untuk mengautomasikan proses kerja sedia ada dan membantu dalam pengurusan permohonan dengan lebih efisien.




Sistem ePantas

## PORTAL BANTUAN KEWANGAN PROGRAM PERPADUAN (NGO)

Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan merupakan inisiatif digital yang direka untuk mempermudah penyampaian bantuan kewangan kepada masyarakat. Portal ini bukan sahaja menyokong usaha perpaduan nasional tetapi juga menggalakkan kolaborasi strategik bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Dibangunkan dengan fokus kepada kecekapan, ketelusan dan keterangkuman, portal ini memastikan setiap proses dari permohonan sehingga kelulusan, dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik. Melalui platform ini, mesej perpaduan dapat disampaikan dengan lebih efektif kepada golongan sasaran, sekali gus memperkukuhkan usaha kerajaan dalam membina masyarakat yang inklusif dan harmoni serta menyokong prinsip perpaduan iaitu Faham, Hormat dan Terima.




Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan

## SISTEM ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM (eProgram)

Sistem Analisis Keberkesanan Program dibangunkan sebagai salah satu inisiatif utama bagi menilai keberkesanan pelaksanaan program-program yang dirancang oleh kementerian. Sistem ini berfungsi sebagai platform bersepadu yang membolehkan data dikumpul, dianalisis, dan dilaporkan secara sistematik. Dengan adanya sistem ini, kementerian dapat:

i. <u>Mengukur Pencapaian:</u> Memastikan matlamat dan objektif setiap program tercapai berdasarkan data yang sahih.

ii. <u>Meningkatkan Keberkesanan:</u> Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program untuk memperbaiki pelaksanaan pada masa akan datang.

iii. <u>Memastikan Ketelusan:</u> Menyediakan laporan yang komprehensif untuk pemantauan dan rujukan pihak berkepentingan.

### ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM

**KPI PROGRAM**
**99.82**

**MAKSIMUM KPI**
**100.00**

**MINIMUM KPI**
**66.67**

**BIL. PROGRAM**
**56**

**KLUSTER PROGRAM**
- ☐ Komuniti Rahmah
- ☐ Semarak Kenegaraan
- ■ Semarak Perpaduan

### SKOR SOALAN MENGIKUT KLUSTER

| Kluster | S1 | S2 | S3 | S4 | S5 | S6 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Semarak Perpaduan | 99.52 | 99.45 | 99.15 | 98.83 | 98.89 | 98.76 |
| **Total** | **99.52** | **99.45** | **99.15** | **98.83** | **98.89** | **98.76** |

**26.10K**
**LELAKI**

**41.41K**
**WANITA**

### BIL. MAKLUMBALAS MENGIKUT NEGERI




### BIL. PESERTA MENGIKUT KAUM




### KATEGORI UMUR PESERTA



## PERKHIDMATAN DIGITAL KPN *End To End*

Perkhidmatan *End-To-End* (E2E) Kementerian Perpaduan Negara (KPN) merangkumi penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh di kementerian serta jabatan dan agensi di bawahnya. Sepanjang tahun 2024, peratusan perkhidmatan yang disediakan secara E2E menunjukkan peningkatan yang berterusan, dengan pencapaian 92.5% pada suku pertama, meningkat kepada 92.59% pada suku kedua, dan seterusnya mencapai 92.89% pada suku ketiga. Sehingga Disember 2024, daripada 297 jumlah perkhidmatan keseluruhan di KPN, sebanyak 275 atau 92.89% telah disediakan secara E2E sepenuhnya. Peningkatan ini mencerminkan usaha berterusan KPN dalam memperkukuhkan kecekapan perkhidmatan dan kualiti penyampaian kepada rakyat.

## PENGUKUHAN KESELAMATAN SIBER KEMENTERIAN

Memahami betapa pentingnya pengetahuan keselamatan siber dalam era pendigitalan, BPM telah mengambil beberapa inisiatif strategik untuk memperkukuhkan kesedaran keselamatan siber di kalangan warga kementerian dan agensi. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

### SESI LIBAT URUS PELAKSANAAN *GOVERNMENT SECURED COMMUNICATION* (GSC) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN AGENSI

Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), telah melaksanakan Sesi Libat Urus Pelaksanaan *Government Secured Communication* (GSC) untuk memperkukuh keselamatan siber di kementerian dan agensi. Inisiatif ini bertujuan menyediakan platform perisian komunikasi selamat untuk melindungi data kerajaan daripada ancaman keselamatan. Sesi taklimat dan latihan mengenai pemasangan perisian GSC telah diadakan pada 17 Mei 2024 dan 7 Jun 2024, diikuti dengan sesi pengenalan dan *hands-on* pada 26 Julai 2024.

Sesi Libat Urus ini melibatkan pegawai Gred 12 ke atas, dengan kehadiran sekitar 200 orang dari kementerian dan agensi. GSC dibangunkan untuk menggantikan aplikasi awam seperti WhatsApp bagi komunikasi data sensitif kerajaan. Pelaksanaan inisiatif ini selaras dengan Arahan Keselamatan 2017 dan bertujuan memperkukuh keselamatan maklumat dan tadbir urus siber di kementerian.





Sekitar Sesi Libat Urus GSC

## HARI DIGITAL PERPADUAN 2024

Hari Digital Perpaduan 2024 bertemakan "Digitalisasi Warisan: Mengangkat Perpaduan Menerusi Inovasi", bertujuan meningkatkan kesedaran ICT dan keselamatan siber dalam kalangan warga KPN dan agensi-agensi di bawahnya.

Hari Digital Perpaduan 2024 berlangsung selama dua hari, iaitu pada 5 November 2024 dan 7 November 2024. Program ini terbuka kepada semua warga KPN dan agensi-agensi di bawahnya dan turut diwar-warkan kepada agensi kerajaan lain yang berminat untuk hadir. Penglibatan peserta adalah dari pelbagai peringkat skim, jawatan, dan gred. Beberapa aktiviti utama yang dilaksanakan termasuk:

i. **ICT *Quest*** telah diadakan pada 5 November 2024 (Selasa) di Dewan Serbaguna Blok F9, Kompleks F. Program ini melibatkan penyertaan 40 orang yang terdiri daripada warga kementerian dan agensi, dengan objektif utamanya adalah mengeratkan hubungan antara peserta, meningkatkan kemahiran dalam penggunaan teknologi, serta memupuk semangat kerjasama antara warga kementerian dan agensi

ii. ***Digital Talk*** telah diadakan pada 7 November 2024 (Khamis) di Jabatan Muzium Malaysia (JMM), yang melibatkan seramai 1,340 peserta. Dari jumlah itu, 340 peserta hadir secara fizikal (termasuk tetamu khas, penceramah, dan urusetia) dan 1,000 peserta menyertai Digital Talk secara atas talian. Program ini memberi peluang kepada peserta untuk mendalami topik-topik berkaitan teknologi dan keselamatan siber melalui sesi perkongsian ilmu yang disampaikan oleh penceramah jemputan.

Pameran Reruai ICT turut diadakan untuk memberi peluang kepada peserta memperoleh maklumat terkini mengenai teknologi daripada syarikat-syarikat yang terlibat. Program ini melibatkan 35 pempamer ICT, yang terdiri daripada tiga puluh (30) syarikat swasta dan lima (5) agensi KPN yang membuka reruai untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan masing-masing.





Sekitar Hari Digital Perpaduan 2024 – *ICT Quest*




Sekitar Hari Digital Perpaduan 2024 – Digital *Talk*




Sekitar Hari Digital Perpaduan 2024 – Reruai Pameran ICT

## HEBAHAN KESELAMATAN SIBER

BPM telah melaksanakan inisiatif proaktif dengan mengadakan hebahan keselamatan siber secara bulanan kepada warga kementerian dan agensi. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan keselamatan siber, serta memastikan setiap individu dilengkapi dengan pengetahuan yang diperlukan untuk melindungi maklumat dan sistem.







Antara Hebahan Keselamatan Siber Sepanjang Tahun 2024

Sepanjang tahun 2024, BPM telah berjaya melaksanakan 14 hebahan keselamatan siber, yang merangkumi pelbagai topik penting untuk mendidik warga kementerian dan agensi agar lebih bersedia menghadapi ancaman digital. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan tahap kesedaran keselamatan siber, tetapi juga menyokong usaha kementerian dalam membangunkan persekitaran digital yang lebih selamat dan berdaya tahan.

## KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN ICT 2024

Sepanjang tahun 2024, satu (1) soal selidik telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas pengguna mengenai tahap kepuasan terhadap Perkhidmatan Teknologi Maklumat (ICT) BPM. Hasil daripada Kajian Kepuasan Pelanggan menunjukkan bahawa 85% pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan, mencerminkan keberkesanan dan kualiti perkhidmatan ICT di peringkat Kementerian.

## NAZIRAN ICT

BPM juga melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi menilai keberkesanan langkah-langkah keselamatan yang telah diambil di kalangan warga kementerian dan agensi. Naziran ICT dilaksanakan secara tahunan bagi mengenal pasti ruang yang boleh diperbaiki dan potensi ancaman dalam mengukuhkan keselamatan siber kementerian. Daripada 10 item yang ditinjau, 90% daripadanya dipatuhi oleh warga kementerian. 10% lagi akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

## PELAKSANAAN PEMBUDAYAAN ICT

Pelaksanaan Pembudayaan ICT mencerminkan keupayaan untuk mengintegrasi dan mengadaptasi teknologi terkini dalam tugasan harian. Bagi mendorong kemampuan pegawai ICT dalam menangani perubahan teknologi yang pantas beberapa siri latihan dan pemindahan teknologi telah dilaksanakan.

## KURSUS *SECURE PENETRATION TEST* - INFRA DAN APLIKASI

Kursus keselamatan siber ini telah diadakan pada 11-12 November 2024 di Oreng Academy Sdn. Bhd, bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang keselamatan siber. Kursus ini merangkumi beberapa modul, antaranya pengenalan kepada HTTP, OWASP, serta penggunaan alat keselamatan seperti Burp Suite dan OWASP Zap. Peserta juga diberikan peluang untuk mengasah kemahiran praktikal mereka melalui latihan penggodaman seperti SQL Injection, Command Injection, serta aktiviti Capture the Flag (CTF).






Sekitar Kursus *Secure Penetration Test* - Infra Dan Aplikasi

## SESI *INTRO* CHAT GPT

Sesi ini telah diadakan pada 10 Disember 2024 dengan kehadiran 20 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai ICT KPN mewakili setiap bahagian. Dr. Izhar Che Mie daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC) turut dijemput sebagai penceramah untuk sesi Intro Chat GPT.

## SESI *TRANSFER OF TECHNOLOGY*

Beberapa siri pemindahan teknologi telah dilaksanakan untuk menyediakan personel ICT Kementerian dan Agensi dengan teknologi baru yang berlegar di pasaran. Selain itu, sesi-sesi ini juga turut dihadiri oleh *Champion* ICT setiap bahagian. Berikut adalah sesi pemindahan teknologi yang telah dilaksanakan sepanjang 2024.

| BIL. | TAJUK | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Teknologi *Update* Bil 1/2024 - Pengurusan Pusat Data | 11 Januari 2024 |
| 2. | Teknologi *Update* Bil 2/2024 - Pengurusan Pusat Data | 24 Januari 2024 |
| 3. | Teknologi *Update* Hewlett (HP) *With Ai Technology* | 6 Disember 2024 |





Sekitar Sesi Teknologi *Update*

# KHIDMAT SOKONGAN

## MEL ELEKTRONIK

Penambahan dan pengurangan akaun e-mel dapat memberikan indikator tentang dinamika penggunaan e-mel di sesebuah organisasi. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 71 akaun e-mel baru telah diwujudkan manakala 15 akaun e-mel telah dinyahaktifkan (delete).

### Corak Penambahan Akaun Baru dan Akaun Yang Telah Dinyahaktifkan




### Status Akaun E-mel Kementerian Perpaduan Negara



## BANTUAN TEKNIKAL

Sepanjang tahun 2024, BPM telah memberikan khidmat sokongan teknikal ICT kepada 51 program anjuran KPN, melibatkan 119 bantuan teknikal seperti penyediaan komputer riba, pencetak, dan talian internet. Selain itu, 128 bantuan teknikal turut disediakan untuk mesyuarat dan program yang memerlukan kemudahan sidang video, memastikan kelancaran pelaksanaan dan sokongan teknologi bagi memenuhi keperluan kementerian.



Aktiviti Bantuan Teknikal Program Kementerian

Sepanjang tahun 2024, BPM telah berjaya menyelesaikan 104 aduan yang diterima daripada warga kementerian, yang dianalisis mengikut bulan, bahagian, dan kategori seperti berikut:

### Analisis Bilangan Aduan Mengikut Bulan



## Analisis Bilangan Aduan Mengikut Bahagian




## Bilangan Aduan Mengikut Kategori





# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

## Pengenalan

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) telah diwujudkan selaras dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020 untuk memberikan perkhidmatan sokongan agar fungsi teras utama Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya beroperasi dengan lancar. Selaras dengan penstrukturan semula organisasi Kementerian Perpaduan Negara pada 1 Ogos 2024, Bahagian Khidmat Pengurusan kini berfungsi dengan dua (2) Seksyen dan satu (1) Pusat Sumber seperti yang berikut:

i. Seksyen Pentadbiran dan Pengurusan Aset
ii. Seksyen Pengurusan Kualiti dan Inovasi
iii. Pusat Sumber KPN

## Objektif

Untuk memberi bantuan khidmat nasihat dan sokongan yang efisien dan cekap dalam aspek pengurusan pentadbiran am, pengurusan rekod, pengurusan aset dan fasiliti bangunan, pengurusan pusat sumber serta pengurusan kualiti dan inovasi di peringkat Kementerian Perpaduan Negara.

# PENCAPAIAN TAHUN 2024

## MAJLIS AMANAT 2024 YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA WARGA KEMENTERIAN

**16 Januari 2024**

**Dewan Putra B, Pusat Konvensyen Anarabangasa Putrajaya (PICC)**

Majlis Amanat 2024 YB Menteri Perpaduan Negara bersama warga Kementerian diadakan sebagai platform untuk memberikan intipati kepada warga Kementerian secara keseluruhan pelaksanaan program perpaduan pada tahun 2023 dan perancangan program perpaduan pada tahun 2024 melalui Jabatan/ Agensi Perpaduan yang terdiri daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Arkib Negara Malaysia (ANM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) dan Yayasan Tun Razak (YTR) serta dengan kerjasama antara Kementerian dengan agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan.

Melalui majlis ini juga, turut diadakan Sesi Penyampaian Geran Sekretariat Rukun Negara (SRN) kepada wakil IPTA dan IPTS dan juga Sesi Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Media Perpaduan. Selain itu, YBhg. Datuk KSU juga turut menyerahkan KPN *Coffee Table Book* kepada YB Menteri Perpaduan Negara dan dalam majlis ini juga, YBhg Datuk KSU telah menandatangani Ikrar Bebas Rasuah dan Penyerahan Ikrar Bebas Rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Majlis ini berjaya dilaksanakan dengan kehadiran seramai lebih 800 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi serta Jentera Perpaduan di bawah Kementerian Perpaduan Negara.




Majlis Amanat 2024 YB Perpaduan Negara bersama warga Kementerian Perpaduan Negara

## SAMBUTAN HARI WANITA 2024 BERSAMA YB DATUK AARON AGO DAGANG MENTERI PERPADUAN NEGARA "WANITA DIJULANG, NEGARA TERBILANG"

**7 Mac 2024**

**Dewan Damar Sari 1 & 2, Blok F8, Kompleks F, Putrajaya**

Sambutan Hari Wanita 2024 Bersama YB Datuk Aaron Ago Dagang "Wanita Dijulang, Negara Terbilang" telah diadakan bersempena Hari Wanita yang diraikan setiap 8 Mac di seluruh dunia. Program ini dijadikan sebagai salah satu platform untuk memberikan semangat juang warga KPN untuk terus berkembang maju atas kejayaan dan sumbangan kepada masyarakat sambil berpegang teguh kepada kekayaan budaya, tradisi dan institusi keluarga. Tema Sambutan Hari Wanita pada tahun 2024 ialah "Wanita Dijulang, Negara Terbilang" yang memberi penekanan akan pentingnya usaha memartabatkan wanita bagi mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan jantina di semua peringkat. Sumbangan wanita merupakan pemangkin kepada keemerlangan negara, selaras dengan aspirasi masyarakat MADANI. Manakala warna ungu telah dipilih sebagai warna tema kerana ia melambangkan perjuangan untuk kesaksamaan jantina.

Penganjuran program ini memberi peluang kepada warga KPN, Jabatan dan Agensi beramah mesra secara lebih dekat dengan YB Menteri Perpaduan Negara. Turut disertakan segmen Bicara "Imej & Personaliti" oleh Puan Mira Abd Aziz dari Cutecarry Sdn. Bhd. Program ini berjaya dilaksanakan dengan kehadiran seramai lebih 200 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara.








Sambutan Hari Wanita 2024 Bersama YB Datuk Aaron Ago Dagang "Wanita Dijulang, Negara Terbilang"

# PROGRAM LAWATAN KE PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2024

**30 Mei 2024**

**Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)**

Pusat Sumber Kementerian Perpaduan Negara telah berjaya menyelaras program lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 pada 30 Mei 2024 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 ini dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) di bawah Kementerian Pendidikan dengan kerjasama persatuan industri buku Malaysia. Terdapat lebih 900 pempamer reruai dan penerbit buku dari pelbagai kategori buku telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) untuk kali - 41 pada tahun ini termasuklah penglibatan Jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu Jabatan Muzium Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia.

Lawatan yang disertai oleh seramai 42 orang warga Kementerian ini bertujuan memberi peluang kepada warga KPN untuk mengenali pelbagai jenis kategori buku dan penerbit yang mempamerkan bahan bacaan mereka di PBAKL selain dapat bersemuka dengan penulis dan editor buku yang terkenal.




Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024

## PERHIMPUNAN MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN 1446H / 2024M

**7 Julai 2024**

**Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**

Kementerian Perpaduan Negara telah diundang untuk menyertai perhimpunan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 H / 2024 M yang bertemakan "Al-Falah Pemacu Malaysia MADANI". Kontinjen Kementerian Perpaduan Negara dianggotai oleh seramai 20 orang peserta lelaki dan 20 orang peserta wanita pelbagai gred dan skim perkhidmatan di Kementerian Perpaduan Negara.




Perhimpunan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 H / 2024 M

## MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG TAHUN 2024

**9 Ogos 2024**

**Lobi Utama, Aras 1, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya**

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2024 peringkat Kementerian Perpaduan Negara telah dilancarkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara. Majlis ini berjaya dilaksanakan dengan kehadiran anggaran 300 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian serta turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Pengurusan Tertinggi dan Warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang mana merupakan agensi yang sama-sama berkongsi bangunan dan ruang kerja di Blok F9, Kompleks F.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah sesi penyerahan Jalur Gemilang kepada Pengurusan Tertinggi KPN, Jabatan dan Agensi, simbolik pemasangan Jalur Gemilang pada Kenderaan KPN serta sesi kibar Jalur Gemilang oleh semua jemputan yang hadir.








Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2024

# PERTANDINGAN JIWA MERDEKA ANTARA KEMENTERIAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2024 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**21 Ogos 2024**

**Kementerian Perpaduan Negara**

Pertandingan Jiwa Merdeka Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 Kementerian Perpaduan Negara adalah merupakan program yang dijenamakan semula dari Program Bulan Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan yang diadakan pada tahun 2021 hingga 2023 yang lalu. Pertandingan ini berkonsepkan hiasan yang bertemakan Hari Kebangsaan mengambil kira kreativiti hiasan luar bangunan, 'Sudut Merdeka' di lobi kementerian, pengisian/ program kemerdekaan, hiasan satu (1) aras tempat bekerja, dan seni arca dalam bangunan serta kerjasama pegawai di Kementerian. Pertandingan ini merupakan penglibatan kali keempat KPN dan merupakan salah satu pengisian aktiviti sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024. Pertandingan ini bertujuan untuk menggelorakan semangat cintakan negara dalam kalangan warga Kementerian dan agensi di bawahnya. Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 ialah "Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka".

Penilaian bagi Pertandingan Jiwa Merdeka Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan pada 21 Ogos 2024 (Rabu). Panel Penilai program ini terdiri daripada Jabatan Penerangan Malaysia, Perbadanan Putrajaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Jabatan Landskap Negara dan Fakulti Seni Reka, Universiti Putra Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara berjaya memperoleh penarafan empat (4) bintang dalam Pertandingan Jiwa Merdeka Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024.




Pertandingan Jiwa Merdeka Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 Kementerian Perpaduan Negara

# SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA TAHUN 2024 PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**11 Oktober 2024**

**Dewan Serbaguna Aras 1, Lobi Blok F9, Kompleks F**

Hari Sukan Negara (HSN) merupakan agenda nasional yang disambut secara tahunan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober sejak tahun 2015 dengan hasrat membudayakan dan merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup cergas dan aktif. Justeru, Kementerian Perpaduan Negara turut mengambil inisiatif mengadakan Sambutan Hari Sukan Negara peringkat Kementerian Perpaduan Negara pada 10 dan 11 Oktober 2024 (Rabu - Khamis).

Kelab UNITI KPN dan PUSPANITA telah menjemput semua warga Kementerian Perpaduan Negara untuk bersama-sama menyertai aktiviti seperti Chairobik dan Pertandingan Sukan Dalaman UNITI. Antara sukan dalaman yang dipertandingkan ialah Dart, Sepakan Penalti, Pingpong dan juga Karom.




Sambutan Hari Sukan Negara Tahun 2024 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara

## PENYERTAAN KONTINJEN KOMUNITI MALAYSIA MADANI BAGI ACARA PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023

**31 Ogos 2024**

**Dataran Putrajaya**

Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI diterajui oleh Ybrs. Encik Mohamad Sobri Bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Dasar), Kementerian Perpaduan Negara dengan dianggotai oleh seramai 800 orang peserta termasuk urus setia dari pelbagai kaum dan etnik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Untuk pertama kalinya, Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI ini merupakan kontinjen terbesar dalam sejarah perarakan dan perbarisan Hari Kebangsaan.

Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI telah menggayakan busana berkonsepkan perpaduan dalam kepelbagaian sebagai salah satu keunikan yang menjadi sumber kekuatan dan tunjang utama lambang perpaduan negara. Selain pakaian Melayu, Cina dan India, peserta kontinjen turut memperagakan pakaian yang berbeza dari kebiasaannya di Semenanjung Malaysia seperti pakaian Baba Nyonya, Siam, Bugis, Portugis dan Orang Asli. Selain itu, pakaian etnik di Sabah seperti Sulu, Idahan, Orang Sungai dan Murut serta pakaian etnik Sarawak antaranya Iban, Orang Ulu, Melanau dan Bidayuh turut sama diperagakan.

Keunikan Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI juga ditonjolkan melalui alatan prop pelbagai kaum antaranya Pohon Beringin, Tepak Sireh, Bunga Emas, Tombak, Daun Sirat, Perisai Tangan dan Perisai Tunjuk manakala persembahan khas sebagai simbolik Perpaduan masyarakat Malaysia juga ditonjolkan, antaranya Kumpulan Jidur dan Tetuang, Kumpulan Kompang, Tarian Naga dan Singa, Chinggay, Pergendangan Baghra dan Urumi, Tarian Merak serta Perarakan Kuda dan Pahlawan Bajau.




Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI

# MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W. PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1446 H / 2024 M KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**16 September 2024**

**Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**

Kementerian Perpaduan Negara telah diundang untuk menyertai perhimpunan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W. Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 H / 2024 M yang bertemakan "Al-Falah Pemacu Malaysia MADANI". Kontinjen Kementerian Perpaduan Negara dianggotai oleh seramai 20 orang peserta lelaki dan 20 orang peserta wanita pelbagai gred dan skim perkhidmatan di Kementerian Perpaduan Negara.




Perarakan dan Perhimpunan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W. Peringkat Kebangsaan Tahun 1445 H / 2023 M

# PROGRAM / MAJLIS LAIN YANG DISELARAS OLEH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN SEPANJANG TAHUN 2024

| BIL. | PROGRAM/ MAJLIS | TARIKH | TEMPAT | ANJURAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pasukan Pelambai KPN Bagi Istiadat Keberangkatan Balik Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI dan Istiadat Keberangkatan Tiba KDYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII | 30 dan 31 Januari 2024 | Jalan Parlimen | Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA) |
| 2. | Majlis Sulaman Kasih di Aidilfitri Bersama KDYMM Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim | 24 April 2024 | Dewan Damar Sari 1 & 2 Blok F8 | Kementerian Perpaduan Negara |
| 3. | Majlis Bacaan Yasin Dan Doa Selamat Sempena Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII - 18 Julai 2024, Masjid Negara | 18 Julai 2024 | Masjid Negara | Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA) |
| 4. | Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang | 21 Julai 2024 | Cyber Event Hall, Cyberjaya, Selangor | Kementerian Komunikasi |

## KURSUS DAN LATIHAN TAHUN 2024

### LATIHAN PENGGUNAAN DDMS 2.0 KEPADA PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**5 Januari 2024**

**Bilik Latihan ICT, Aras 7, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya**

Latihan Penggunaan DDMS 2.0 kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Perpaduan Negara dilaksanakan bertujuan memastikan pelaksanaan sistem pengurusan rekod yang menguruskan rekod rasmi dan rahsia rasmi kerajaan bagi keseluruhan kitaran hayatnya iaitu daripada proses pewujudan, penawanan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengedaran dan pelupusan rekod secara digital dan sistematik melalui Digital Document Management System (DDMS) 2.0 di KPN.

Bagi memastikan pelaksaan DDMS 2.0 secara teratur dan berkesan di KPN, Latihan DDMS 2.0 Kepada Pengurusan Tertinggi KPN dilaksanakan secara bersemuka melibatkan Pengurusan Tertinggi KPN dan Setiausaha Pejabat, Pembantu Setiausaha Pejabat dan Pegawai Tadbir Bahagian serta Wakil Bahagian/ Unit di KPN.




Latihan Penggunaan DDMS 2.0 kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Perpaduan Negara

## KURSUS PENDEDAHAN KEPADA KESELAMATAN PERLINDUNGAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**19 – 20 Februari 2024**

**Bilik Mesyuarat Perpaduan 5, Kementerian Perpaduan Negara, Aras 6, Blok F9, Kompleks F,Putrajaya**

Kursus Pendedahan Kepada Keselamatan Perlindungan Kementerian Perpaduan Negara dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pengurusan dan pengendalian keselamatan yang berkaitan dengan Keselamatan Rahsia Rasmi Kerajaan, Keselamatan Fizikal, Keselamatan ICT dan Persekitaran serta Keselamatan Peribadi dilaksanakan dengan teratur dan berkesan mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Kursus ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Pegawai Keselamatan dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). Kursus ini melibatkan seramai 38 orang peserta yang terdiri daripada Warga Kementerian Perpaduan Negara.





Kursus Pendedahan Kepada Keselamatan Perlindungan Kementerian Perpaduan Negara

# LAWATAN PENANDA ARAS EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) KE KEMENTERIAN KERJA RAYA

**11 Mac 2024**

**Kementerian Kerja Raya**

Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kementerian Perpaduan Negara ke Kementerian Kerja Raya dilaksanakan bertujuan untuk melihat sendiri pelaksanaan EKSA di Kementerian Kerja Raya di samping untuk mendapatkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar berkenaan pelaksanaan EKSA dalam usaha KPN untuk mendapatkan pensijilan EKSA.

Lawatan Penanda Aras EKSA ini melibatkan seramai 30 orang warga Kementerian Perpaduan Negara mewakili setiap Zon EKSA yang terdapat di Kementerian. Lawatan ini telah memberikan pelbagai input dan idea yang dapat digunakan dalam pelaksanaan EKSA di setiap Zon EKSA di Kementerian kelak.










Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kementerian Perpaduan Negara ke Kementerian Kerja Raya

# TAKLIMAT PENGURUSAN INOVASI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA 2024

**5 Julai 2024**

**Bilik Mesyuarat Perpaduan 2, Kementerian Perpaduan Negara, Aras 6, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya**

Taklimat Pengurusan Inovasi Kementerian Perpaduan Negara tahun 2024 dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengenalan awal kepada pengurusan inovasi kepada warga Kementerian Perpaduan Negara. Taklimat ini telah disampaikan oleh penceramah dari Kementerian Kerja Raya (KKR) iaitu Encik Ali bin Isa yang berpengetahuan luas dalam bidang inovasi dan pengurusan kualiti. Taklimat ini melibatkan seramai 42 orang peserta yang terdiri daripada wakil setiap Bahagian dan Unit di Kementerian dan juga wakil dari setiap Jabatan.








Taklimat Pengurusan Inovasi Kementerian Perpaduan Negara tahun 2024

## KURSUS LATIHAN PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (*EMERGENCY RESPONSE TEAM- ERT*) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**28 – 30 Oktober 2024**

**Dewan Serbaguna, Aras 1, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya**

Kursus Latihan Pasukan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Team- Ert*) Kementerian Perpaduan Negara dilaksanakan bertujuan untuk memberi latihan dan pengetahuan yang jelas kepada ahli ERT yang dilantik berkenaan dengan kesiapsiagaan dalam menguruskan kes-kes kecemasan atau kebakaran yang berlaku di organisasi. Bagi tujuan ini, satu sesi latihan bomba/ kebakaran yang merangkumi teori dan fizikal telah diadakan melibatkan peserta seramai 52 orang yang terdiri daripada warga Kementerian Perpaduan Negara dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).



Kursus Latihan Pasukan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Team- ERT*) Kementerian Perpaduan Negara

## KURSUS PENGURUSAN DAN ETIKA PEMANDUAN PEMANDU KENDERAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

**30 November – 1 Disember 2024**

**Cherengin Hills Convention & SPA Resort, Janda Baik, Pahang Darul Makmur**

Kursus Pengurusan dan Etika Pemanduan Pemandu Kenderaan Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2024 dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan berkenaan pengurusan kenderaan jabatan dan etika pemanduan pemandu jabatan Kementerian Perpaduan Negara. Kursus ini diadakan di Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik, Pahang Darul Makmur.

Kursus ini melibatkan seramai 22 orang peserta dan urus setia yang terdiri daripada pemandu jabatan dan pemandu ganti yang dilantik. Aktiviti pengukuhan pasukan juga turut dilaksanakan dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan kerjasama sebagai sebuah pasukan.





Kursus Pengurusan dan Etika Pemanduan Pemandu Kenderaan Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2024

## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) TAHUN 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) diadakan setiap suku tahun bagi melaporkan kedudukan semasa pengurusan aset alih Kerajaan, pemeriksaan aset yang telah dibuat, pelupusan aset suku semasa, kes-kes kehilangan aset yang dilaporkan dan hapus kira yang diluluskan serta laporan pengurusan stor. Mesyuarat ini wajib dilaksanakan setiap suku tahun bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan aset dan stor dan tindakan-tindakan lanjut yang akan dilaksanakan bagi mematuhi keperluan Pekeliling Perbendaharaan AM1.1: Pengurusan Aset Kerajaan. Bagi tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah berjaya mematuhi pelaksanaan Mesyuarat JKPAK setiap tahun seperti perincian berikut:

### Pelaksanaan Mesyuarat JKPAK Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2024

| BIL. | SUKU TAHUN | MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | Pertama | Mesyuarat JKPAK Bil. 1/2023 | 9 Mei 2024 |
| 2. | Kedua | Mesyuarat JKPAK Bil. 2/2023 | 8 Ogos 2024 |
| 3. | Ketiga | Mesyuarat JKPAK Bil. 3/2023 | 4 Nov 2024 |
| 4. | Keempat | Mesyuarat JKPAK Bil. 4/2023 | 21 Jan 2025 |

# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## Pengenalan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) ialah suatu Bahagian yang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan struktur organisasi dan perjawatan, urusan-urusan perkhidmatan, latihan kakitangan dan peperiksaan serta urusan-urusan berkaitan prestasi dan kemajuan kerjaya pegawai.

Di awal penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020, urusan sumber manusia Kementerian diletakkan di bawah tadbir urus Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan. Namun, selepas penstrukturan semula KPN pada 1 Ogos 2024, Seksyen Sumber Manusia telah beroperasi secara berasingan melalui pewujudan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan peruntukkan sebanyak 28 perjawatan. Bahagian ini terdiri daripada dua (2) Seksyen iaitu:

i. Seksyen Pengurusan Perkhidmatan, Pengurusan Psikologi & Prestasi
ii. Seksyen Pembangunan Organisasi, Latihan dan HRMIS

## Objektif

i. Menghasilkan anggota yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti melalui perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara cekap dan berkesan bagi mencapai objektif organisasi.

ii. Memastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif bahagian.

iii. Memastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif bahagian.

## PENSTRUKTURAN SEMULA PERJAWATAN KEMENTERIAN

Pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat bertarikh 18 Ogos 2024 telah meluluskan permohonan penstrukturan semula perjawatan Kementerian Perpaduan Negara melalui Waran Perjawatan Bilangan A148 Tahun 2024 berkuat kuasa pada 1 Ogos 2024 berdasarkan perakuan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Kelulusan ini melibatkan pewujudan empat (4) bahagian baharu iaitu Bahagian Kolaborasi Strategik, Bahagian Kesepaduan Nasional, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia serta Bahagian Kewangan dan Pembangunan. Selain itu, satu (1) sekretariat dan dua (2) bahagian terdahulu telah dimansuhkan iaitu; Bahagian Pembangunan Masyarakat, Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Sekretariat Majlis Perpaduan. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan sebanyak 66 perjawatan baharu menjadikan jumlah keseluruhan perjawatan di KPN bertambah daripada 200 perjawatan kepada 266 perjawatan.



## PELAKSANAAN KURSUS TAHUN 2024

Pada tahun 2024, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah diperuntukkan sebanyak RM651,800.00 untuk pelaksanaan kursus kompetensi generik dan fungsian bagi warga Kementerian sepertimana yang telah dirancang dalam Pelan Operasi Latihan Tahun 2024. Sebanyak 52 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 merangkumi 22 kursus kompetensi generik dan 30 kursus kompetensi fungsian dengan perbelanjaan sebanyak RM634,759.78 dengan perincian seperti berikut:



Antara kursus-kursus yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:

## PROGRAM TRANSFORMASI MINDA





## KURSUS PENGURUSAN SUMBER MANUSIA






Pada tahun 2024, Kementerian telah memperaku dan menghantar tujuh (7) orang pegawai yang bertugas di jabatan-jabatan di bawah Kementerian bagi mengikuti Program *Accelerated Industrial Attachment For Competency Excellence* (AICE) selama 3 - 4 bulan. Program AICE merupakan satu kaedah pelaksanaan kursus secara penempatan sangkutan di syarikat-syarikat swasta dalam bidang pendigitalan supaya pegawai-pegawai mendapat pendedahan kepakaran untuk diaplikasi dalam tugasan harian.



Sesi Lawatan Naziran Pemantauan Program AICE Di APU

## MAJLIS BERSAMA JABATAN TAHUN 2024

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan mesyuarat yang berperanan sebagai platform hubungan dua hala antara pegawai dan kakitangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk berkomunikasi dengan pihak Pengurusan KPN dalam menyuarakan pandangan, menyampaikan hasrat dan mencapai satu kata persetujuan untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh pegawai dan kakitangan di KPN. Mesyuarat MBJ telah dilaksanakan sebanyak tiga kali pada tahun 2024 mengikut Ceraian PO.4.2.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Dasar Hubungan Majikan-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam – Majlis Bersama Jabatan. MBJ Kementerian juga telah berjaya menyelesaikan 28 daripada 29 usul (97%) yang telah dibangkitkan pada tahun 2024. Baki 1 usul masih dalam tindakan pihak Kementerian dan akan dibawa ke tahun 2025 untuk perbincangan lanjut.

**BIL.1/2024**
23 APRIL 2024

**BIL.2/2024**
22 OGOS 2024

**BIL.3/2024**
18 DISEMBER 2024



**97%**
**ISU SELESAI**

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023 DAN SANJUNGAN BUDI TAHUN 2024 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan satu pengiktirafan Kerajaan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang di samping penghargaan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Tujuan penganugerahan ini diberikan untuk meningkatkan budaya kerja berprestasi tinggi dalam kalangan warga kerja serta memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Sanjungan Budi Tahun 2024 merupakan majlis yang meraikan pesara-pesara yang telah menamatkan perkhidmatan di Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2024. Majlis ini merupakan salah satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan kepada penjawat awam yang telah menabur bakti sepanjang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.

Pada tahun 2024, Majlis APC Tahun 2023 telah diadakan bersekali Sanjungan Budi Tahun 2024 dengan melibatkan penerima-penerima APC dan pesara dari Kementerian, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Arkib Negara Malaysia (ANM). Kesemua 488 orang penerima APC telah dianugerahkan Sijil APC dan insentif berbentuk wang tunai sebanyak RM1,000.00, manakala, seramai 98 orang pegawai yang telah bersara telah dianugerahkan Sijil Penghargaan beserta hadiah persaraan yang disampaikan oleh YB Timbalan Menteri Perpaduan Negara.

**Jumlah Penerima APC di Kementerian dan Jabatan seramai 567 orang**




**Jumlah Pesara mengikut Jabatan seramai 98 orang**



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 dan Sanjungan Budi Tahun 2024 ini telah dirasmikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara pada 11 Jun 2024 bertempat di Putra Hall A, Putrajaya International Convention Centre (PICC), Wilayah Putrajaya dengan penuh meriah dan bermakna oleh semua tetamu jemputan.







## PROGRAM HARI TERBUKA SEKSYEN SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

Program Hari Terbuka Seksyen Sumber Manusia membolehkan warga Kementerian menyertai pengisian taklimat berkenaan perkhidmatan sumber manusia, menyemak Buku Rekod Perkhidmatan dan ketepatan data dalam sistem HRMIS masing-masing di samping menyertai pelbagai aktiviti yang merangsang minda. Program ini telah berlangsung selama satu (1) hari pada 23 Julai 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Perpaduan 5, Aras 6, KPN. Seluruh warga Kementerian memberikan kerjasama dan sokongan yang padu dalam memastikan ketepatan data masing-masing melalui sistem HRMIS dan Buku Rekod Perkhidmatan dikemaskini dengan terperinci agar urusan perkhidmatan pegawai dapat diuruskan dengan lebih teratur mulai tarikh dilantik sehingga perkhidmatannya berakhir.



## INISIATIF KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI WARGA KPN

Inisiatif pembangunan kesejahteraan psikologi warga KPN telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pembangunan aspek psikologi dan kesihatan mental warga KPN dan agensi. Inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang memberi fokus kepada pembangunan kesejahteraan warga melalui pelaksanaan program-program pembangunan psikologi kepada warga dalam membantu meningkatkan kesedaran, pengetahuan serta kemahiran warga untuk mencapai tahap kesihatan mental yang baik.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 5 inisiatif kesejahteraan psikologi utama telah dilaksanakan melalui Siri Pogram Interaktif Psikologi, hebahan Poster Sejahtera Psikologi@ KPN secara berkala, Pelaksanaan Hari Terbuka Psikologi, Profiling Kesejahteran Psikologi dan penyelidikan berkaitan isu psikologi warga KPN serta agensi. Inisiatif-inisiatif yang djalankan ini akan dapat membantu warga KPN memperkembangkan potensi diri seterusnya mempertingkatkan produktiviti bekerja di KPN.










Siri Pogram Interaktif Psikologi

## HARI TERBUKA PSIKOLOGI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Hari Terbuka Psikologi KPN 2024 telah diadakan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM), Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dan PUSPANITA KPN. Penganjuran program ini adalah sebahagian daripada aktiviti sempena sambutan Hari Kesedaran Kesihatan Mental Sedunia yang diraikan pada 10 Oktober setiap tahun. Melalui program ini, kepentingan memelihara kesejahteraan dan kesihatan mental diri dapat dipromosikan kepada warga dalam usaha memupuk budaya sihat di tempat kerja dalam aspek fizikal dan mental.



Hari Terbuka Psikologi Kementerian Perpaduan Negara 2024

## RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KPN terus aktif dalam melaksanakan program dan aktiviti kesejahteraan warga. AKRAB berfungsi untuk menjadi pendengar setia dan rakan yang sentiasa memberi sokongan kepada warga KPN yang diuji dalam menempuh cabaran kehidupan. Dengan keahlian AKRAB yang telah bertambah kepada 100 orang pada tahun 2024, AKRAB KPN terus komited untuk membantu rakan sekerja di pelbagai peringkat melalui program dan aktiviti yang dijalankan. AKRAB yang digerakkan atas semangat kesukarelawanan telah menjadi tunjang yang menyokong inisiatif kesejahteraan warga demi manfaat keluarga besar Kementerian Perpaduan Negara.




Program dan aktiviti Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KPN

# BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

## Pengenalan

Di awal penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 10 Mac 2020, Seksyen Kewangan dan Perolehan serta Seksyen Pembangunan adalah di bawah tanggung jawab Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP). Selepas penstrukturan semula KPN pada 1 Ogos 2024, Bahagian Kewangan dan Pembangunan (BKEP) telah diwujudkan dan dibahagikan kepada tiga (3) seksyen utama seperti berikut:

i. Seksyen Kewangan
ii. Seksyen Perolehan
iii. Seksyen Pembangunan

## Objektif

Bahagian Kewangan dan Pembangunan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan pengurusan kewangan seperti bajet, perolehan, akaun dan bayaran, projek-projek pembangunan, tanah dan aset tak alih.

## PENCAPAIAN TAHUN 2024

### SEKSYEN PEMBANGUNAN

#### PRESTASI PERBELANJAAN 2024



## STATUS PROJEK




## PROJEK SIAP 2024

| NAMA PROGRAM/PROJEK | AGENSI PEMILIK | TARIKH |
|---|---|---|
| Projek Menaik taraf dan Memulihara Peragaan Bangunan Galeria Sri Perdana | ANM | 16 Dis 2024 |
| Pembinaan PRT Taman Keris / Batu 6 Lekir, Manjung, Perak | JPNIN | 25 Nov 2024 |
| Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan | PNM | 18 Nov 2024 |
| Projek Pembaikan, Ubahsuai & Naik Taraf Premis Perpaduan Seluruh Malaysia (16 butiran) (188 projek) | Pelbagai Jabatan | Nov 2024 |
| Dana Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Tahun 2024 | JPNIN | Nov 2024 |

## LAWATAN INTERVENSI PROJEK PEMBANGUNAN

Lawatan intervensi merupakan salah satu usaha memastikan pelaksanaan projek dipantau dengan lebih berkesan agar projek dilaksanakan dengan cekap, mematuhi skop dan berkualiti di samping mencari penyelesaian terbaik bagi isu-isu berbangkit dalam pelaksanaan projek.

180 lawatan tapak telah diadakan pada tahun 2024 seperti berikut:

i. 3 lawatan turun padang oleh YB Menteri Perpaduan Negara.
ii. 9 lawatan turun padang oleh Ketua Setiausaha KPN.
iii. 168 lawatan tapak oleh pegawai-pegawai KPN bagi setiap projek.



Projek Pembinaan Baru Kompleks Perpaduan Perlis



Tapak Cadangan Pembinaan Bangunan Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan






Projek Pembinaan Pusat Rukun Tetangga Taman Intan Duyong, Port Dickson, Negeri Sembilan









Projek Pemuliharaan dan Pemeliharaan Bangunan Muzium Diraja, Kuala Lumpur





Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia



Projek Menaiktaraf Galeria Perdana Langkawi




Projek Menaiktaraf dan Memulihara Peragaan Bangunan Galeria Sri Perdana

## PENYERAHAN KAMPUNG ANGKAT MADANI KPN DI KAMPUNG BATU PAPAN, GUA MUSANG, KELANTAN

i. Kementerian Kewangan telah meluluskan pemilihan Kampung Batu Papan di Gua Musang, Kelantan sebagai lokasi program Kampung Angkat MADANI dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta.

ii. KPN melalui JPNIN Kelantan telah melaksanakan 18 projek pembaikan dan naik taraf, 2 perolehan peralatan pejabat/dewan dan program keceriaan dan kebersihan kampung.

iii. Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara kepada Pemimpin Kampung Batu Papan, Gua Musang telah diadakan pada 28 November 2024 (Khamis).




Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI, Gua Musang

## MESYUARAT

17 Mesyuarat Utama Pembangunan Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan pada tahun 2024 merangkumi:

i. 2 Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri;

ii. 12 Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) yang dipengerusikan oleh KSU;

iii. 3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (Fasiliti) (JKPAK) bagi sukuan I, II, dan III yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan; dan

iv. 1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (Fasiliti) (JKPAK) bagi sukuan IV yang dipengerusikan oleh KSU




Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) Bil 1/2024




Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)

## BENGKEL PENYELARASAN PELAPORAN TADBIR URUS PENGURUSAN ASET TAK ALIH (PATA) TAHUN 2024 KPN

i. Bengkel Penyelarasan Pelaporan Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) Tahun 2024 KPN telah diadakan di Hotel Swiss Garden, Melaka pada 25-28 Julai 2024 dan dihadiri oleh 40 orang peserta yang terdiri daripada wakil Kementerian dan jabatan / agensi.

ii. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi ruang kepada pegawai-pegawai yang telah dilantik sebagai Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) KPN untuk lebih memahami konsep pelaporan tadbir urus aset tak alih.



Taklimat Bengkel Penyelarasan Pelaporan Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih

## BENGKEL PENGURUSAN PERMOHONAN PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN (DE) RMKe-13 KPN

i. Bengkel telah diadakan di Resort World Awana, Genting Highland pada 27-30 Oktober 2024 yang dihadiri oleh 40 orang peserta terdiri daripada wakil Kementerian dan jabatan / agensi.

ii. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPN.

iii. Objektif bengkel ini adalah untuk menyelaras dan meneliti senarai permohonan program/ projek Pembangunan (DE) RMKe-13 bagi semua Jabatan di bawah KPN melalui taklimat dari Kementerian Ekonomi (KE), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Digital Negara (JDN) agar selari dengan hala tuju Kementerian dan Kerajaan seterusnya dapat memberikan impak kepada rakyat secara keseluruhannya.





## SEKSYEN KEWANGAN

### Latar Belakang

i. Pengurusan bajet merupakan elemen penting dalam pengurusan kewangan bagi memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagihkan dengan teratur mengikut keutamaan. Kementerian terus komited untuk mempromosikan perpaduan nasional melalui penggunaan sumber yang optimum.

ii. Pendekatan ini memastikan bajet yang disediakan selaras dengan dasar kerajaan semasa, memenuhi keperluan sebenar, serta memberi tumpuan kepada keutamaan perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran.

iii. Pada tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah menerima peruntukan sebanyak RM637,255,100, yang terdiri daripada Peruntukan Mengurus sebanyak RM549,024,100 dan Peruntukan Pembangunan sebanyak RM88,231,000.

## Peruntukan Mengurus

Di bawah Peruntukan Mengurus (B14), Kementerian Perpaduan Negara telah menerima peruntukan sebanyak RM549,024,100.00, dengan prestasi perbelanjaannya mencapai 100%.

### PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS 2024






## PROGRAM

## SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2025 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN)

i. Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan Sesi Libat Urus Belanjawan 2025 dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) pada 6 Ogos 2024 di The Everly Hotel, Putrajaya.

ii. Sesi libat urus ini diadakan bagi mendapatkan input daripada pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam membantu supaya dokumen Belanjawan 2025 disediakan dengan lebih inklusif.






Sesi Libat Urus Belanjawan 2025 di The Everly Hotel, Putrajaya

## SEKSYEN PEROLEHAN

### Latar Belakang

Seksyen Perolehan memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan perolehan Kerajaan di sesuatu organisasi dilaksanakan dengan cekap, telus, dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Antara fungsi utama Seksyen Perolehan adalah:

i. Penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan untuk memastikan pembelian dibuat secara strategik dan berkesan.
ii. Penyediaan Dokumen Perolehan mengikut garis panduan yang ditetapkan bagi memastikan kejelasan kepada pembekal.
iii. Pengurusan dan penyelarasan semua aktiviti perolehan, termasuk pengiklanan tender, penilaian bidaan, serta pemilihan pembekal atau kontraktor yang sesuai secara adil dan terbuka
iv. Pentadbiran dan Pemantauan Kontrak bagi memastikan pematuhan terhadap syarat perjanjian serta mengurus risiko dalam pelaksanaan kontrak.

## PENCAPAIAN TAHUN 2024

i. Prestasi penggunaan sistem ePerolehan telah mencapai prestasi 100% daripada anggaran peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
ii. Urusan perolehan bagi tahun 2024 adalah seperti di jadual berikut:-



# KURSUS

## KURSUS PEROLEHAN SIRI 1 TAHUN 2024 ( ePerolehan: Penyediaan Nota Minta)

### 15 Februari 2024, Bilik Latihan ICT, BPM, KPN

Seksyen Perolehan menganjurkan kursus ini untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai tatacara pengurusan perolehan Kerajaan secara digital melalui latihan secara *hands-on* bagi Modul Nota Minta serta menerangkan dasar, peraturan dan prosedur mengenai perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.





Kursus Perolehan Siri 1 Tahun 2024

## KURSUS PEROLEHAN SIRI 2 TAHUN 2024 ( ePerolehan: Kursus Asas Perolehan)

### 18 -19 Disember 2024, Dewan Utama Blok F9, KPN

Kursus ini diadakan khusus untuk kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi memberikan pendedahan awal berkaitan tatacara perolehan dan kewangan yang sedang berkuat kuasa, proses kerja sistem ePerolehan, penyediaan kertas kerja cadangan / permohonan program serta pengurusan kontrak Kerajaan.





Kursus Perolehan Siri 2 Tahun 2024

# BAHAGIAN AKAUN

## Pengenalan

Bahagian Akaun (BA) telah ditubuhkan pada 1 Mac 2021 selaras dengan dasar kerajaan dan Pekeliling Perbendaharaan PS 1.2 yang menghendaki setiap kementerian mempunyai Bahagian Akaun bagi melaksanakan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Terdapat 39 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan BA KPN. Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam memastikan perakaunan akruan dilaksanakan dan penyata kewangan kementerian disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan.

## Objektif

i. Melaksanakan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan dengan cekap dan berkesan;
ii. Menyediakan Penyata Kewangan Kementerian yang tepat dan boleh dipercayai kepada pemegang taruh;
iii. Memastikan transaksi kewangan diperakaunkan dengan tepat dan mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa;
iv. Memberi khidmat nasihat yang berkualiti dan berkesan dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik; dan
v. Menyediakan maklumat dan laporan pengurusan perakaunan bagi membantu Pengurusan Atasan dalam pembuatan keputusan.

## PENCAPAIAN TAHUN 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (JPPA) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

i. Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPN
ii. Diadakan sebanyak dua (2) kali bagi tahun 2024 seperti berikut:

| BIL. | PERKARA | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | JPPA Bil. 1 Tahun 2024 | 28 Jun 2024 |
| 2. | JPPA Bil. 2 Tahun 2024 | 3 Disember 2024 |



Mesyuarat JPPA Bilangan 1 Tahun 2024



Mesyuarat JPPA Bilangan 2 Tahun 2024

## MESYUARAT BERSAMA BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

i. Diadakan bagi mengeratkan kerjasama di antara BA KPN dan BMMB yang merupakan bank rasmi KPN.
ii. Dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2024 seperti berikut:

| BIL. | TARIKH | MESYUARAT |
|---|---|---|
| 1. | 15/01/2024 | Mesyuarat Bagi Membincangkan Transaksi Terimaan Susulan Perpindahan MITRA Dan Isu - Isu Berbangkit Bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (Secara Dalam Talian) |
| 2. | 18/09/2024 | Mesyuarat Bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) Bil. 2 Tahun 2024 (Secara Fizikal) |
| 3. | 27/11/2024 | Mesyuarat Bersama Pihak Bank Muamalat Berkenaan Penutupan Akhir Terimaan Tahun 2024 (Secara Dalam Talian) |

## MESYUARAT OPERASI BAHAGIAN AKAUN BERSAMA PTJ

i. Diadakan pada 15 Ogos 2024 dan 10 Oktober 2024, bagi membincangkan isu operasi berkaitan kewangan dan perakaunan di peringkat PTJ.
ii. Dihadiri oleh wakil dari PTJ KPN sekitar Lembah Klang.
iii. Pihak BA telah memberikan penerangan tentang keperluan dan cara pemantauan status bayaran di peringkat PTJ, pembentangan statistik berkaitan pindahan dana elektronik (EFT) terbatal berdasarkan PTJ serta penekanan berhubung keperluan dokumen sokongan yang tepat bagi aset.

## SESI PENERANGAN AKTIVITI DAN TATACARA PEMBAYARAN PELARASAN GAJI UNTUK PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

Satu sesi penerangan kepada PTJ KPN telah diadakan pada 15 Oktober 2024 secara dalam talian berhubung tindakan yang perlu diambil berdasarkan arahan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) serta tatacara bagi memastikan pembayaran pelarasan gaji SSPA bagi pegawai di bawah KPN berjalan lancar.





Sesi penerangan kepada PTJ berhubung aktiviti berkaitan SSPA pada 15 Oktober 2024

## TAKLIMAT PENUTUPAN AKHIR TAHUN (PAT) TAHUN 2024 KEPADA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN)

Taklimat Penutupan Akhir Tahun telah diadakan bagi menerangkan tindakan yang perlu diambil oleh PTJ mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh JANM sepertimana dinyatakan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2024. Taklimat telah diadakan pada 25 November 2024 secara atas talian dan telah berjalan dengan lancar di mana semua PTJ KPN memberikan kerjasama dengan menghantar wakil dan memberikan input berkaitan penutupan akaun tahunan.




Taklimat PAT tahun 2024 kepada PTJ KPN

## PROGRAM/ AKTIVITI UTAMA/ KURSUS/ BENGKEL

BA KPN telah mengadakan 11 kursus sepanjang tahun 2024. Kursus-kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pegawai perakaunan dan kewangan khususnya di PTJ dan amnya di BA KPN.

Pelan tindakan ini adalah sebahagian daripada usaha Bahagian Akaun untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan perakaunan dan kewangan, selaras dengan strategi yang lebih luas dalam mempromosikan perpaduan dan integrasi nasional. Kursus tersebut merangkumi pelbagai topik yang relevan kepada pegawai, termasuk latihan dalam bidang perakaunan kewangan, perakaunan aset, dan perakaunan pengurusan yang lebih mapan.

Bahagian Akaun berharap dapat memupuk kompetensi pegawai yang lebih berkemahiran tinggi, yang seterusnya akan menyumbang kepada pencapaian objektif kementerian dalam membangunkan masyarakat yang lebih bersatu dan berdaya saing di PTJ KPN. Berikut adalah kursus/ taklimat/ bengkel yang telah diadakan sepanjang tahun 2024:

| BIL. | KURSUS/ TAKLIMAT/ BENGKEL | TARIKH | MESYUARAT |
|---|---|---|---|
| i. | Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan dan Hasil Kerajaan Zon Timur Siri 1/2024 | 06 - 07/02/2024 | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu |
| ii. | Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan dan Hasil Kerajaan Zon Utara Siri 2/2024 | 20 - 21/02/2024 | Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis |
| iii. | Taklimat Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 5 Tahun 2023 Tatacara Pengurusan Bayaran | 26/02/2024 | Bilik Mesyuarat Perpaduan 5, Aras 6, KPN |
| iv. | Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan dan Hasil Kerajaan Zon Selatan Siri 3/2024 | 05 - 06/03/2024 | Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Johor Bahru |
| v. | Kursus Pemantapan Penggunaan Modul Pengurusan Gaji (HCM) Sistem iGFMAS | 02 - 03/05/2024 | Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD) Cyberjaya |
| vi. | Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan dan Hasil Kerajaan Zon Sarawak Siri 4/2024 | 08 - 09/05/2024 | Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak |
| vii. | Kursus Pemantapan Modul Perakaunan Aset (AA) Sistem iGFMAS | 15 - 16/05/2024 | Bilik Latihan Komputer, Aras 7, KPN |
| viii. | Bengkel Naziran dan Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) Zon Sarawak | 30 - 01/08/2024 | Pejabat Perpaduan Daerah Miri |
| ix. | Bengkel Permohonan Capaian Pengguna Sistem iGFMAS | 08 - 09/08/2024 | Bilik Latihan Komputer, Aras 7, KPN |
| x. | Bengkel Naziran dan Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) Zon Sabah | 03 - 05/09/2024 | Dewan Serbaguna Arkib Negara Malaysia Negeri Sabah |
| xi. | Bengkel Pemantapan Tatacara Pengurusan Bayaran SPANM Bil. 5 Tahun 2023 | 20 - 21/10/2024 | Dewan Utama Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis |

## KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN TERIMAAN DAN HASIL KERAJAAN

Bahagian Akaun sentiasa konsisten memastikan tahap kompetensi pegawai dalam tatacara pengurusan terimaan serta hasil Kerajaan dapat dipertingkatkan melalui tindakan pengukuhan dan penambahbaikan dalam pengurusan terimaan dan hasil selaras pekeliling perbendaharaan dan peraturan yang berkuatkuasa.

Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan dan Hasil Kerajaan telah diadakan sebanyak empat (4) siri mengikut Zon PTJ. Kursus Siri 1/2024 telah dilaksanakan pada 6 - 7 Februari 2024

di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu yang melibatkan peserta daripada PTJ KPN di Zon Timur. Kursus Siri 2/2024 telah dilaksanakan pada 20 - 21 Februari 2024 di Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis yang menfokuskan peserta daripada PTJ KPN di Zon Utara.

Manakala Siri 3/2024 pula telah diadakan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Johor Bahru pada 5 - 6 Mac 2024 yang melibatkan peserta daripada PTJ KPN di Zon Selatan. Kursus Siri 4/2024 pula telah dilaksanakan pada 8 - 9 Mei 2024 di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak yang melibatkan peserta daripada Zon Sarawak.

Objektif utama kursus-kursus ini adalah untuk memastikan pegawai yang bertanggungjawab sentiasa peka dan cakna dengan Tatacara Pengurusan Terimaan Kerajaan Persekutuan selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan dan memastikan Pengurusan Terimaan Kerajaan Persekutuan diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.




Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan Dan Hasil Kerajaan Siri 1/2024
di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.







Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan Dan Hasil Kerajaan Siri 2/2024 di Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis










Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan Dan Hasil Kerajaan Siri 3/2024 di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Johor Bahru










Kursus Pemantapan Pengurusan Terimaan Dan Hasil Kerajaan Siri 4/2024 di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak

## BENGKEL SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BIL. 5 TAHUN 2023 TATACARA PENGURUSAN BAYARAN

Bengkel Siri 1/2024 yang dilaksanakan pada 26 Februari 2024 di Kementerian Perpaduan Negara telah melibatkan peserta daripada PTJ Lembah Klang. Manakala Siri 2/ 2024 telah diadakan pada 20 - 21 Oktober 2024 di Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/ Perlis.

Objektif utama taklimat ini bagi memberi pendedahan dan penerangan mengenai Tatacara Pengurusan Bayaran SPANM Bil. 5 Tahun 2023 dan memastikan kompetensi pegawai yang bertanggungjawab sentiasa peka dan cakna dengan peraturan kewangan yang dikemaskini dari semasa ke semasa khususnya dalam pengurusan bayaran di PTJ.









Bengkel SPANM Bil. 5 Tahun 2023 Tatacara Pengurusan Bayaran Siri 1/2024 Zon Lembah Klang






Bengkel SPANM Bil. 5 Tahun 2023 Tatacara Pengurusan Bayaran Siri 2/2024 di Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis

## KURSUS PEMANTAPAN PENGGUNAAN MODUL PENGURUSAN GAJI (HCM) SISTEM iGFMAS

Kursus yang dilaksanakan pada 2-3 Mei 2024 di Pusat Pembangunan Profesional IPNCPD, Cyberjaya telah melibatkan peserta daripada PTJ Lembah Klang.

Objektif utama kursus adalah untuk memberi pendedahan kepada fungsi -fungsi Sistem iGFMAS berkaitan pengurusan gaji Kerajaan, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman penggunaan Modul Pengurusan Gaji (HCM) Sistem iGFMAS dan mewujudkan pendekatan melalui pelaksanaan amalan, prosedur dan kaedah terbaik dalam pengurusan gaji di PTJ.







Kursus Pemantapan Penggunaan Modul Pengurusan Gaji (HCM) Sistem iGFMAS di IPNCPD, Cyberjaya

## KURSUS PEMANTAPAN MODUL PERAKAUNAN ASET (AA) SISTEM iGFMAS

Kursus yang dilaksanakan pada 15-16 Mei 2024 di Kementerian Perpaduan Negara telah melibatkan peserta daripada PTJ Lembah Klang.

Objektif utama kursus adalah untuk mempertingkatkan kesedaran dan pemahaman transaksi yang melibatkan aset, merangkumi data induk aset, transaksi aset, aktiviti bulanan/tahunan, laporan serta berantara-muka dengan sistem agensi lain, mewujudkan pendekatan melalui perlaksanaan amalan, prosedur dan kaedah terbaik dalam Pengurusan Aset dan sebagai tindakan pengukuhan dan penambahbaikan secara berterusan ke arah kepatuhan dalam pemakaian Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dalam Perakaunan Aset Kementerian.






Kursus Pemantapan Modul Perakaunan Aset (AA) Sistem iGFMAS

## BENGKEL NAZIRAN DAN SEMAKAN DOKUMEN AKAUN TERIMAAN (DAT)

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 30 September 2024 - 1 Ogos 2024 di Pejabat Perpaduan Daerah Miri, Sarawak yang melibatkan peserta daripada lima (5) PTJ Zon Sarawak. Manakala bagi PTJ Zon Sabah pula, bengkel telah dilaksanakan pada 3 – 5 September 2024 di Arkib Negara Malaysia Negeri Sabah yang melibatkan peserta daripada lima (5) PTJ Zon Sabah.

Objektif utama bengkel adalah untuk memastikan pegawai yang bertanggungjawab sentiasa peka dan cakna dengan Tatacara Pengurusan Terimaan Kerajaan Persekutuan selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, memastikan Pengurusan Terimaan Kerajaan Persekutuan diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan, meningkatkan tahap kompetensi pegawai dalam tatacara pengurusan terimaan serta hasil Kerajaan dan mewujudkan piawaian-piawaian sebagai tanda aras yang mampu meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti kerja serta peranan sebagai Pejabat Pemungut.





Bengkel Naziran dan Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) Zon Sarawak







Bengkel Naziran dan Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) Zon Sabah

## BENGKEL PERMOHONAN CAPAIAN PENGGUNA SISTEM iGFMAS

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 8 - 9 Ogos 2024 di Kementerian Perpaduan Negara yang melibatkan peserta daripada PTJ Lembah Klang.

Objektif utama kursus bagi memberi makluman terkini berkenaan proses kerja yang telah ditambahbaik dan jadual pelaksanaan Pengurusan Capaian Baharu Secara Atas Talian (*Online*) di portal Sistem iGFMAS dan sebagai persediaan kepada pengguna Sistem iGFMAS sebelum pelaksanaan *go-live* dilaksanakan pada 9 September 2024.







## NAZIRAN KHAS DAN SEMAKAN DATA ASET (TANAH DAN BANGUNAN)

Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan Bil. 4 Tahun 2023 pada 13 Disember 2023, semua Kementerian bertanggungjawab melaksanakan Naziran Khas dan Semakan Data Aset (Tanah dan Bangunan) ke atas Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan, bagi memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan khususnya perakaunan aset mematuhi pekeliling yang berkuatkuasa.

Naziran ini melibatkan semakan data aset sebanyak 152 item aset tanah dan 120 item aset bangunan yang telah diperakaunkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) KPN. Bahagian Akaun telah berkolaborasi dan mendapat khidmat daripada Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk menjalankan Naziran dan Semakan Data Aset Tanah dan Bangunan di semua 39 PTJ KPN.



Naziran Khas dan Semakan Data Aset (Tanah dan Bangunan)

## NAZIRAN KHAS TERIMAAN HASIL

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 138, Bahagian Akaun bertanggungjawab untuk menjalankan penyeliaan ke atas penerimaan hasil di 39 Pejabat Pemungut dan mengambil langkah-langkah yang dapat memastikan bahawa hasil tersebut dipungut tepat pada waktunya mengikut prosedur yang ditetapkan.

Tujuan pelaksanaan Naziran Khas Terimaan Hasil adalah bagi memastikan pegawai yang bertanggungjawab komited mematuhi prosedur dalam tatacara pengurusan terimaan Kerajaan persekutuan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan. Selain itu, naziran dilaksanakan sebagai tindakan pengukuhan dan penambahbaikan secara berterusan bagi ketidakpatuhan dalam pengurusan terimaan dan hasil selaras pekeliling perbendaharaan dan peraturan yang berkuatkuasa.

Naziran telah dijalankan di 21 buah PTJ sepanjang tahun 2024 sepertimana berikut:




THE BAR'N
SALE
Orang Asli

# LAPORAN JABATAN DAN AGENSI







- JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
- JABATAN MUZIUM MALAYSIA
- ARKIB NEGARA MALAYSIA
- PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
- YAYASAN SUKARELAWAN SISWA
- YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN
- YAYASAN TUN RAZAK

# JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

## Latar Belakang

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1969 yang membawa visi sebagai sebuah agensi peneraju perpaduan dan keharmonian negara. Jabatan ini juga mempunyai misi untuk memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian negara berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Moto yang didukung oleh jabatan ini iaitu "Bersatu Kita Maju" menunjukkan JPNIN begitu komited dalam melaksanakan peranan mereka sebagai sebuah agensi yang bertujuan untuk:

i. Meningkatkan usaha mengukuhkan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional;
ii. Memperkasakan hal ehwal perhubungan dan pembangunan komuniti;
iii. Mengukuhkan hal ehwal pendidikan awal kanak-kanak bagi Taska dan Tabika Perpaduan;
iv. Meningkatkan usaha penghayatan dan pembudayaan Rukun Negara dan;
v. Menjadi rujukan dalam bidang perpaduan melalui penyelidikan.

JPNIN terbahagi kepada lapan (8) Bahagian dan satu (1) Unit di peringkat Ibu Pejabat dan sebanyak enam belas (16) JPNIN di peringkat negeri seluruh Negara. Bahagian di Ibu Pejabat termasuklah:




Rajah di atas menunjukkan Bahagian yang terdapat di JPNIN Ibu Pejabat

# PENCAPAIAN TAHUN 2024

## TASKA PERPADUAN

Sehingga November 2024 seramai 959 orang kanak-kanak yang mendaftar di bawah Taska Perpaduan. Jadual di bawah menunjukkan bilangan kanak-kanak Taska Perpaduan berumur di antara 2 hingga 4 tahun di bawah 41 Taska Perpaduan di seluruh Negara.

**KOMPOSISI KETURUNAN KANAK-KANAK**

| BIL | NEGERI | BIL. TASKA | KOMPOSISI KETURUNAN KANAK-KANAK | | | | | | JUMLAH | BILANGAN MENGIKUT JANTINA | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | M | C | I | KDZ | IBN | LL | | L | | | P | | | |
| | | | | | | | | | | 2 | 3 | 4 | 2 | 3 | 4 | |
| 1. | PERLIS | 2 | 46 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **46** | 3 | 11 | 9 | 3 | 10 | 10 | **46** |
| 2. | KEDAH | 3 | 70 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **70** | 2 | 11 | 24 | 4 | 4 | 25 | **70** |
| 3. | PULAU PINANG | 3 | 67 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | **68** | 2 | 19 | 14 | 3 | 10 | 20 | **68** |
| 4. | PERAK | 3 | 69 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | **70** | 2 | 18 | 19 | 0 | 14 | 17 | **70** |
| 5. | SELANGOR | 2 | 46 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | **47** | 4 | 8 | 13 | 2 | 6 | 14 | **47** |
| 6. | W.P. KUALA LUMPUR | 3 | 58 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | **60** | 0 | 15 | 16 | 0 | 14 | 15 | **60** |
| 7. | N. SEMBILAN | 2 | 39 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | **40** | 2 | 10 | 9 | 1 | 7 | 11 | **40** |
| 8. | MELAKA | 4 | 95 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | **96** | 5 | 13 | 15 | 9 | 18 | 36 | **96** |
| 9. | JOHOR | 2 | 48 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | **49** | 2 | 7 | 17 | 5 | 6 | 12 | **49** |
| 10. | PAHANG | 3 | 68 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | **69** | 2 | 11 | 19 | 3 | 9 | 25 | **69** |
| 11. | TERENGGANU | 2 | 49 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **49** | 7 | 8 | 13 | 1 | 10 | 10 | **49** |
| 12. | KELANTAN | 4 | 104 | 0 | 0 | 14 | 0 | 0 | **104** | 0 | 20 | 30 | 2 | 25 | 27 | **104** |
| 13. | SABAH | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 26 | **40** | 3 | 9 | 6 | 1 | 9 | 12 | **40** |
| 14. | SARAWAK | 4 | 60 | 3 | 0 | 19 | 19 | 17 | **99** | 1 | 1 | 17 | 3 | 26 | 26 | **99** |
| 15. | W.P. LABUAN | 2 | 13 | 1 | 1 | 2 | 0 | 35 | **52** | 0 | 10 | 16 | 1 | 10 | 15 | **52** |
| | **JUMLAH** | **41** | **832** | **6** | **4** | **16** | **20** | **81** | **959** | **35** | **196** | **237** | **38** | **176** | **275** | **959** |
| | | | **187** | **1** | **0** | **2** | **2** | **8** | **100** | **4** | **20** | **25** | **4** | **19** | **29** | **100** |

Jadual 1: Menunjukkan jumlah taska dan bilangan kanak-kanak Taska Perpaduan bagi tahun 2024 di seluruh Negara

## TABIKA PERPADUAN

Sehingga November 2024 seramai 34,856 orang kanak-kanak yang mendaftar di bawah Tabika Perpaduan. Jadual di bawah menunjukkan bilangan kanak-kanak Tabika Perpaduan di bawah 1,781 kelas di seluruh Negara.

**KOMPOSISI KETURUNAN KANAK-KANAK**

| BIL | NEGERI | BIL. TASKA | KOMPOSISI KETURUNAN KANAK-KANAK | | | | | | JUMLAH | BILANGAN MENGIKUT JANTINA | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | M | C | I | KDZ | IBN | LL | | L | | | P | | | |
| | | | | | | | | | | 4 | 5 | 6 | 4 | 5 | 6 | |
| 1. | PERLIS | 37 | 626 | 6 | 5 | - | - | 26 | **663** | 100 | 142 | 105 | 86 | 136 | 94 | **663** |
| 2. | KEDAH | 107 | 2,182 | 9 | 79 | - | 1 | 123 | **2,394** | 104 | 586 | 515 | 126 | 576 | 487 | **2,394** |
| 3. | PULAU PINANG | 116 | 2,010 | 63 | 223 | 2 | 3 | 38 | **2,339** | 167 | 514 | 438 | 224 | 567 | 429 | **2,339** |
| 4. | PERAK | 164 | 2,313 | 82 | 478 | 1 | 6 | 70 | **2,950** | 174 | 697 | 582 | 228 | 680 | 589 | **2,950** |
| 5. | SELANGOR | 181 | 2,934 | 30 | 325 | 12 | 12 | 248 | **3,561** | 94 | 780 | 913 | 129 | 748 | 897 | **3,561** |
| 6. | W.P. KUALA LUMPUR | 132 | 2,214 | 20 | 129 | 6 | 11 | 126 | **2,506** | 49 | 565 | 603 | 60 | 633 | 596 | **2,506** |
| 7. | N. SEMBILAN | 120 | 1,768 | 75 | 328 | 8 | 14 | 40 | **2,233** | 86 | 570 | 492 | 98 | 528 | 459 | **2,233** |
| 8. | MELAKA | 64 | 1,186 | 3 | 93 | - | 5 | 7 | **1,294** | 102 | 326 | 260 | 98 | 296 | 212 | **1,294** |
| 9. | JOHOR | 206 | 3,746 | 84 | 218 | 19 | 24 | 75 | **4,166** | 266 | 915 | 889 | 279 | 960 | 857 | **4,166** |
| 10. | PAHANG | 126 | 2,304 | 28 | 95 | - | 6 | 31 | **2,464** | 151 | 583 | 507 | 150 | 561 | 512 | **2,464** |
| 11. | TERENGGANU | 72 | 1,549 | 3 | - | - | - | 3 | **1,555** | 172 | 374 | 256 | 182 | 319 | 252 | **1,555** |
| 12. | KELANTAN | 107 | 2,395 | 3 | 2 | - | 1 | 29 | **2,430** | 182 | 613 | 436 | 184 | 571 | 444 | **2,430** |
| 13. | SABAH | 172 | 1,125 | 67 | 21 | 13 | 1,036 | 584 | **2,846** | 181 | 575 | 663 | 155 | 636 | 636 | **2,846** |
| 14. | SARAWAK | 142 | 247 | 14 | 2 | 577 | 35 | 2,004 | **2,879** | 173 | 525 | 852 | 148 | 491 | 690 | **2,879** |
| 15. | W.P. LABUAN | 25 | 110 | 1 | - | 44 | 6 | 207 | **368** | 7 | 87 | 100 | 4 | 76 | 94 | **368** |
| | **JUMLAH** | **10** | **202** | **-** | **1** | **-** | **1** | **4** | **208** | **-** | **61** | **45** | **-** | **64** | **38** | **959** |
| | | **1,781** | **26,911** | **488** | **1,999** | **682** | **1,161** | **3,615** | **34,856** | **2,008** | **7,913** | **7,656** | **2,151** | **7,842** | **7,286** | **34,856** |

Jadual 2: Menunjukkan jumlah Kelas dan bilangan kanak-kanak Tabika Perpaduan bagi tahun 2024 di seluruh Negara

## PROGRAM CILIK PERPADUAN KEMBALI KE TABIKA DAN TASKA PERPADUAN

Program ini diadakan bersempena dengan pembukaan Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan bagi Sesi Persekolahan Tahun 2024/2025 pada 10 Mac 2024 bagi Negeri kumpulan A dan 11 Mac 2024 bagi Negeri Kumpulan B. Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan bertujuan untuk memberi sokongan dan bantuan kepada semua murid-murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan bagi memastikan murid mendapat keselesaan dan kesejahteraan semasa belajar di kelas. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah:

- **A** Pelancaran sistem e-Tabika Perpaduan
- **B** Penyerahan Jalur Lebar Internet 5G CelcomDigi
- **C** Penyerahan Buku Aktiviti Murid Tabika Perpaduan serta Starter Kit dan
- **D** Penyerahan Buku Log Harian Taska Perpaduan serta Starter Kit yang mengandungi baju seragam, beg sekolah dan selimut
- **E** Penyerahan Kotak Rahmah bagi KRT dan komuniti setempat
- **F** Lawatan ke kelas Tabika dan Taska Perpaduan




Program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika Dan Taska Perpaduan telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara

## PROGRAM MENU SIHAT PERPADUAN

Program Menu Sihat Perpaduan diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman kanak-kanak, ibu bapa, serta masyarakat mengenai kepentingan mengamalkan menu sihat dalam kehidupan seharian. Ia juga diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat tentang penyediaan menu yang bernutrisi, serta menggalakkan pengamalan gaya hidup dan budaya pemakanan yang sihat seperti ceramah kesihatan, pertandingan bento, pertandingan chef cilik, kuiz dan pameran.





## PROGRAM MALAYSIAKU MERDEKA SEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN

Program ini dilaksanakan oleh semua JPNIN Negeri yang bertemakan Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka. Objektif utama program ini adalah untuk menyemarakkan patriotisme, memahami sejarah perjuangan kemerdekaan dan melestarikan perpaduan dengan memperkukuh pengetahuan serta penghayatan rakyat pelbagai kaum terhadap kepelbagaian warisan kemerdekaan negara. Antara pengisian program ini termasuklah Bakat Merdeka, Sayembara Merdeka: Puisi Rukun Negara, Demonstrasi / Pameran Kepelbagaian Etnik; Kempen Kibar Jalur Gemilang : 1 Rumah 1 Jalur Gemilang; Ucapan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia; dan Malaysiaku Merdeka Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan.




## PROGRAM PINTAR KREATIF

Program Pintar Kreatif ini diadakan untuk mencungkil bakat dan potensi murid Tabika Perpaduan, di samping meningkatkan keyakinan diri mereka untuk tampil di khalayak ramai. Antara pengisian aktiviti yang dijalankan adalah tarian, nyanyian, bercerita, membaca seperti membaca akhbar/ teks di dalam buku, persembahan boneka, pameran Inovasi/Kreativiti PDP di Tabika Perpaduan, Bicara Berirama, Sajak, Puisi, Drama Muzikal dan *Action Song*. Program Pintar Kreatif bagi tahun 2024 telah melibatkan penyertaan seramai 36,759 orang kanak-kanak Tabika Perpaduan di seluruh Negara.











# PENCAPAIAN PENUBUHAN RUKUN TETANGGA DAN SKIM RONDAAN SUKARELA TAHUN 2024

Rukun Tetangga (RT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) berperanan sebagai jentera perpaduan utama dalam menggerakkan program Komuniti Rahmah dan Keselamatan Komuniti di peringkat akar umbi. Pada tahun 2024, sebanyak 91 RT baharu ditubuhkan, menjadikan jumlah keseluruhan 8,529 RT di seluruh negara. Selain itu, 49 SRS baharu turut ditubuhkan sehingga Disember 2024, menjadikan jumlah keseluruhan SRS sebanyak 5,429.

| BIL | NEGERI | TAHUN | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
| 1. | PERLIS | 87 | 92 | 99 | 102 | 112 | 116 | 121 | 126 | 129 | 137 | 137 | 138 | 139 | 140 | 141 |
| 2. | KEDAH | 304 | 341 | 370 | 397 | 414 | 441 | 457 | 469 | 487 | 492 | 500 | 502 | 510 | 515 | 520 |
| 3. | PULAU PINANG | 329 | 352 | 406 | 439 | 461 | 472 | 484 | 504 | 513 | 518 | 523 | 517 | 511 | 520 | 523 |
| 4. | PERAK | 431 | 454 | 477 | 499 | 518 | 533 | 546 | 560 | 572 | 574 | 577 | 580 | 584 | 586 | 591 |
| 5. | SELANGOR | 670 | 721 | 764 | 821 | 861 | 916 | 975 | 1,031 | 1,050 | 1,074 | 1,084 | 1,077 | 1,077 | 1,091 | 1,106 |
| 6. | W.P. KUALA LUMPUR | 227 | 243 | 258 | 272 | 287 | 294 | 295 | 296 | 304 | 307 | 310 | 306 | 298 | 303 | 305 |
| 7. | W.P.PUTRAJAYA | 14 | 24 | 27 | 28 | 36 | 42 | 45 | 48 | 53 | 53 | 53 | 53 | 55 | 56 | 56 |
| 8. | N. SEMBILAN | 278 | 298 | 325 | 348 | 359 | 363 | 366 | 371 | 377 | 381 | 383 | 378 | 354 | 356 | 358 |
| 9. | MELAKA | 163 | 181 | 198 | 214 | 225 | 229 | 236 | 238 | 243 | 248 | 250 | 249 | 252 | 253 | 257 |
| 10. | JOHOR | 591 | 630 | 670 | 698 | 729 | 755 | 770 | 792 | 801 | 813 | 826 | 837 | 849 | 853 | 868 |
| 11. | PAHANG | 405 | 443 | 459 | 484 | 498 | 510 | 522 | 529 | 539 | 546 | 547 | 552 | 557 | 563 | 563 |
| 12. | TERENGGANU | 295 | 341 | 373 | 401 | 435 | 466 | 482 | 492 | 501 | 511 | 512 | 516 | 519 | 521 | 522 |
| 13. | KELANTAN | 396 | 424 | 436 | 452 | 445 | 449 | 452 | 455 | 459 | 465 | 465 | 467 | 470 | 473 | 473 |
| 14. | SABAH | 358 | 516 | 611 | 698 | 810 | 886 | 935 | 976 | 1,020 | 1,046 | 1,054 | 1,063 | 1,064 | 1,077 | 1,092 |
| 15. | SARAWAK | 427 | 512 | 555 | 597 | 835 | 952 | 987 | 1,024 | 1,047 | 1,059 | 1,066 | 1,058 | 1,073 | 1,094 | 1,117 |
| 16. | W.P. LABUAN | 33 | 33 | 33 | 33 | 33 | 33 | 34 | 35 | 35 | 36 | 37 | 37 | 36 | 37 | 37 |
| | **JUMLAH** | **5,008** | **5,605** | **6,061** | **6,483** | **7,058** | **7,457** | **7,707** | **7,946** | **8,130** | **8,260** | **8,324** | **8,330** | **8,348** | **8,438** | **8,529** |

Jadual 3: Menunjukkan jumlah penubuhan Rukun Tetangga Baharu bagi tahun 2024 di seluruh Negara

| BIL | NEGERI | TAHUN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
| 1. | PERLIS | 93 | 95 | 96 | 96 | 96 |
| 2. | KEDAH | 290 | 291 | 290 | 294 | 295 |
| 3. | PULAU PINANG | 269 | 267 | 274 | 275 | 280 |
| 4. | PERAK | 336 | 336 | 338 | 339 | 342 |
| 5. | SELANGOR | 637 | 638 | 643 | 652 | 662 |
| 6. | W.P. KUALA LUMPUR | 195 | 190 | 191 | 192 | 193 |
| 7. | W.P.PUTRAJAYA | 23 | 23 | 23 | 35 | 30 |
| 8. | N. SEMBILAN | 307 | 302 | 303 | 301 | 304 |
| 9. | MELAKA | 194 | 194 | 194 | 193 | 194 |
| 10. | JOHOR | 638 | 634 | 643 | 645 | 650 |
| 11. | PAHANG | 465 | 466 | 466 | 470 | 470 |
| 12. | TERENGGANU | 484 | 484 | 467 | 469 | 473 |
| 13. | KELANTAN | 478 | 478 | 478 | 477 | 477 |
| 14. | SABAH | 547 | 551 | 552 | 558 | 566 |
| 15. | SARAWAK | 371 | 371 | 371 | 373 | 382 |
| 16. | W.P. LABUAN | 15 | 15 | 15 | 15 | 15 |
| | **JUMLAH** | **5,342** | **5,335** | **5,344** | **5,384** | **5,429** |

Jadual 4: Menunjukkan jumlah penubuhan Skim Rondaan Sukarela Baharu bagi tahun 2024 di seluruh Negara

## PROGRAM KOMUNITI RAHMAH

### PELAN TINDAKAN PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF

Pelan Tindakan Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif dirangka bagi mendukung aspirasi Kerajaan untuk membangun masyarakat progresif. Aspirasi ini diterjemahkan melalui pemerkasaan Rukun Tetangga yang menjadi penggerak dan pengantara penting dalam komuniti. Strategi dan program bagi membangun komuniti progresif ini disusun berdasarkan kepada lapan (8) bidang tumpuan iaitu Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta.




Rajah 1: Menunjukkan lapan (8) bidang utama dan impak pelaksanaan inisiatif Rukun Tetangga Progresif

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta kepada Kementerian untuk melaksanakan inisiatif RT Progresif. Sehingga kini sebanyak 152 RT sedang diperkasakan dan dimodelkan sebagai RT Progresif, melebihi sasaran awal iaitu sebanyak 116 RT.

| PERKARA | STATUS |
|---|---|
| Bimbingan & Latihan | 59 Kursus |
| Projek Ekonomi | 173 Projek |
| Fasiliti Keselamatan SRS | 119 SRS |
| Kabin baharu SRS | 69 Kabin |
| Bidang Elektif | Telah bermula pada bulan Ogos 2024 |
| Pendigitalan RT Progresif | • Portal RT Progresif<br>• MySRS<br>• Digital Direktori Produk KRT |
| Karnival Ekonomi RT | 4 zon |

## MAJLIS PELUNCURAN INISIATIF PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF

Majlis ini telah diadakan pada 14 Mei 2024 bertempat di Dewan Jugra, Kuala Langat, Selangor dan dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Antara pengisian program yang turut diadakan semasa sesi peluncuran ini adalah seperti Mini Karnival Jualan Produk Projek Ekonomi Rukun Tetangga, Lawatan Projek Ekonomi Kampung Endah dan Program Rondaan Sukarela bersama YB Timbalan Menteri.







## KARNIVAL EKONOMI RUKUN TETANGGA SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

Karnival ini telah diadakan pada 23 hingga 26 Mei 2024 bertempat di Padang Begonia, Angsana Johor Bahru Mall, Johor. Dianggarkan seramai 10,980 orang pengunjung telah menghadiri dan memeriahkan Karnival Ekonomi Rukun Tetangga ini. Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.







## KARNIVAL EKONOMI RUKUN TETANGGA ZON UTARA

Karnival Ekonomi Rukun Tetangga (Zon Utara) telah dilaksanakan di 9 hingga 12 Mei bertempat di Perkarangan Dewan Millenium, Kepala Batas, Pulau Pinang. Karnival ekonomi ini dilaksanakan bertujuan untuk mempromosikan Projek Ekonomi komuniti Rukun Tetangga. Karnival ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah:

- **A** Program Pembangunan Usahawan oleh Agrobank/Tekun/Angkasa
- **B** Sesi Perkongsian Kejayaan Usahawan *Rossell*
- **C** Program Pembangunan Usahawan oleh Agrobank/Tekun/Angkasa
- **D** Program Pembangunan Usahawan oleh Agrobank/Tekun/Angkasa
- **E** Program Pembangunan Usahawan oleh Agrobank/Tekun/Angkasa
- **F** Program Pembangunan Usahawan oleh Agrobank/Tekun/Angkasa







# SKIM RONDAAN SUKARELA

## MEREMAJAKAN SKIM RONDAAN SUKARELA

Usaha Meremajakan SRS ini bertujuan untuk memastikan peranan KRT dan SRS dapat dilihat, didengari dan dirasai oleh seluruh masyarakat sekaligus meningkatkan tahap rasa selamat dalam kalangan komuniti. Usaha ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan beberapa langkah permulaan telah pun dilaksanakan melalui inisiatif Rukun Tetangga Progresif. Pembaharuan yang dibuat melalui inisiatif Meremajakan SRS adalah:

i. Pembangunan platform Aplikasi Digital dalam tugas rondaan & kawalan - MySRS
ii. Peralatan SRS yang berkualiti dan berteknologi tinggi
iii. Mengoptimumkan penggunaan media sosial untuk mempromosikan SRS
iv. Meningkatkan budaya kesukarelawanan melalui Kempen 1 Keluarga 1 Anggota SRS

## PROGRAM SKIM RONDAAN SUKARELA

Bagi tahun 2024, sebanyak 9 program Skim Rondaan Sukarela yang telah dilaksanakan bagi menggiatkan lagi rondaan untuk menjaga keselamatan komuniti. Antara program tersebut adalah:








| BIL | TARIKH | NAMA PROGRAM | NAMA TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | 14 Jun 2024 | Program Jom Ronda Perpaduan di hati Bersama YBhg. Dato' Ketua JPNIN ke Kawasan Rukun Tetangga Sungai Kantan, Hulu Langat, Selangor | KRT Sungai Kantan, Hulu Langat, Selangor |
| 2. | 19 Julai 2024 | Program Pendidikan Keselamatan Kejiranan dan Jom Ronda Bersepadu Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya | KRT P14H, Presint 14, Putrajaya |
| 3. | 16 Ogos 2024 | Program Jom Ronda SRS Sempena Pelancaran Skim Rondaan Sukarela KRT Taman Kasih, Kajang, Selangor | KRT Taman Kasih, Kajang, Selangor |
| 4. | 26 September 2024 | Program Jom Ronda Bersepadu SRS Peringkat Daerah Tumpat di KRT Kg. Baru Pasir Pekan | KRT Kg. Baru Pasir Pekan, Kelantan |
| 5. | 25 Oktober 2024 | Program Jom Ronda Skim Rondaan Sukarela (SRS) Kawasan Rukun Tetangga PPR Kg. Baru Air Panas, Kuala Lumpur | KRT PPR Kg. Baru Air Panas, Kuala Lumpur |
| 6. | 20 November 2024 | Program Kembara Rukun Tetangga Progresif dan Jom Ronda SRS Daerah Langkawi | KRT Kg. Telok / Kg. Baru, Langkawi, Kedah |

| BIL | TARIKH | NAMA PROGRAM | NAMA TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 7. | November - Disember 2024 | Kursus Pemantapan Skim Rondaan Sukarela Rukun Tetangga RT Progresif 2024 | seluruh negara (16 Program) |
| 8. | November - Disember 2025 | Program Pengukuhan Keselamatan dan Ketahanan Komuniti: Jom Ronda SRS dan Kempen 1 Keluarga 1 Anggota SRS | seluruh negara (16 Program) |
| 9. | 5-10 Disember 2024 | Program Komuniti Rahmah Rukun Tetangga : Gerak Kerja Pengurusan Bencana Tahun 2024 | Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, Negeri Sembilan |

## PROGRAM PEMERKASAAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA TAHUN 2024 SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF

Program ini merupakan salah satu program dalam bidang tumpuan ketiga iaitu kepimpinan di bawah Pelan Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif . AJK Rukun Tetangga selaku barisan yang melaksanakan gerak kerja KRT di peringkat akar umbi perlu diberikan maklumat, pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi berkaitan tadbir urus RT termasuk tatacara pengurusan, pentadbiran, pengoperasian dan kepimpinan KRT yang berkesan serta cemerlang. Antara Pengisian sepanjang program ini berlangsung adalah:

i. Sesi 1: Kepimpinan Inklusif Membangun Komuniti Progresif
ii. Sesi 2: Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif
iii. Sesi 3: Pemberdayaan Ekonomi dan Pendigitalan Komuniti Ke Arah Pembangunan Komuniti Progresif
iv. Sesi 4: Membina Kolaborasi Strategik Yang Kondusif
v. Sesi 5: Pemerkasaan Projek Ekonomi Komuniti Rukun Tetangga

Program ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Prof. Dr. Ismi Arif Bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Putra Malaysia dan YBhg. Prof. Datin Dr. Norizan Binti Abdul Razak *Chairman of CME Group.*






## PROGRAM GERAK RAHMAH 2024: JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN PERINGKAT NEGERI PERAK

Program adalah salah satu aktiviti di bawah bidang tumpuan ketiga iaitu Kesejahteraan Komuniti. Konsep pelaksanaan aktiviti ini yang digerakkan secara bergotong-royong dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk agensi, NGO dan swasta.

Program ini telah dilaksanakan pada 25 Mac 2024 (Isnin) di Dewan Orang Ramai Taman Meru, Ipoh Perak dan disempurnakan perasmiannya oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Tambun diiringi oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bersama YB Exco Perpaduan Negeri Perak.







## PROGRAM KOMUNITI RAHMAH

Merupakan program yang dirangka untuk membentuk komuniti yang prihatin dan hidup dengan berlandaskan nilai kasih sayang antara satu sama lain serta saling bantu-membantu. Antara pengisian aktiviti Program Komuniti Rahmah adalah sumbangan makanan dan keperluan asas untuk membantu komuniti yang terkesan dengan krisis ekonomi bagi meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup mereka.







| BIL | NAMA PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Program RT Cares | Januari hingga Disember 2024 | KRT seluruh negara | 1120 program |
| 2. | Program Ziarah Perpaduan | Januari hingga Disember 2024 | KRT seluruh negara | 800 Program |
| 3. | Dapur Komuniti KRT/Dapur KAMI | Oktober hingga Disember 2024 | Kelantan, Terengganu, Kedah dan WPKL | 38 program |
| 4. | Gerak Kerja Pasca Banjir | Oktober hingga Disember 2024 | Kelantan, Terengganu, Pahang,Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan WPKL | 114 program |

Jadual menunjukkan Program RT Cares bagi tahun 2024

## INISIATIF MENGANGKASA MEDIATOR KOMUNITI

Inisiatif Mengangkasa Mediator Komuniti merupakan usaha berterusan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi menambahbaik perkhidmatan mediasi kepada orang awam dan memperkasa mediator komuniti sebagai pendamai dalam masyarakat dan pemangkin keharmonian negara. Pelbagai pengisian dirangka untuk memastikan inisiatif ini dapat direalisasikan melalui gerak kerja komprehensif Konvensyen Mediasi Komuniti Tahun 2024, Sesi Libat Urus MK bersama Agensi (MK Open Day) dan Pusat Mediasi Komuniti.

### KONVENSYEN MEDIASI KOMUNITI TAHUN 2024

Konvensyen Mediasi Komuniti Tahun 2024 telah diadakan pada 24 Februari 2024 di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur dengan penyertaan seramai 500 orang peserta di kalangan mediator komuniti, ahli akademik, pakar rujuk industri serta rakan agensi. Konvensyen ini julung-julung kalinya diadakan untuk memberi penghargaan, pengiktirafan dan tambah nilai dari segi ilmu dan pengetahuan kepada barisan Mediator Komuniti yang sedang berkhidmat sebagai pendamai masyarakat di peringkat komuniti.  Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.









## SESI LIBAT URUS MK BERSAMA AGENSI (*MK OPEN DAY*)

Sesi Libat Urus (*MK Open Day*) diadakan sebagai tindakan susulan daripada pelaksanaan konvensyen untuk mempromosi dan memperluas perkhidmatan mediasi di peringkat akar umbi. Pelaksanaan ini melibatkan 16 buah negeri dengan jumlah penyertaan seramai 955 orang di kalangan rakan strategik agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Daerah, Pejabat Daerah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Mahkamah Anak Negeri.








## PUSAT MEDIASI KOMUNITI

Kementerian melalui JPNIN telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pusat Mediasi Komuniti atau *Community Mediation Centre* (CMC) yang bertujuan sebagai platform untuk membantu masyarakat bagi menyelesaikan pertikaian atau konflik yang berlaku tanpa melalui proses litigasi (mahkamah), lebih cepat dan mudah diakses. Terdapat empat jenis peringkat CMC yang ditubuhkan melalui premis sedia ada Jabatan atau dengan kerjasama rakan strategik seperti berikut:

i. Pejabat Perpaduan Negeri
ii. Pusat Aktiviti Perpaduan (Daerah)
iii. Pusat Rukun Tetangga
iv. Premis Serbaguna – kerjasama rakan strategik






Sehingga bulan Disember 2024, jumlah kes mediasi komuniti yang telah direkodkan adalah sebanyak **122 kes**.

| BIL | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Agama | 1 |
| 2. | Alam Sekitar | 9 |
| 3. | Harta | 2 |
| 4. | Hubungan Kekeluargaan | 11 |
| 5. | Kejiranan | 82 |
| 6. | Kepenggunaan | 2 |
| 7. | Kesihatan | 0 |
| 8. | Kontrak dan Perjanjian | 10 |
| 9. | Pembinaan dan Kejuruteraan | 4 |
| 10. | Tanah | 1 |
| | **JUMLAH** | **122** |

## PROGRAM SEMARAK PERPADUAN

Sebanyak 89 aktiviti di bawah 25 program Semarak Perpaduan yang dilaksanakan bagi tahun 2024 di seluruh negara.

## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH MY HERO 4.0

Majlis penyampaian Anugerah My Hero diadakan bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan individu yang banyak membantu masyarakat tanpa mengharapkan balasan (unsung hero). Sebanyak 56 pencalonan diterima dari seluruh negara dan juri telah memilih 13 calon untuk di senarai pendek. Seramai enam (6) orang individu telah diiktiraf sebagai My Hero 4.0 iaitu:

i. Dr. Mohammed Hazimi bin Abdul Razak dari Negeri Selangor;
ii. Encik Muhammad Farhan Param bin Kunaseigaran dari WP Kuala Lumpur;
iii. Dr. Neville Anthony Fernandez dari Negeri Selangor;
iv. Dr. Song Beng Kah dari Negeri Selangor;
v. Encik Tan Cheng Teng dari Negeri Sabah
vi. Encik Peter Wee Eng Ming dari Negeri Sarawak.

Majlis ini telah dilaksanakan pada 11 Januari 2024 bertempat di Dewan Seng Peng, KLSCCCI, Jalan Ampang, WP Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.








## PAMERAN RUMAH KAMI SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

Rumah KAMI adalah pameran kebudayaan pelbagai etnik di Malaysia yang dihimpunkan dalam satu lokasi. Kebudayaan yang ditonjolkan adalah menerusi adat resam, makanan, tarian, peralatan dan pakaian. Antara aktiviti yang dilaksanakan di Rumah KAMI adalah Passport Rumah KAMI yang mengetengahkan aktiviti Eksplorasi di reruai Rumah KAMI di mana pengunjung diberikan passport dan perlu menyelesaikan sekurang-kurangnya 12 aktiviti meliputi pameran kebudayaan pelbagai etnik dan kaum serta permainan tradisional. Pameran Rumah KAMI bersempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2024 telah diadakan di Dataran Angsana, Johor Bharu, Johor bermula pada 23 hingga 26 Mei 2024 dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.







## PROGRAM SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT NEGERI

Dilaksanakan di peringkat negeri dengan membawa tema "Perpaduan Dalam Kepelbagaian" dan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang menzahirkan kasih sayang, mempererat persahabatan, serta memperkukuh semangat kekeluargaan. Pelaksanaan program ini melibatkan kerjasama di peringkat nasional hingga akar umbi dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk Kementerian dan agensi Kerajaan, sektor swasta, NGO, institusi pendidikan, mahasiswa IPT, komuniti setempat, serta orang awam daripada pelbagai kaum. Pengisian aktiviti program mengikut kluster iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.








## KLSCCCI MERDEKA FOODIE RUN

Program anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur & Selangor (KLSCCCI) dan disokong oleh JPNIN telah diadakan pada 18 Ogos 2024 dengan melibatkan penyertaan seramai 3,000 orang terdiri dari pelbagai kaum.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah Larian 5 KM dan 10 KM, penyampaian hadiah kepada pemenang, Cabutan bertuah dan Gerai makanan pelbagai kaum. Program yang diadakan di Anjung Floria, Putrajaya telah dirasmikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara.








## PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL

Program ini diadakan bertujuan untuk mengukuhkan integrasi nasional melalui perkongsian kepelbagaian budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia, mengukuhkan konsep faham, hormat dan terima terhadap kepelbagaian bahasa dan budaya masyarakat Malaysia dan membentuk ekosistem perpaduan yang utuh di antara anggota masyarakat di semua peringkat umur sehingga ke akar umbi. Lawatan Muhibbah Program Jalinan Integrasi Nasional ini dilaksanakan sebanyak 3 siri iaitu di Negeri Terengganu, Sabah dan juga Negeri Kelantan.










## PROGRAM KEMBARA INI WARISAN KITA

Program berbentuk konvoi 30 motor berkuasa tinggi menjelajah lima (5) negeri bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang menjadikan elemen perpaduan sebagai teras dalam setiap tindakan dan interaksi berdasarkan konsep faham, hormat dan terima dalam kalangan masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum, agama dan budaya.

Pelbagai pengisian diadakan di setiap *check point* seperti sesi perkongsian budaya warisan kita, penyampaian bakul rahmah, demonstrasi seni mempertahankan diri, demonstrasi makanan tradisi, persembahan kebudayaan dan lawatan projek ekonomi Rukun Tetangga. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.







## PROGRAM INISIATIF HARMONI MADANI

### *PODCAST* BICARA HARMONI






*Podcast* Bicara Harmoni adalah satu wawancara berkonsepkan rakaman digital audio dan video yang disiarkan di media sosial. Program *Podcast* ini dikategorikan di bawah Kluster Semarak Perpaduan iaitu program *flagship* di bawah Kembara Perpaduan dan salah satu daripada program dalam Inisiatif Harmoni MADANI.

**Hos dan panel jemputan berlainan agama serta kaum:** yang terdiri daripada wakil persatuan belia pelbagai agama, golongan profesional seperti peguam, doktor, ahli akademik, artis dan pempengaruh media sosial.

**Topik:** Kasih Sayang Antara Penganut Agama, Nilai Dalam Memupuk Perpaduan Dan Keharmonian, Keunikan Dan Kepelbagaian Makanan, Pakaian Dan Cabaran Gaya Hidup Moden dan Adat Tradisi Sebagai Jati Diri Rakyat Malaysia.

**Laporan Analitik Bicara Harmoni** Siri 2 -5 Tahun 2024 yang disiarkan bermula 2 Oktober 2024 sehingga 1 November 2024 mencatatkan 88,000 jumlah tontonan di semua platform media sosial JPNIN.






## DOKUMENTARI JEJAK HARMONI

Dokumentari Jejak Harmoni Tahun 2024 ini berkonsepkan penggambaran yang menjejaki kisah-kisah harmoni rakyat Malaysia. Dokumentari Jejak Harmoni bermula pada 27 April 2024 (Sabtu) di Brickfields, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena Pelancaran Inisiatif Harmoni Madani: Jejak Harmoni Perdana yang dilancarkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan penggambaran diteruskan di 5 lokasi lain iaitu Seberang Jaya, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Sabah, Miri, Sarawak, Dungun dan Kuala Terengganu, Terengganu dan Johor Bharu, Johor. Antara kisah harmoni dalam masyarakat yang dijejaki adalah seperti rumah ibadat pelbagai agama yang berdekatan yang melaksanakan aktiviti kebajikan bersama-sama.





## DIALOG HARMONI

Sebanyak tiga (3) siri Dialog Harmoni telah dilaksanakan pada tahun 2024 yang membawa tema 'Nilai-Nilai Murni Pemangkin Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat'.

| | |
|---|---|
| **Siri 1** | Dialog Harmoni Siri pertama telah diadakan pada 9 Mac 2024 di Dewan Millenium Kepala Batas Pulau Pinang |
| **Siri 2** | Dialog Harmoni Siri ke-2 telah diadakan pada 29 Jun 2024 di Universiti Asia Pacific, Kuala Lumpur |
| **Siri 3** | Politeknik Sandakan Sabah pada 17 Ogos 2024 |

Tajuk-tajuk yang telah dibincangkan adalah seperti Kepelbagaian dan Perbezaan Bukan Halangan Memupuk Perpaduan Masyarakat, Adat Tradisi Sebagai Jati Diri rakyat Malaysia dan Kasih Sayang Antara Agama.











## PROGRAM SEMARAK KENEGARAAN

## DEBAT PERPADUAN PIALA MENTERI PERPADUAN NEGARA

Program ini diadakan bermula 4 Mei hingga 15 Mei 2024 bagi pertandingan peringkat awal sehingga separuh akhir yang dilaksanakan secara atas talian, manakala bagi pertandingan debat peringkat akhir telah diadakan pada 16 Mei 2024 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Program Debat ini berkonsepkan pertandingan debat ala parlimen, dengan penyertaan setiap ahli pasukan yang terdiri daripada ahli Sekretariat Rukun Negara (SRN) pelbagai kaum. Pertandingan ini terbuka kepada semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan program Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Sebanyak 50 pasukan telah menyertai pertandingan ini. Objektif pelaksanaan program ini bertujuan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi melalui pertukaran idea. Senarai Pemenang :

**1 JOHAN**
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

**2 NAIB JOHAN**
Universiti Malaya (UM)

| | |
|---|---|
| **PEMENANG PUSINGAN SEPARUH AKHIR :** | • Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) |
| **PENDEBAT TERBAIK KESELURUHAN :** | • Encik Mohamad Fazli bin Losimin (Universiti Malaysia Sabah) |
| **PENDEBAT TERBAIK AKHIR :** | • Rasyiqah binti Unigkutti (Universiti Sains Islam Malaysia) |











## KEM PERPADUAN ANAK MALAYSIA

Kem Perpaduan Anak Malaysia merupakan satu program yang berorientasikan pendidikan dan aktiviti berfokus kepada pembinaan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan murid pelbagai kaum di Malaysia. Kem ini melibatkan modul yang telah dibina dengan kerjasama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada tahun 2024 sebanyak 2 siri telah dilaksanakan iaitu Peringkat Kebangsaan pada 25 hingga 29 September 2024 di Negeri Sarawak yang dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dengan penglibatan penyertaan seramai 120 orang.

Manakala bagi peringkat Negeri Sembilan pula pada 25 hingga 28 Oktober 2024 dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan penglibatan penyertaan seramai 76 orang.








## KURSUS ANJURAN INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN (IKLIN)

Kursus yang dianjurkan oleh Institut Kajian dan Latihan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dilaksanakan dengan dua (2) kaedah iaitu secara bersemuka atau secara atas talian.

| BIL | NAMA LATIHAN | JENIS KURSUS | BIL. LATIHAN BERSEMUKA | BIL DALAM TALIAN | JUMLAH KURSUS |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Seksyen Pembangunan Kompetensi & Profesionalisme | Generik | 7 | 3 | 10 |
| 2. | Seksyen Pendidikan Kesedaran Perpaduan & Kenegaraan | Fungsional | 2 | 8 | 10 |
| 3. | Seksyen Pengurusan Perpaduan & Keharmonian | Fungsional | 8 | 0 | 7 |
| 4. | Seksyen Pembangunan Komuniti | Fungsional | 50 | 0 | 50 |
| 5. | IKLIN *Executive Talk Series* | Fungsional | 0 | 7 | 7 |
| | **JUMLAH** | | **65** | **18** | **83** |

Rumusan Kursus Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2024

# SASARAN PENGANJURAN KURSUS OLEH IKLIN 2024

| BIL | JENIS KURSUS | SASARAN | PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Generik | 7 | 10 |
| 2. | Fungsional | 20 | 22 |
| 3. | RT Progresif 2024 - Pelaksanaan sehingga Disember 2024 | 50 | 51 |
| | Jumlah Tahun 2024 | **79** | **83** |
| 1. | RT Progresif 2025 - Pelaksanaan Januari sehingga Julai 2025 | 57 | 0 |




# ANALISIS LATIHAN RT PROGRESIF






## SENARAI IKLIN *EXECUTIVE TALK* YANG DILAKSANAKAN TAHUN 2024

| BIL | TAJUK ETS | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | ETS 1 : "Seiring Sihat, Itulah Nikmat"<br>Dr. Mohd Tariq Bin Mhd Noor<br>Pakar Perubatan Kesihatan Awam<br>Ketua Sektor Intervensi NCD, Bahagian Kawalan Penyakit (KKM) | 21 Mei 2024 | 664 |
| 2. | ETS 2 : "Perpaduan : Kosmetik Atau Konkrit"<br>Profesor Dr. Novel Anak Lyndon<br>Pengerusi Pusat Kajian Pembangunan, Sosial Dan Persekitaran<br>Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (UKM) | 28 Jun 2024 | 623 |
| 3. | ETS 3 : "Berintegriti Atau Mengkhianati...Engkau Yang Memilih"<br>Puan Norazlin Binti Mohd Nor<br>Ketua Unit Integriti<br>Kementerian Perpaduan Negara (KPN) | 11 Julai 2024 | 773 |
| 4. | ETS 4 : "Cahaya Bahagia Buatmu - Panduan Praktikal Menangani Kemurungan<br>Dr. Pamilia Lourdunathan<br>Penolong Profesor / Ahli Psikologi Klinikal<br>Jabatan Psikologi<br>Kulliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan<br>(UIAM) | 31 Julai 2024 | 643 |
| 5. | ETS 5 : "Webinar Merdeka – 2024 Merdekakah Minda Kita<br>1) Dr. Nur Aida Binti Kipli<br>(UITM Cawangan Sarawak) - Moderator<br><br>2) Profesor Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong<br>(UKM) - Ahli Panel<br><br>3) Profesor Dr. Sarjit Singh Gill (UPM) – Ahli Panel | 22 Ogos 2024 | 1047 |
| 6. | ETS 6 : "Mediator Komuniti Pemudahcara Masyarakat"<br>Puan Norwahidah Binti Zinalibdin<br>Pengarah Bahagian Pengurusan Perpaduan<br>Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) | 4 September 2024 | 687 |
| 7. | ETS 7 : "Menghormati Untuk Dihormati - Hormatilah Hak Asasi Manusia<br>Puan Wan Noorhafizah Binti Junid<br>Pegawai Bahagian Pendidikan Dan Kemasyarakatan<br>Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) | 26 September 2024 | 408 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | | **4,845** |

# SENARAI KURSUS YANG DIJALANKAN TAHUN 2024

| BIL | TAJUK ETS | PESERTA |
|---|---|---|
| 1. | Kursus Pengesanan Isu Perpaduan Rukun Tetangga Progresif Bil. 1/2024 | 40 orang |
| 2. | Kursus Pengesanan Isu Perpaduan Rukun Tetangga Progresif Bil. 2/2024 | 40 Orang |
| 3. | Kursus Pengukuhan Kendiri dan Kerja Berpasukan JPNIN | 35 Orang |
| 4. | Kursus Pengurusan Isu dan Konflik Bagi Pegawai JPNIN | 40 Orang |
| 5. | Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun Rukun Tetangga Progresif Zon Timur Tahun 2024 | 54 Orang |
| 6. | Kursus Reskilling Mediasi Bagi Pegawai JPNIN | 30 Orang |
| 7. | Kursus Reskilling Mediasi Rukun Tetangga Progresif | 30 Orang |
| 8. | Pameran Dan Taklimat Penilaian Serta Pembangunan Produk Makanan Di Bawah Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif Tahun 2024 | 28 orang |
| 9. | Kursus *Training The Trainers* (TTT) Kem Anak Malaysia Tahun 2024 | 57 Orang |
| 10. | Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan Bagi Guru Tabika Perpaduan Tahun 2024 | 116 Orang |
| 11. | Kursus Asa Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan Bagi Penolong Guru Tabika Perpaduan Tahun 2024 | 144 Orang |
| 12. | Kursus Pemantapan Jurulatih Utama (JU) Jabatan Tahun 2024 | 119 Orang |
| 13. | Kursus Pemantapan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Guru Tabika Perpaduan Tahun 2024 | 1,105 Orang |










## BENGKEL PENYEDIAAN KERANGKA BUKU PERPADUAN DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) akan menerbitkan buku "Perpaduan Dalam Al-Quran dan Al-Hadith" yang mengandungi pengumpulan ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith berkaitan perpaduan. Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Penetapan Konsep dan Hala Tuju Penerbitan Buku Perpaduan dalam Al-Quran dan Al-Hadith pada 26 Ogos 2024 telah bersetuju untuk diadakan bengkel bagi meneliti dan merangka kandungan yang bersesuaian dengan hasrat Jabatan untuk menerbitkan buku Perpaduan Dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Bengkel ini telah diadakan pada 25 hingga 26 September 2024 bertempat di Dewan Sejahtera, JPNIN Ibu Pejabat dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.







# JABATAN MUZIUM MALAYSIA

## Pengenalan

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bertanggungjawab dalam menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara selain menguruskan muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta. Perkhidmatan teras JMM merangkumi pengurusan koleksi, pengurusan konservasi, penyebaran ilmu pengetahuan melalui aktiviti penyelidikan, pameran, pengembangan dan pendidikan muzium.

## PENCAPAIAN TAHUN 2024

10 Program Citra Nusa, 2 Pameran Khas dan 7 Semarak@Muzium, 26 Program Bicara, 33 program jangkauan dalam (Inreach), 26 program jangkauan luar (Outreach) dan 16 Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM).



## PROGRAM UTAMA JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2024

| BIL | PROGRAM | PROGRAM | STATISTIK PENGUNJUNG |
|---|---|---|---|
| 1. | Citra Nusa @ Melaka | 17 – 21 Februari 2024 | 15,472 |
| 2. | Semarak @ Muzium Lukut | 24 – 25 Februari 2024 | 3,900 |
| 3. | Semarak @ Muzium Labuan | 2 – 3 Mac 2024 | 4,377 |
| 4. | Festival Hari Muzium Antarabangsa 2024 | 13 – 22 Mei 2024 | 354,140 (Fizikal dan Dalam Talian) |
| 5. | Persidangan Antarabangsa: Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi Jing | 11 – 13 Julai 2024 | 400 |
| 6. | Semarak @ Muzium Perak | 13 – 14 Julai 2024 | 9,546 |
| 7. | Citra Nusa @ Indonesia: Kita Serumpun | 1 – 31 Ogos 2024 | 10,631 |
| 8. | Magis Belantara | 10 – 11 Ogos 2024 | 11,582 |
| 9. | Muzium Uniti Trail | 10 Ogos 2024 | 150 |
| 10. | Semarak @ Muzium Automobil Nasional | 10 – 11 Ogos 2024 | 937 |
| 11. | Semarak @ Muzium Matang | 14 – 15 September 2024 | 13,670 |
| 12. | Pameran Raja Kita | 25 Ogos - 29 September 2024 | 59,350 |
| 13. | Bermalam Di Muzium Perdana | 30 - 31 Ogos 2024 | 2,222 |
| 14. | Semarak @ Muzium Sungai Lembing | 28 – 29 September 2024 | 4,800 |
| 15. | Semarak @ Muzium Kota Kuala Kedah | 25 – 26 Oktober 2024 | 8.907 |
| 16. | Citra Nusa @ Muzium Arkeologi Lembah Bujang | 1 – 3 November 2024 | 5,646 |
| 17. | Citra Nusa Nostalgia Anak Kampung: Dunia Anak Bendang | 15 – 17 November 2024 | 10,500 |
| 18. | Bermalam Di Muzium (Belia) | 15 – 16 November 2024 | 150 |
| 19. | Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas | 28 Oktober – 31 Disember 2024 | 3,909 |

## PAMERAN

| BIL | PAMERAN | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| **Pameran 2024** | | | |
| 1. | Pameran Nostalgia Ramadan Syawal | Muzium Negara | 21 Februari - 21 Mac 2024 |
| 2. | Pameran Ningyo: Art And Beauty Of Japanese Doll | Muzium Negara | 7 Mei - 8 Julai 2024 |
| 3. | Pameran Permainan Tradisional | Sekolah Menengah Kebangsaan Kamunting | 4 Jun 2024 |
| 4. | Pameran Raja Kita | Galeri 1 & 2, JMM | 25 Ogos - 29 September 2024 |
| 5. | Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas | Muzium Tekstil Negara | 28 Oktober – 31 Disember 2024 |
| 6. | Pameran Sundang: Seni Dan Kuasa | Muzium Perak | 28 Jun - 31 Disember 2024 |
| 7. | Pameran Wira Tak Dicanang | Sekolah Menengah Kebangsaan Kamunting | 22 Ogos 2024 |
| 8. | Pameran Citra Malaysia Dalam Seni Miniatur | Muzium Adat | 7 November 2024 – 31 Disember 2024 |
| 9. | Pameran Zoologi: Seni Taksidermi | Muzium Perak | 1 Disember 2023 - 31 Mei 2024 |

## PENGEMBANGAN MUZIUM

| BIL | PAMERAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Bicara@Muzium | 26 |
| 2. | Inreach Program | 33 |
| 3. | Outreach Program | 26 |
| 4. | Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) | 16 |

## MAJLIS PERASMIAN PAMERAN RAJA KITA SEMPENA PERTABALAN KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE-17, SULTAN IBRAHIM

Pameran Raja Kita telah berlangsung selama dua bulan bermula 26 Julai hingga 29 September 2024 bertempat di Galeri 1 dan 2, Jabatan Muzium Malaysia. Pameran ini juga merupakan salah satu daripada tujuh acara sempena istiadat pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pameran Raja Kita pada kali ini menghimpunkan sebanyak 272 koleksi berkaitan regalia diraja serta koleksi sisi peribadi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Paling istimewa adalah koleksi Mahkota Kerajaan dan Mahkota Permaisuri yang pernah digunakan semasa upacara kemahkotaan baginda Sultan pada tahun 2015 di samping koleksi daripada Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja serta dokumen perjanjian dan manuskrip undang-undang turut dipamerkan.

Pameran Khas ini dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Fahmi bin Fadzil, Menteri Komunikasi merangkap Menteri Pengerusi Jawatankuasa Khas Acara-Acara sempena Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-17 pada 25 Julai 2024. Turut hadir ke majlis ini adalah YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, menteri-menteri kabinet serta ketua-ketua jabatan peringkat persekutuan dan negeri.







Sekitar Majlis Perasmian Pameran Raja Kita Sempena Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17, Sultan Ibrahim

## PAMERAN PESONA TELEPUK: SENI PERADA EMAS

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Tekstil Negara (MTN) dengan kerjasama Yayasan Hasanah dan disokong oleh Pergerakan Langkasuka dan Lamar Dollar Sdn. Bhd. telah menganjurkan Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas bermula pada 28 Oktober sehingga 31 Disember 2024 bertempat di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara. Majlis perasmian pameran ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu pada 7 November 2024 di Dataran Muzium Tekstil Negara.

Pameran ini secara eksklusif memperagakan sebanyak 183 koleksi yang terdiri daripada 49 koleksi tekstil telepuk; 130 koleksi sarang atau cap telepuk dan 4 buah manuskrip dan penerbitan buku milik JMM dan rakan-rakan kerjasama pameran ini. Antara rakan sinergi yang turut sama merealisasikan pameran ini antaranya ialah Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan Muzium Negeri Terengganu, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Yayasan Warisan Johor, Encik Norhaiza Noordin dan para artisan di bawah Pergerakan Langkasuka.







Majlis perasmian Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu pada 7 November 2024 di Dataran Muzium Tekstil Negara

## PAMERAN HARI SONGKET MALAYSIA DI WASHINGTON D.C

Pameran Hari Songket Malaysia anjuran Kementerian Luar Negeri menerusi Kedutaan Malaysia di Washington D.C dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara telah berlangsung di Kedutaan Malaysia, Washington D.C. dari 11 hingga 25 Oktober 2024 dan telah dirasmikan oleh YTM Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Fakhri Petra ibni Almarhum Sultan Ismail Petra. Pameran ini diadakan bertujuan untuk mempamer, memperkenal, sekaligus mempromosikan Songket Malaysia kepada masyarakat di luar negara sebagai sebahagian daripada Senarai Warisan Tak Ketara UNESCO.

Sebanyak 41 koleksi telah dibawa ke Washington. Antara koleksi termasuklah Songket Malaysia tenunan tangan terdiri daripada songket klasik (lebih seratus tahun), songket tradisional (1950-60-an) dan songket kontemporari (1970-an) dipamerkan sepanjang berlangsungnya pameran.













## PROGRAM CITRA NUSA@INDONESIA: KITA SERUMPUN

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengorak langkah ke negara seberang melalui penganjuran Program Citra Nusa@Indonesia: Kita Serumpun yang diadakan mulai 1 hingga 31 Ogos 2024 di Muzium Kebangkitan Nasional, Pusat Jakarta, Indonesia. Program ini melibatkan kerjasama antara JMM sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Muzium Dan Cagar Budaya Indonesia.

| 2 KOMPONEN: | |
|---|---|
| Pameran Kita Serumpun | • memaparkan mengenai diplomasi budaya antara Malaysia dan Indonesia.<br>• intipati pameran adalah mengenai sebuah rantau Nusantara yang terpisah kesan penjajahan.<br>• seramai 10,613 orang pengunjung telah melawat ke pameran ini. |
| Festival Kita Serumpun : 10 hingga 15 Ogos 2024 di Muzium Kebangkitan Nasional, Jakarta. | • aktiviti pertunjukan dan persembahan kebudayaan yang dibawa dari Malaysia seperti persembahan tarian piring, zapin, dikir barat, wayang kulit, permainan tradisional, peragaan tekstil, gastronomi, mewarna batik dan lain-lain. |

Perasmian program ini telah berlangsung pada 13 Ogos 2024 (Rabu) oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan turut dihadiri oleh pihak Kedutaan Malaysia di Indonesia, beberapa Pengarah Muzium Negeri bersama ahli Exco masing-masing, ketua-ketua agensi di bawah KPN dan juga wakil-wakil muzium di bawah Muzium dan Cagar Budaya Indonesia. Berdasarkan daripada 463 maklum balas kajian kepuasan pengunjung yang diterima, didapati program ini mendapat sambutan yang sangat positif.






## PERSIDANGAN ANTARABANGSA SEJARAH KEDAH TUA BERDASARKAN CATATAN YI JING

Persidangan Antarabangsa Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi Jing telah diadakan pada 11 Julai 2024 yang lalu di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur dan majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Persidangan ini telah menghimpunkan seramai enam orang pakar dari China iaitu dari *Peking University, Wuyuan University dan  Institute of World Religions* serta Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia. Persidangan ini juga telah menarik seramai 556 penyertaan dari negara China mahupun Malaysia. Selain daripada persidangan turut berlangsung pameran dan jualan buku dari beberapa agensi seperti Ying Jing Temple Shangdong, China, Arkib Negara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Persatuan Kebudayaan Han Malaysia, Jabatan Warisan Negara dan Unit Perpustakaan JMM.






## PROGRAM PERDANA BERMALAM DI MUZIUM 2024

Program Bermalam di Muzium merupakan salah satu usaha Jabatan Muzium Malaysia sebagai peneraju kepada institusi permuziuman di Malaysia untuk menerapkan kesedaran dalam kalangan pelajar berkenaan pentingnya memahami dan menghargai sejarah, budaya, alam semulajadi serta warisan negara. Program Bermalam di Muzium mula dilaksanakan pada tahun 2005 di Muzium Negara bersempena sambutan bulan kemerdekaan. Pelbagai kejayaan telah dilakar sepanjang penganjuran program ini antaranya rekod *Malaysia Book of Records* bagi dalam kategori '*Most Number of Participants Overnight Simultaneously for an Educational Programme at the Museum*'. Tanggal 30-31 Ogos 2024, satu lagi rekod telah berjaya dilaksanakan melalui aktiviti ''Largest Participation in Patriotic Themed Poster Making" yang disertai oleh 2903 orang pelajar dan fasilitator.

| | |
|---|---|
| **32 Buah Muzium:** (merangkumi muzium persekutuan, muzium negeri dan muzium institusi) | **Peserta:** usia 13-17 tahun yang datang daripada pelbagai latar belakang dan sekolah yang berbeza-beza |





## SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024

Hari Muzium Antarabangsa (HMA) disambut pada 18 Mei 2024 setiap tahun, HMA merupakan acara tahunan yang disambut di semua muzium seluruh dunia sebagai menghargai institusi muzium dalam memelihara warisan budaya dan khazanah sejarah. Tema pada tahun ini ialah "Muzium Untuk Pendidikan dan Penyelidikan".

### Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa 2024









### Majlis Makan Malam Penutup Hari Muzium Antarabangsa 2024






## Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2024 Di Muzium Tekstil Negara






## Hari Terbuka Muzium Sempena Hari Muzium Antarabangsa 2024 Di Muzium Negara





## Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Muzium Adat Tahun 2024





## Perasmian Sukan Sempena Hari Muzium Antarabangsa 2024




## HMA 2024 *Fun Walk* Botanical Garden







## HMA 2024 Sukan Pantai






## HMA Bersama Komuniti







## PROGRAM NOSTALGIA ANAK KAMPUNG (NAK)

Program Nostalgia Anak Kampung (NAK) merupakan progam *signature* Muzium Negara di bawah payung program Citra Nusa@Muzium yang disokong penuh oleh Kementerian Perpaduan Negara. Pada tahun ini, buat julung kalinya Muzium Negara telah membawa program ini ke Muzium Kota Kayang, Perlis dan mengangkat tema 'Dunia Anak Bendang' bagi menggamit memori kehidupan masyarakat kampung yang tinggal di kawasan bendang.

Program ini berlangsung pada 15-17 November 2024 dan telah dirasmikan oleh Dato' Rahimi bin Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Lokasi ini dipilih kerana keupayaan pakej lawatan muzium yang menarik dan kesesuaian tema program dengan ketersediaan bentuk muka bumi sedia ada di Muzium Kota Kayang.

Pengisian program NAK ini telah dibahagikan kepada beberapa kluster mengikut zon yang mengetengahkan pelbagai aktiviti melibatkan hobi masa lapang, aktiviti seni budaya, hiburan anak kampung, acara sukan bendang, gastronomi bendang dan sebagainya. Program ini diangkat sebagai satu lagi inisiatif untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.








## PROGRAM SEMARAK@MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

Muzium Kota Kuala Kedah (MKKK) telah menganjurkan Program Semarak@Muzium Kota Kuala Kedah pada 25 dan 26 Oktober 2024 yang bertujuan mendekatkan masyarakat dengan muzium dan dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohd Salleh bin Saidin, Exco Pelancongan, Kebudayaan dan Keusahawanan Negeri Kedah.

MKKK telah bekerjasama dengan Kolej Poly-Tech Mara untuk mencipta satu rekod baru dalam *Malaysia Book of Record* bagi peragaan pakaian tradisional Melayu terbesar. Antara agensi lain yang turut sama terlibat dalam menjayakan program ini adalah Arkib Negeri Kedah, Muzium Negeri Kedah, PEMADAM, Institut Kemahiran Mara Alor Setar dan Agensi Penguatkuasaan Maritim.

Program yang berlangsung selama 2 hari ini telah diadakan dengan jayanya dengan kehadiran seramai 8,807 orang pengunjung.
















## PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM

| BIL. | PROGRAM | |
|---|---|---|
| 1. | Nostalgia Anak Kampung: Dunia Anak Bendang |  |
| 2. | Citra Nusa@Melaka |  |
| 3. | Citra Nusa@Muzium: Magis Belantara Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) |  |
| 4. | Citra Nusa@Muzium Arkeologi Lembah Bujang |  |

## PROGRAM BICARA@MUZIUM

| BIL. | PROGRAM | |
|---|---|---|
| 1. | Bicara@Muzium Kota Kuala Kedah: Zaman Pendudukan Inggeris Dan Jepun Di Kota Kuala Kedah |  |
| 2. | Bicara@Muzium "Seurat Benang Selembar Kain" |  |

| BIL. | PROGRAM | |
|---|---|---|
| 3. | Bicara@Muzium Adat: Sambutan Perayaan Bulan Hantu Lapar |  |
| 4. | Bicara@Muzium Adat: Mengenali Perayaan Masyarakat India Dan Sikh Di Malaysia |  |
| 5. | Bicara@Muzium Anjuran Muzium Muzik Bertajuk "Peranan Dan Teknik Permainan Gambus Dalam Muzik Zapin Dan Ghazal Melayu Johor" |  |

## PROGRAM SEMARAK@MUZIUM

| BIL. | PROGRAM | |
|---|---|---|
| 1. | Program Semarak@Muzium Labuan |  |
| 2. | Program Semarak@Muzium Matang |  |
| 3. | Program Semarak@Muzium Kota Kuala Kedah |  |
| 4. | Program Semarak@Muzium Sungai Lembing 2024 |  |
| 5. | Program Semarak@Muzium Lukut |  |

| BIL. | PROGRAM | |
|---|---|---|
| 6. | Program Semarak@Muzium Perak |  |

## PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM)

| BIL. | PROGRAM | |
|---|---|---|
| 1. | IPIM di Muzium Matang |  |
| 2. | IPIM di Muzium Arkeologi Lembah Bujang |  |
| 3. | IPIM di Muzium Adat |  |
| 4. | IPIM di Muzium Perak |  |
| 5. | IPIM di Muzium-Muzium Wilayah Persekutuan Labuan |  |
| 6. | IPIM di Muzium Sungai Lembing |  |
| 7. | IPIM di Muzium Negara |  |

## PROGRAM *INREACH* DAN *OUTREACH*

| BIL. | PROGRAM | |
|---|---|---|
| 1. | Program Jangkauan Dalam: 'Explorace' Di Muzium Tekstil Negara |  |
| 2. | Program Outreach Kenali Muzium Alam Semula Jadi di SMK Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur |  |
| 3. | Program Muzium Perak@Komuniti |  |
| 4. | Program Muzium@Komuniti "Jom Jelajah Masuk Kampung" |  |
| 5. | Program Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 Di SK Brickfields 1 Bersama Muzium Negara |  |
| 6. | Program *Outreach* Kenali Muzium Alam Semula Jadi Di SK Taman Permata, Kuala Lumpur |  |
| 7. | Program Jangkauan Luar Kenali Muzium Alam Semula Jadi – Kesedaran Khazanah Alam |  |

## BICARA KURATOR

Bicara Kurator merupakan program yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan mengetengahkan hasil pembentangan penyelidikan, kepakaran dan pengalaman kakitangan JMM. Sebanyak 6 siri Bicara Kurator dengan 10 pembentangan telah dilaksanakan secara *hybrid*.

**SIRI 1 – 14 MAC 2024**

| ZOOM | FB LIVE | FIZIKAL |
|---|---|---|
| 235 | 28 | 28 |




**SIRI 2 – 25 APRIL 2024**

| ZOOM | FB LIVE | FIZIKAL |
|---|---|---|
| 144 | 39 | 50 |




**SIRI 3 – 28 JUN 2024**

| ZOOM | FB LIVE | FIZIKAL |
|---|---|---|
| 159 | 59 | 30 |




**SIRI 4 – 18 JULAI 2024**

| ZOOM | FB LIVE | FIZIKAL |
|---|---|---|
| 158 | 72 | 31 |




**SIRI 5 – 15 OGOS 2024**

| ZOOM | FB LIVE | FIZIKAL |
|---|---|---|
| 129 | 44 | 36 |




**SIRI 6 – 12 SEPT 2024**

| ZOOM | FB LIVE | FIZIKAL |
|---|---|---|
| 171 | 50 | 34 |




Bicara Kurator yang telah dilaksanakan pada tahun 2024

## FORUM KURATOR PERDANA 2024

Forum Kurator Perdana 2024: "Muzium Merentasi Lorong Waktu: Pendidikan Dan Penyelidikan Melalui Inovasi" telah diadakan pada 26 September 2024 yang merupakan salah satu platform kepada golongan profesional muzium untuk berkongsi pengetahuan dan hasil penyelidikan dalam bidang sejarah, budaya, warisan serta alam semula jadi negara.

Forum ini dikendalikan oleh moderator yang sangat berpengalaman iaitu Dr. Rajabi binti Abdul Razak serta menampilkan tiga orang pembentang iaitu Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin, Ts. Dr. Hafizah binti Rosli dan Puan Noreen binti Zulkepli. Di samping itu, program ini diadakan bagi mendukung tema Hari Muzium Antarabangsa 2024 yang memberi fokus kepada peranan muzium sebagai institusi pembelajaran sepanjang hayat.






## STATISTIK PELAWAT 2024

Pada tahun 2024, JMM berjaya mencapai sebanyak **2,568,573 juta pelawat** daripada 2 juta jumlah pelawat yang disasarkan.

### PERBANDINGAN STATISTIK PELAWAT MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2023 DAN 2024

| KATEGORI PELAWAT | 2023 | | 2024 | |
|---|---|---|---|---|
| Pelawat Tempatan | 1,112,231 | 51% | 1,058,182 | 41% |
| Pelawat Luar Negara | 201,793 | 9.0% | 142,470 | 5.6% |
| Pelajar | 129,703 | 6.0% | 345,025 | 13.4% |
| *Inreach/Outreach* | 744,559 | 34% | 1,022,896 | 40% |
| **JUMLAH** | **2,188,286** | **129%** | **2,568,573** | **128%** |
| **PENINGKATAN** | | | **380,287** | **17%** |

# STATISTIK PELAWAT KE MUZIUM DI BAWAH JMM BAGI TAHUN 2024

| BIL | MUZIUM | PELAWAT TEMPATAN | PELAJAR | PELAWAT LUAR NEGARA | *INREACH OUTREACH* PROGRAM | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Muzium Negara | 236381 | 45627 | 247554 | 29803 | 559,365 |
| 2. | Muzium Perak | 133028 | 23113 | 4688 | 45328 | 206,157 |
| 3. | Muzium Tekstil Negara | 7978 | 891 | 22451 | 2710 | 34,030 |
| 4. | Muzium Arkeologi Lembah Bujang | 73239 | 7549 | 1324 | 48147 | 130,259 |
| 5. | Muzium Kota Kayang | 49406 | 8944 | 611 | 52760 | 111,721 |
| 6. | Muzium Labuan | 17833 | 1159 | 1133 | 10287 | 30,412 |
| 7. | Muzium Marin Labuan | 99163 | 4636 | 2352 | 8407 | 114,558 |
| 8. | Muzium Adat | 7,167 | 2,343 | 53 | 12,853 | 22,416 |
| 9. | Galeria Perdana | - | - | - | 6942 | 6,942 |
| 10. | Muzium Sungai Lembing | 32564 | 2504 | 1497 | 26924 | 63,489 |
| 11. | Muzium Seni Bina Malaysia | 17442 | 2899 | 3985 | 12015 | 36,341 |
| 12. | Muzium Automobil Nasional | 40216 | 2560 | 10010 | 3846 | 56,632 |
| 13. | Muzium Etnologi Dunia Melayu | 39933 | 5161 | 15419 | 11991 | 72,504 |
| 14. | Muzium Lukut | 16653 | 7066 | 286 | 11389 | 35,394 |
| 15. | Muzium Seni Kraf Orang Asli | 43696 | 3719 | 21252 | 14248 | 82,915 |
| 16. | Muzium Matang | 32041 | 3741 | 527 | 15996 | 52,305 |
| 17. | Muzium Chimney | 36712 | 4111 | 1654 | 7750 | 50,227 |
| 18. | Muzium Kota Kuala Kedah | 139054 | 5733 | 1062 | 11966 | 157,815 |
| 19. | Muzium Kota Johor Lama | 8646 | 3330 | 121 | 0 | 12,097 |
| 20. | Muzium DiRaja | - | 909 | - | 67496 | 68,405 |
| 21. | Muzium Muzik | 27030 | 6475 | 9046 | 185 | 42,736 |
| 22. | Muzium Alam Semulajadi | - | - | - | 15226 | 15,226 |
| 23. | Pameran/Program Di Luar | - | - | - | 606,627 | 606,627 |
| | **JUMLAH MENGIKUT KATEGORI** | **1,058,182** | **142,470** | **345,025** | | |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | | **2,568,573** |


Arkib Negara Malaysia

# ARKIB NEGARA MALAYSIA

## Latar Belakang

Arkib Negara Malaysia (ANM) ditubuhkan pada 1 Disember 1957 sebagai Pejabat Rekod Awam dan ditukar nama pada November 1963. Penubuhannya bertujuan menguruskan rekod dan arkib negara, berdasarkan syor pakar arkib H.N. Blakinston. ANM berperanan dalam pengurusan rekod, pentadbiran arkib, dan arkib memorial bagi memastikan kesinambungan sejarah, perpaduan masyarakat, dan kelestarian warisan budaya.

### Visi

Peneraju pengurusan rekod dan pentadbiran arkib yang inklusif

### Misi

Memastikan tadbir urus rekod dan arkib yang efisien dan efektif melalui teknologi terkini demi kepentingan negara dan kemakmuran bersama

### Objektif

i. Memantapkan kompetensi dan komitmen pegawai awam dalam bidang pengurusan rekod melalui pematuhan Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] dan perundangan lain yang berkuat kuasa.

ii. Memelihara dan memulihara bahan arkib yang bernilai kekal untuk rujukan dan kelestarian warisan negara.

iii. Memperkasa program pengembangan dan advokasi sejarah negara ke arah pengukuhan jati diri warga Malaysia.

ANM juga mempunyai cawangan negeri di Johor, Sarawak, Sabah/W.P. Labuan, Terengganu, Kedah/Perlis, Pulau Pinang, Kelantan, Perak, Melaka dan Pahang. Selain itu, ANM menguruskan 11 arkib memorial di seluruh negara, termasuk Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak, Galeria Sri Perdana, Memorial Negarawan, Pustaka Perkhidmatan Awam dan Pustaka Peringatan P. Ramlee di Kuala Lumpur; Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan dan Memorial Tun Abdul Ghafar Baba di Melaka; Rumah Merdeka dan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad di Kedah; serta Rumah Kelahiran P. Ramlee di Pulau Pinang. ANM berfungsi sebagai institusi memori negara yang memastikan warisan sejarah dipelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang.

## KEAHLIAN /PENGLIBATAN ARKIB NEGARA MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

| BIL | PERTUBUHAN |
|---|---|
| 1. | ***International Council on Archives* (ICA)**<br><br>*International Council on Archives* (ICA) ditubuhkan pada tahun 1948 dan beribu pejabat di Paris, Perancis. Ia merupakan organisasi profesional antarabangsa dalam bidang kearkiban, dengan keanggotaan terdiri daripada institusi kearkiban, badan profesional, dan individu dari seluruh dunia. |
| 2. | ***Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives* (SARBICA)**<br><br>Arkib Negara Malaysia (ANM) menjadi Sekretariat Tetap SARBICA sejak 1968, cawangan pertama ICA untuk Asia Tenggara. SARBICA dipimpin oleh Pegawai ANM sebagai Setiausaha Agung dan Bendahari. Ia menganjurkan persidangan tahunan dengan pembentangan, bengkel, simposium, mesyuarat, dan lawatan berpandu. |
| 3. | ***Southeast Asia-Pacific Audiovisual Archive Association* (SEAPAVAA)**<br><br>SEAPAVAA ditubuhkan pada 1996 di Manila, Filipina. ANM menjadi ahli aktif sejak 1997. Persatuan ini memfokuskan pemeliharaan dan akses kepada warisan audiovisual di Asia Tenggara dan Pasifik. |
| 4. | ***International Association of Sound and Audiovisual Archives* (IASA)**<br><br>IASA ditubuhkan pada tahun 1969 di Amsterdam, Belanda. Ia merupakan sebuah platform kerjasama antarabangsa bagi pemeliharaan arkib audiovisual. Arkib Negara Malaysia (ANM) ialah ahli aktif dengan status *Institutional Member*. IASA dianggotai oleh ahli dari 70 negara dan melantik Lembaga Eksekutif setiap tiga tahun. Jawatankuasa di bawah IASA merangkumi *Discography, Technical, Broadcast Archives, Research Archives, serta Training and Education*. |

## PENCAPAIAN TAHUN 2024

### LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN

| BIL | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | SASARAN | PENCAPAIAN | PERATUS PENCAPAIAN % |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **Mempertingkatkan perolehan rekod dan bahan arkib sebagai sumber rujukan dan penyelidikan** | | | |
| 1.1 | Jumlah peningkatan perolehan rekod dan bahan arkib | 48,492 | 66,081 | 136.27% |
| **2.** | **Mempertingkatkan pemeliharaan bahan arkib sebagai khazanah warisan negara** | | | |
| 2.1 | Jumlah peningkatan bahan arkib dipelihara | 43,704 | 63,211 | 144.63% |
| 2.2 | Jumlah peningkatan bahan arkib dipulihara | 40,512 | 43,921 | 108.41% |
| 2.3 | Jumlah peningkatan pendigitalan bahan arkib (imej digital) | 42,552 | 47,302 | 111.16% |
| **3.** | **Mempertingkatkan kesedaran penjawat awam terhadap pelupusan rekod** | | | |
| 3.1 | Jumlah peningkatan permohonan pelupusan rekod | 9,060 | 13,085 | 144.43% |
| 3.2 | Jumlah peningkatan penilaian rekod | 78,956,400 | 81,146,604 | 102.77% |
| 3.3 | Jumlah peningkatan kebenaran pemusnahan rekod | | | |
| | • Meter Panjang (m.p.) | 183,144 m.p | 1,143,470.90 m.p | 624.36% |
| | • Unit Rekod (u.r) | 7,829,412 u.r | 28,701,168 u.r | 366.58% |

| BIL | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | SASARAN | PENCAPAIAN | PERATUS PENCAPAIAN % |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **Mempertingkatkan penyebaran maklumat bahan arkib secara dalam talian** | | | |
| 4.1 | Jumlah Hit Media Sosial | 2,664 | 3,485 | 130.82% |
| | • Facebook | 804 | 1,184 | 147.26% |
| | • Instagram | 804 | 883 | 109.83% |
| | • X | 804 | 903 | 112.31% |
| | • Tik Tok | 252 | 515 | 204.37% |
| 4.2 | Jumlah carian dalam talian *Online Finding Aids* (OFA) | 1,296,540 | 1,333,353 | 102.84% |
| 4.3 | Jumlah pengunjung Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) *online* | 16,548 | 17,327 | 104.71% |
| 4.4 | Jumlah pengunjung portal *online* | 1,018,716 | 1,094,353 | 0 107.42% |
| **5.** | **Mempertingkatkan jumlah penggunaan bahan arkib** | | | |
| 5.1 | Jumlah kedatangan penyelidik | 9,444 | 9,935 | 105.20% |
| 5.2 | Jumlah bahan dirujuk | 132,540 | 144,012 | 108.66% |
| 5.3 | Peratus tahap kepuasan penyelidik terhadap perkhidmatan penyelidikan Arkib Negara Malaysia | 85% | 85.51% | 100.6% |
| **6.** | **Mempertingkatkan pelaksanaan program dan aktiviti pengembangan** | | | |
| 6.1 | Jumlah program pengembangan | 104 | 216 | 207.69% |
| 6.2 | Jumlah pelawat | 308,928 | 498,038 | 161.21% |
| 6.3 | Peratus tahap keberkesanan Program Semarak Advokasi Kearkiban | 85% | 88.09% | 103.64% |

## SENARAI LATIHAN/ PERSIDANGAN/ SEMINAR/ LUAR NEGARA YANG DIHADIRI OLEH ANM

| BIL | NAMA LATIHAN/ PERSIDANGAN/ SEMINAR | PENCAPAIAN | PERATUS PENCAPAIAN % |
|---|---|---|---|
| 1. | *Southeast Asia-Pacific Audiovisual Archive Association* (SEAPAVAA) *Casual Meet-Up* (Dalam Talian) | 26 Januari 2024 | 2 |
| 2. | *International Council on Archives* (ICA)/ *Section on University and Research Institution Archives* (SUV) *Community-Coffee-Cultures Discussion Group on Archival Education and Training* (Dalam Talian) | 30 Januari 2024 | 1 |
| 3. | *#SPOontheSpot – Debates About Archives and Sports* (Dalam Talian) | 31 Januari 2024 | 1 |
| 4. | *Southeast Asia-Pacific Audiovisual Archive Association* (SEAPAVAA) *Casual Meet-Up* (Dalam Talian) | 1 Mac 2024 | 1 |
| 5. | *International Council on Archives* (ICA) *New Professional Programme* (NPP)/ *Forum of National Archivists* (FAN) *Virtual Seminar Series – Archives and Technology* (Dalam Talian) | 4 Mac 2024 | 15 |

| BIL | NAMA LATIHAN/ PERSIDANGAN/ SEMINAR | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|---|---|---|---|
| 6. | *International Council on Archives* (ICA) *New Professional Programme* (NPP)/ *Forum of National Archivists* (FAN) *Virtual Seminar Series - Archives and Education, Training and Research* (Dalam Talian) | 16 Mei 2024 | 1 |
| 7. | 10th *Memory of the World Committee for Asia and the Pacific* (MOWCAP) *General Meeting* di Ulaanbaatar, Mongolia & Dalam Talian | 4 – 9 Mei 2024 | 6 |
| 8. | *Forum of National Archivists* (FAN) *Quarterly Virtual Colloquium on Archival Matters* 2024 (Dalam Talian) | 16 Mei 2024 | 3 |
| 9. | 28th *Southeast Asia-Pacific Audiovisual Archive Association* (SEAPAVAA) *Conference* di Solo, Surakarta, Indonesia | 10 – 14 Jun 2024 | 2 |
| 10. | *International Federation of Television Archives* (FIAT/IFTA) - Preservation & Migration Seminar 2024 (Dalam Talian) | 21 Jun 2024 | 6 |
| 11. | *Workshop Phase 1: Establishing Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives'* (SARBICA) *Expert Groups* di Putrajaya | 9 – 10 Julai 2024 | 16 |
| 12. | Program Kolaborasi dan Penandaarasan Kearkiban Arkib Negara Malaysia dengan agensi di Jakarta, Indonesia | 11 – 14 Ogos 2024 | 2 |
| 13. | *Forum of National Archivists* (FAN) *Quarterly Virtual Colloquiums on Archival Matters* 2024 (Dalam Talian) | 5 September 2024 | 3 |
| 14. | *International Council on Archives* (ICA)/ *Expert Group on Research Services and Outreach* (EGRSO) *Webinar - AI and Archives: Advancing Archival Engagement* (Dalam Talian) | 19 September 2024 | 2 |
| 15. | 2024 *International Association of Sound and Audiovisual Archives* (IASA) *Annual Conference* | 23 – 26 September 2024 | 6 |
| 16. | *Hyland CommunityLIVE Conference* di Maryland, Amerika Syarikat | 22 – 30 September 2024 | 3 |
| 17. | *Virtual Talk on Future of Storage: How the First Archive Video Ever Was Preserved on DNA* Anjuran *National Archives of Singapore* (NAS) (Dalam Talian) | 11 Oktober 2024 | 8 |
| 18. | *International Council on Archives* (ICA) 2024 *Ordinary General Assembly* (Dalam Talian) | 24 Oktober 2024 | 1 |
| 19. | *International Conference of the Memory of the World Programme, and the* 4th *Global Policy* Forum di Paris, Perancis (Dalam Talian) | 28 – 29 Oktober 2024 | 3 |
| 20. | *Webinar AI Innovations in Small Audiovisual Archives: Challenges and Opportunities* (Dalam Talian) | 28 Oktober 2024 | 1 |

## SENARAI LATIHAN/KURSUS PENGURUSAN REKOD UNTUK PEJABAT AWAM

| BIL | PERKARA | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Kursus Asas Pengurusan Rekod Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Siri 1 | 05 - 07 Mac 2024 |
| 2. | Kursus Asas Pengurusan Rekod Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Siri 2 | 14 - 16 Mei 2024 |
| 3. | Kursus Asas Pengurusan Rekod Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Siri 3 | 16 - 18 Julai 2024 |
| 4. | Kursus Asas Pengurusan Rekod Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Siri 1 | 23 - 25 April 2024 |
| 5. | Kursus Asas Pengurusan Rekod Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Siri 2 | 04 - 06 Jun 2024 |
| 6. | Kursus Asas Pengurusan Rekod Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Siri 3 | 13 - 15 Ogos 2024 |
| 7. | Kursus Lanjutan Pengurusan Rekod Elektronik Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) | 26 - 27 Jun 2024 |
| 8. | Kursus Lanjutan Pengurusan Rekod Elektronik Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) | 10 – 12 September 2024 |
| 9. | Bengkel Pemuliharaan Rekod (Selepas Bencana) Siri 1 | 14 – 15 Februari 2024 |
| 10. | Bengkel Pemuliharaan Rekod (Selepas Bencana) Siri 2 | 10 - 11 Jun 2024 |
| 11. | Bengkel Pemuliharaan Rekod (Selepas Bencana) Siri 3 | 19 - 20 Ogos 2024 |
| 12. | Bengkel Pemuliharaan Rekod (Awet dan Jilid) Siri 1 | 07 - 09 Mei 2024 |
| 13. | Bengkel Pemuliharaan Rekod (Awet dan Jilid) Siri 2 | 23 - 25 Julai 2024 |
| 14. | Bengkel Pemuliharaan Rekod (Awet dan Jilid) Siri 3 | 24 - 26 September 2024 |

## PROGRAM BERIMPAK TINGGI 2024

## SEMARAK KENEGARAAN

### CITRA MERDEKA

Program Citra Merdeka yang dianjurkan bertujuan untuk menyemarakkan patriotisme dan kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat. Pada 2024, ia menarik 11,296 peserta melalui pameran, ceramah, dokumentari, dan pertandingan kemerdekaan. Program ini bertujuan memelihara warisan dokumentasi negara dan mengukuhkan hubungan rakyat dengan sejarah serta identiti Malaysia.





### PERTANDINGAN MELUKIS MURAL RUKUN NEGARA

Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara Wilayah Persekutuan 2024, anjuran ANM bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar. Majlis telah dirasmikan oleh YB Senator Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara pada 20 Ogos 2024.



**PENYERTAAN**
**14 buah sekolah**
**(Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan**



**TAJAAN**
**Cat & wang tunai**
**Kansai Paint Asia Pasific Sdn. Bhd.**



**JUARA**
**SMK Putrajaya Presint 5(1)**









Sekitar Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara

## SEMINAR PENGIKTIRAFAN WARISAN DUNIA: KOLEKSI SURAT-MENYURAT SULTAN ABDUL HAMID (1882 – 1943)

Seminar Koleksi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (1882–1943) bertujuan bagi menghargai dokumen politik, ekonomi, dan sosial Kedah semasa pemerintahan baginda dan mengiktirafnya sebagai warisan dunia. Pelbagai pengisian menarik diadakan merangkumi ceramah, panel perbincangan, dan pameran dengan penyertaan pakar sejarah dan masyarakat. Seminar ini  bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memperkukuh usaha pemeliharaan warisan sejarah negara.








Sekitar Majlis Perasmian Seminar Pengiktirafan Warisan Dunia: Koleksi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (1882 – 1943) pada 27 Ogos 2024

## CAKNA PENGURUSAN REKOD

Program ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan kecekapan dalam pengurusan rekod sektor awam dan swasta serta memastikan rekod penting diurus secara sistematik mengikut piawaian dan standard yang ditetapkan serta menjamin pemeliharaan maklumat bernilai sejarah dan kebangsaan.

ANM menyediakan panduan, latihan, dan bengkel merangkumi penyimpanan, pelupusan, dan pemuliharaan dokumen. Program ini menekankan rekod sebagai aset strategik, memastikan ketelusan, akauntabiliti, dan pemeliharaan warisan dokumentasi negara.








Sekitar Majlis Perasmian Program Cakna Pengurusan Rekod yang dirasmikan oleh Encik Mohamad Sobri bin Mat, Timbalan Ketua Setiausaha, KPN

# PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN

## PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN YTM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ BERTEMAKAN "NEGARAWAN SEJUTA JASA"

| | |
|---|---|
| **Tarikh:** | 5 Ogos 2024 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur |
| **Dirasmikan oleh:** | YAB Dato' Sri Haji Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri |
| **Tujuan program:** | Bagi memperingati peranan YTM Tunku dalam kemerdekaan dan pembentukan Malaysia |
| **Pengisian program:** | Sesi pengkisahan, pameran 23 koleksi sejarah, dan reruai agensi kerajaan. Antara koleksi utama ialah replika kereta Rambler Nash Custom Convertible 1951 dan Meja Merdeka |





Majlis Perasmian Program Mengenang Negarawan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj "Negarawan Sejuta Jasa"

## PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN TUN DATUK PATINGGI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG "NEGARAWAN TERBILANG"

| | |
|---|---|
| **Tarikh:** | 9 September 2024, Dayak Cultural Foundation, Kuching,Sarawak |
| **Dirasmikan oleh:** | YB Datuk Amar Douglas Unggah Embas, Timbalan Premier Sarawak |
| **Tujuan program:** | Bagi menghargai peranan Tun Jugah dalam pembentukan Malaysia dan kepimpinannya dalam masyarakat Iban dan mengenang legasi beliau dalam menyatukan rakyat Sarawak demi kemajuan negara. |
| **Pengisian program:** | Sesi pengkisahan keluarga, pameran barangan peribadi, dan forum bersama tokoh terkemuka.<br><br>Melibatkan 302 orang peserta |





Majlis Perasmian Program Program Mengenang Negarawan
Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng "Negarawan Terbilang"

## SEMARAK PERPADUAN

### KONVENSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL (KSPN) 2024

Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional (KSPN) 2024 diadakan pada 19–20 September 2024 di Shah Alam, bertemakan "Menelusuri Sejarah: Membina Perpaduan Negara Bangsa". Dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri. Konvensyen mengupas empat tema utama: Persekutuan, Ekonomi, Kemasyarakatan, dan Pembinaan Negara, serta dialog sejarah. Seramai 21 tokoh terdiri daripada pembentang, panel dan moderator menyertai sesi konvensyen bersama 6,438 peserta secara fizikal dan maya.

Program ini berjaya menarik pelbagai lapisan masyarakat, mengukuhkan perpaduan dan kecintaan terhadap negara.










Sekitar Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional (KSPN) 2024

### KONVENSYEN KEBANGSAAN BAHASA KOLOKIAL

Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial diadakan pada 6–7 November 2024 di Hotel Tenera, Selangor, dengan tema "Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti". Dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Lima sesi utama telah dibincangkan iaitu perpaduan nasional, integrasi wilayah, kesantunan bahasa, dan penggunaan dalam media baharu.

Konvensyen diakhiri dengan resolusi mempromosikan dokumentasi bahasa kolokial, menyeru kerjasama pelbagai pihak bagi menjamin kelangsungannya di era moden. Dihadiri 7,170 peserta, ia menekankan bahasa kolokial sebagai identiti nasional dan warisan budaya.







Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial 2024

## BICARA BAHASA KOLOKIAL

Bicara ini berperanan mengangkat bahasa kolokial sebagai warisan budaya negara, dengan fokus pada kajian, dokumentasi, dan diskusi kepelbagaian bahasa komuniti Malaysia. Program ini mengupas evolusi, fungsi komunikasi, dan peranannya dalam identiti nasional melalui forum interaktif, seni bahasa, dan pembentangan kajian oleh pakar serta budayawan. Dengan menghubungkan linguistik dan budaya, program ini dapat memperkukuh pemahaman mengenai peranan bahasa kolokial dalam membentuk jati diri negara.

### Bicara Bahasa Kolokial Selangor






### Bicara Bahasa Kolokial Terengganu






## Bicara Bahasa Kolokial Kelantan









## Bicara Bahasa Kolokial Johor





## MINGGU KENANGAN P.RAMLEE: AKU, DIA DAN LAGU

Program ini bertujuan bagi memperingati legasi Tan Sri P. Ramlee dalam muzik, perfileman, dan budaya, yang membentuk identiti seni tanah air.

Pelbagai pengisian menarik telah diadakan merangkumi pameran seni, tayangan filem ikonik, persembahan muzik langsung, serta seminar dan forum mengenai perjalanan hidup serta pengaruh beliau dalam seni dan masyarakat.

Program ini juga membuka ruang bagi generasi muda mengenali dan menghargai karya P. Ramlee. Program ini dapat mengekalkan legasi beliau sebagai simbol seni dan budaya yang terus relevan.




Sekitar Minggu Kenangan P. Ramlee: Aku, Dia dan Lagu anjuran ANM

## SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA 2024

Sambutan ini bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan dan pemeliharaan arkib di peringkat nasional dan antarabangsa. Sejajar dengan usaha global, ia menekankan arkib sebagai sumber utama sejarah dan identiti negara. Acara merangkumi pameran dokumen bersejarah, bengkel, ceramah pakar, forum antarabangsa, serta pertandingan esei dan video pendek bagi menarik minat generasi muda. Dengan menghimpunkan penggiat seni, penyelidik, dan masyarakat, program ini memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa serta memastikan warisan dokumentasi terus terpelihara untuk generasi akan datang.







Sekitar Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024

## BICARA KELESTARIAN MAKANAN TRADISI

Bicara Kelestarian Makanan Tradisi anjuran ANM bertujuan memelihara dan menghidupkan kembali makanan warisan negara sebagai elemen penting dalam budaya dan identiti nasional. Acara ini merangkumi ceramah, bengkel masakan, dan pameran makanan tradisional, memberi peluang peserta memahami sejarah dan nilai budaya di sebalik hidangan warisan. Program ini turut melibatkan pakar masakan, sejarawan, dan generasi muda bagi memastikan resipi dan teknik tradisional terus diwarisi. Program ini dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan makanan tradisional, memperkukuh warisan budaya, dan menyemai semangat kebangsaan melalui elemen kulinari.

### Bicara Kelestarian Makanan Tradisi Terengganu






### Bicara Kelestarian Makanan Tradisi Johor







Laporan Jabatan dan Agensi
Arkib Negara Malaysia

## Bicara Kelestarian Makanan Tradisi Kedah





## Bicara Kelestarian Makanan Tradisi Negeri Sembilan





## Bicara Kelestarian Makanan Tradisi Sarawak





## BICARA SEJARAH 150 TAHUN BANDAR TAIPING (1874 – 2024)

Sambutan 150 Tahun Bandar Taiping dianjurkan bagi memperingati sejarah dan peranan Taiping sebagai bandar bersejarah dalam pembangunan Malaysia. Dikenali dengan pelbagai pencapaian pertama seperti landasan kereta api, balai bomba, dan taman awam pertama, Taiping memiliki nilai warisan yang signifikan. Program ini merangkumi ceramah sejarah, pameran dokumen arkib, dan perbincangan ilmiah bersama pakar serta sejarawan. Ia bertujuan memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan warisan Taiping dalam konteks kebangsaan.











Sekitar Bicara Sejarah 150 Tahun Bandar Taiping (1874 – 2024)

## BICARA SEJARAH 100 TAHUN TAMBAK JOHOR (1924-2024)

Sambutan 100 Tahun Tambak Johor diadakan bagi mengimbau sejarah dan kepentingan Tambak Johor sebagai infrastruktur ikonik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dan Singapura. Ia menyoroti peranannya dalam pembangunan ekonomi, sosial, dan hubungan serantau. Program ini merangkumi ceramah sejarawan, pameran dokumen arkib, dan perbincangan ilmiah. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai warisan dan sejarah Tambak Johor sebagai simbol kemajuan dan hubungan erat dua negara jiran.





## MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH LEBUHRAYA TIMUR BARAT

Program Memperingati Sejarah Lebuhraya Timur-Barat dianjurkan bagi mengimbau pembinaan lebuh raya yang menghubungkan Gerik, Perak dan Jeli, Kelantan, serta peranannya dalam pembangunan ekonomi, sosial, dan integrasi wilayah antara Pantai Timur dan Pantai Barat. Acara ini merangkumi perkongsian pengalaman individu yang terlibat dalam pembinaan, pameran dokumen sejarah, dan diskusi mengenai cabaran serta ancaman keselamatan semasa pembinaannya.









Laporan Jabatan dan Agensi
**Arkib Negara Malaysia**

## MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH FERI KARAM DI SUNGAI KERIAN

Program Memperingati Tragedi Feri Karam Sungai Kerian dianjurkan bagi mengimbau peristiwa bersejarah yang memberi kesan mendalam kepada masyarakat setempat serta menjadi pengajaran dalam keselamatan pengangkutan air. Majlis ini merangkumi perkongsian pengalaman saksi kejadian, pameran dokumen dan gambar arkib, serta perbincangan mengenai impak tragedi terhadap keselamatan awam. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menghargai sejarah tempatan dan mengambil iktibar daripada peristiwa lampau.













Sekitar Majlis Pengkisahan Sejarah Feri Karam Di Sungai Kerian

## PINDAAN AKTA ARKIB NEGARA 2003 [*AKTA 629*]

Bertujuan untuk memperkukuh peranan Ketua Pengarah Arkib Negara dalam mengeluarkan pekeliling, arahan, dan garis panduan bagi meningkatkan kesedaran penjawat awam tentang pengurusan serta pemeliharaan rekod dan arkib awam. Ianya juga memperincikan serta menambah peruntukan baharu berkaitan fungsi Ketua Pengarah, pengurusan rekod, pentadbiran arkib awam, dan pengurusan rekod digital selaras dengan perkembangan semasa.

Sepanjang 2024, empat mesyuarat/perbincangan telah diadakan, diikuti Bengkel Pindaan Akta pada 14-16 November 2024 yang melibatkan Puan Nor'aamirah binti Mohamad Shafie, Penasihat Undang-Undang Kementerian Perpaduan Negara.



## CERAMAH PENGURUSAN REKOD KERAJAAN DAN DEMONSTRASI PEMULIHARAAN REKOD SELEPAS BENCANA

ANM mengadakan Siri 2 Sesi Ceramah Pengurusan Rekod Kerajaan dan Demonstrasi Pemuliharaan Rekod Selepas Bencana untuk 60 Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dalam program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN 2024/2025 sebagai sebahagian daripada Modul Pembangunan Kompetensi PTD.

Peserta turut melawat Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Hussein Onn, dan Memorial Negarawan bagi memahami peranan tokoh negarawan dalam pembangunan negara dan perpaduan rakyat Malaysia.



## PENGANJURAN PROGRAM ANTARABANGSA: *WORKSHOP PHASE 1: ESTABLISHING SARBICA'S EXPERT GROUPS*

ANM dan SARBICA menganjurkan bengkel *Establishing SARBICA's Expert Groups* pada 9–10 Julai 2024 di Putrajaya, dihadiri 24 peserta dari enam negara. Dikendalikan oleh Profesor Kelly Spring, bengkel ini bertujuan merangka *Terms of Reference* (TOR) bagi *Expert Groups* SARBICA dengan tajaan *Programme Commission* (PCOM), ICA.






## UNESCO MEMORY OF THE WORLD COMMITTEE FOR ASIA AND THE PACIFIC (MOWCAP) REGIONAL REGISTER (2024)

Pencalonan bahan arkib, iaitu Surat Persendirian Baginda Omar telah diiktiraf oleh UNESCO *Regional Committee* di bawah *Memory of the World Committee for Asia and the Pacific* (MOWCAP) *Regional Register* pada 8 Mei 2024 di 10th MOWCAP *General Meeting* yang diadakan di Ulaanbaatar, Mongolia.





unesco

The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

certifies the inscription of

The Royal Correspondence of Baginda Omar (Surat Persendirian Baginda Omar)

National Archives of Malaysia

Malaysia

on the

Memory of the World Committee for Asia and the Pacific Regional Register

Kwibae Kim, Chair, MOWCAP — 8 May 2024, Date — Jo Hironaka, Adviser/Chief of Unit, Communication & Information, UNESCO Bangkok

UNESCO Memory of the World Committee for Asia and the Pacific (MOWCAP)



## SAMBUTAN HARI WARISAN AUDIOVISUAL SEDUNIA 2024

Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2024, bertemakan "Your Window to The World," mempromosikan perpaduan dan kepentingan dokumentari dalam melestarikan sejarah. Acara ini melibatkan 201 peserta dari 64 institusi dengan aktiviti seperti forum, demo pemeliharaan filem, tayangan dokumentari, dan kuiz. Dirasmikan oleh Ybrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha KPN, program ini turut menghargai sumbangan dokumentari melalui penyerahan sijil penghargaan.





## SAMBUTAN *WORLD DIGITAL PRESERVATION DAY*

Sambutan *World Digital Preservation Day* 2024 pada 12 November, bertemakan "*Preserve Our Digital Content: Celebrating Communities,*" diadakan melalui Zoom dan Facebook ANM. Menampilkan tiga penceramah dan 233 peserta dari enam negara, webinar ini mempromosikan pemeliharaan rekod digital, meningkatkan kesedaran, serta membina rangkaian pakar.






## SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KE ARKIB NEGARA MALAYSIA

ANM telah menerima kunjungan hormat YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara pada 13 September 2024. Datuk Seri KSU telah diberi taklimat oleh YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah ANM berkaitan peranan dan tanggungjawab ANM selaku peneraju utama pengurusan rekod dan pentadbiran arkib.







## KEBERANGKATAN DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, berkenan melawat ANM pada 26 Ogos 2024 bersama DYMM Tunku Ampuan Besar Aishah Rohani dan YAM Tunku Ali Redhauddin.

Baginda menerima taklimat mengenai peranan ANM, koleksi bahan arkib berkaitan Negeri Sembilan, serta penyelidikan Buku 250 Tahun Pemerintahan Beraja Negeri Sembilan. Lawatan turut merangkumi pameran salasilah diraja, foto, pelan Istana Seri Menanti, manuskrip, dan visual pertabalan Almarhum Tuanku Munawir pada 1961.





## BENGKEL PEMULIHARAAN BAHAN ARKIB KRITIKAL PERINGKAT ZON UTARA

Bengkel Pemuliharaan Bahan Arkib Kritikal Zon Utara berlangsung di ANM Negeri Perak pada 26–28 Jun 2024, dirasmikan oleh Ketua Pengarah ANM. Disertai 12 Pembantu Pemuliharaan, bengkel ini meningkatkan kemahiran dan teknik pemuliharaan bahan arkib kritikal.



# PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## Latar Belakang

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan sebuah institusi penting yang berperanan sebagai pusat pengumpulan, pemeliharaan, dan penyebaran maklumat serta ilmu pengetahuan di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 1966, PNM telah berkembang menjadi sebuah organisasi yang berkemampuan untuk memenuhi pelbagai keperluan masyarakat dari segi pendidikan, penyelidikan, dan pembangunan intelektual. PNM bertanggungjawab memelihara warisan budaya dan ilmu negara, serta menyediakan akses kepada sumber maklumat yang berkualiti tinggi. PNM juga berperanan sebagai pusat rujukan utama di negara ini dengan menawarkan perkhidmatan maklumat yang luas merangkumi pelbagai bidang pengetahuan termasuk koleksi bahan bercetak, digital, *audio-visual*, manuskrip dan sebagainya.

Dalam era digital, PNM terus berinovasi dengan menggunakan teknologi terkini bagi menyediakan kemudahan akses kepada koleksi melalui platform dalam talian, serta memperkenalkan inisiatif seperti *e-book*, e-jurnal, dan pangkalan data digital bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat tanpa sempadan dan meningkatkan literasi maklumat dalam kalangan rakyat Malaysia. Dengan visi menjadi Peneraju Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat Negara, PNM terus berusaha untuk memperkasa budaya membaca dan penyebaran ilmu di Malaysia dengan mempromosikan pendidikan sepanjang hayat, di samping memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat berilmu dan berpengetahuan tinggi.

**VISI** | **Peneraju Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat Negara**

**MISI** | **Mengungguli Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan dan Memelihara Khazanah Intelek Negara secara Holistik dan Komprehensif ke Arah Membentuk Masyarakat Berpengetahuan**

## PELAN STRATEGIK
### PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2024 - 2028

## OBJEKTIF :

1. Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan
2. Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan luar negara
3. Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan
4. Mengumpul, memulihara dan mewujud rekod bilbliografi yang standard bagi bahan yang diterbitkan di Malaysia

## PROGRAM PNM TAHUN 2024




**1,000,000**
SASARAN JUMLAH PENYERTAAN

***9,910,868**
PENCAPAIAN JUMLAH PENYERTAAN

*Termasuk pencapaian program seluruh negara bagi Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2024



## PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG KUMBATANG, KUDAT SABAH

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, telah merasmikan Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang di Matunggong, Kudat, Sabah pada 17 Februari 2024. Perpustakaan seluas 1,000 kaki persegi ini menyediakan bahan bacaan, komputer, dan Wi-Fi percuma sejak Februari 2022. Perpustakaan ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan literasi maklumat penduduk setempat, selaras dengan matlamat kerajaan untuk membudayakan masyarakat berilmu.






Sekitar Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang, Kudat Sabah

## PERTANDINGAN MEMBACA NYARING (PRA SEKOLAH): CERITA-CERITA DONGENG RAKYAT- LAGENDA DAN DONGENG

Pertandingan ini telah dilaksanakan bermula pada 25 Mac hingga 25 April 2024, bertujuan untuk memupuk minat membaca di kalangan kanak-kanak Tabika dan Prasekolah berumur antara 4 hingga 6 tahun. Konsep pertandingan yang menggalakkan aktiviti membaca kuat (read aloud) di hadapan penonton ini bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan diri peserta, tetapi juga memupuk semangat perpaduan di kalangan mereka yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan agama. Objektif utama pertandingan ini adalah untuk menyokong inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat menerusi SDG UNESCO, memperkukuh amalan membaca, menggali potensi bakat, serta mengembangkan kemahiran bahasa dan minat terhadap pembelajaran dalam kalangan peserta.



Para peserta Pertandingan Membaca Nyaring Peringkat Akhir bergambar sebagai kenangan




Peserta Pertandingan Membaca Nyaring Peringkat Akhir sedang membaca cerita yang dipilih

## SARINGAN

| | |
|---|---|
| SARINGAN | 105 kanak-kanak |
| AKHIR | 19 peserta |

## PEMENANG PERTANDINGAN MEMBACA NYARING:

| | |
|---|---|
| TEMPAT PERTAMA | **Maryam Nur Arissa binti Mohd Effendi** (Prasekolah Sekolah Kebangsaan Taiping, Perak) |
| TEMPAT KEDUA | **Putri Areanna binti Razali** (Prasekolah Sekolah Kebangsaan Putrajaya, Presint 11(2) |
| TEMPAT KETIGA | **Maizatul Husna Auliya binti Mohammad Hanafi** (Tabika Perpaduan Taman Kuala Pilah, Negeri Sembilan) |
| SAGUHATI | **Awang Zharif Ali bin Ag Mohmd Ruzaini** (Prasekolah Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang, Labuan) |
| | **Rashmi a/p Ravindran** (Prasekolah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Mak Mandin, Pulau Pinang) |
| | **Kamarul Shofiuden bin Kamarul Sholahudeen (**Tabika Perpaduan Flat Danau Kota A, Kuala Lumpur) |
| | **Muhammad Uwais Al Qarni bin Muhammad Hanif** (Prasekolah Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat, Nibong Tebal, Pulau Pinang) – RM300 dan trofi. |

## PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2024

Bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, pada 23 April 2024, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan program "Jom Baca Bersama 10 Minit" di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya, Presint 9(2), dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Program yang bertemakan "Pembacaan Melestarikan Perpaduan" ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, dengan penyertaan seramai 692 orang pelajar.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti resensi buku, sesi bersama tokoh, persembahan boneka, sesi bercerita, pertandingan inovasi, dan teka judul buku turut diadakan sepanjang program. Program ini merupakan sebahagian daripada Kempen Galakan Membaca yang dilaksanakan secara serentak di seluruh negara sejak tahun 2014, dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM).

**2024**

**Berjaya melibatkan lebih daripada**

**50 juta peserta**

**Objektif**

**Menjadikan membaca sebagai amalan harian, memupuk kecintaan terhadap ilmu, memperkukuh perpaduan dalam masyarakat, serta menginspirasi golongan muda untuk menjadikan membaca sebagai hobi yang bermanfaat.**



Sesi bacaan senyap pada jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi.




Resensi buku yang bertajuk "*The Bionic Woman*" oleh Puan Mahyana binti Mukhtar





Sekitar Majlis Perasmian Program Jom Baca Bersama 10 Minit



Persembahan Puisi Perpaduan yang disampaikan oleh kakitangan PNM



Resensi buku yang bertajuk "Terima Kasih Duka" oleh Encik Mohd Akhirudin bin Abd Wahab

## KEMBARA ILMU SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024

Program Kembara Ilmu 2024 yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sempena Sambutan Minggu Perpaduan Kebangsaan di Johor Bahru pada 25 Mei 2024 berjaya menarik 200 peserta dari pelbagai institut pengajian tinggi dan sekolah menengah. Program ini bertujuan mempromosikan budaya membaca dan menggalakkan perpaduan melalui aktiviti info hunt yang menghubungkan peserta dengan tempat-tempat bersejarah di Johor.

Peserta meneroka lima lokasi menarik, iaitu Galeri Seni Johor, Rumah Limas Johor, Rumah Zapin Johor, *Play Farm*, dan *Makerspace* di Perbadanan Perpustakaan Awam Johor. Setiap lokasi menawarkan pengalaman unik seperti cabaran intelektual, mengenal warisan Malaysia, dan mempelajari seni tradisional. Program ini juga memberi peluang untuk berkolaborasi dan mengukuhkan perpaduan antara peserta pelbagai latar belakang.




Kesemua peserta program Kembara Ilmu sedang menunggu *flag off* sebelum bergerak ke destinasi aktiviti dan cabaran



Sesi *flag off* Program Kembara Ilmu 2024 telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara

## PROGRAM KEMBARA ILMU: INI KHAZANAH KITA

Program Kembara Ilmu: Ini Khazanah Kita yang bermula pada 24 Ogos 2024 di Stesen Keretapi Tanjung Aru bertujuan untuk menggalakkan minat membaca dalam kalangan komuniti Sabah serta mempromosikan Program Galakan Membaca. Program ini sejajar dengan matlamat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk mewujudkan masyarakat berbudaya membaca menjelang tahun 2030.

Sepanjang perjalanan dari Stesen Keretapi Tanjung Aru ke Papar, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan, termasuk pameran digital yang mencatatkan rekod dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai "First Digital Library Exhibition Aboard a Train". Pameran ini memaparkan koleksi seperti Manuskrip Melayu, u-Pustaka, bahan berkaitan kemerdekaan, warisan Sabah, serta aktiviti e-sukan untuk menarik perhatian golongan muda.

Program ini turut melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Perpaduan Negara, Perpustakaan Negeri Sabah, Jabatan Keretapi Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), MDEC, dan Sutera Harbour Resort. Pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records* ini mencerminkan usaha gigih PNM dalam mempromosikan budaya membaca melalui pelbagai platform, bukan hanya di perpustakaan.









Sekitar Program Kembara Ilmu: Ini Khazanah Kita

## PROGRAM SEMARAK JAWI 2024

Program Semarak Jawi 2024 diadakan bertujuan untuk memperkenalkan serta memartabatkan tulisan Jawi, selain memperkukuhkan penguasaan tulisan di kalangan generasi muda. Program ini juga turut mempromosikan warisan tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada budaya Melayu dan memupuk semangat kecintaan terhadap bahasa negara.

Program ini dilaksanakan di pelbagai lokasi di seluruh negara dengan kerjasama daripada sekolah, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan masyarakat setempat. Aktiviti-aktiviti seperti Kem Bestari Jawi, Si Cilik Cerdas Jawi, dan Bengkel Klinik Dr. Jawi mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, dengan penyertaan seramai 629 peserta. Pendekatan yang mesra peserta telah digunakan dalam program ini, termasuk penggunaan bahan bantu mengajar yang inovatif seperti video dan buku panduan untuk memudahkan pemahaman dan penguasaan tulisan Jawi.

Secara keseluruhannya, Program Semarak Jawi 2024 berjaya mencapai objektifnya dalam memperkenalkan dan mengukuhkan penguasaan tulisan Jawi, serta memartabatkan warisan budaya negara, terutama dalam kalangan generasi muda.

### KEM BESTARI JAWI

- **13-14 Ogos 2024 di Bangi, Selangor**

Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai teknologi terkini dalam penulisan Jawi. Ia juga memperkenalkan pelbagai gaya kaligrafi dan mempromosikan kesepaduan masyarakat Malaysia melalui demonstrasi kaligrafi Jawi, Cina, dan Tamil.

### SI CILIK CERDAS JAWI EMPAT (4) SIRI

- **14 dan 28 September 2024**
- **5 dan 12 Oktober 2024 di KAFA Integrasi Madrasatul Ikhwan, Puchong, Selangor**

Program ini bertujuan membimbing pelajar tahap satu dan dua sekolah rendah untuk menguasai tulisan Jawi di luar waktu sekolah dengan bimbingan tenaga pengajar terlatih.

### SI CILIK CERDAS JAWI EMPAT (4) SIRI

- **6-7 November 2024 di Dewan Besar, Kompleks Dakwah Islamiah Paroi, Negeri Sembilan**

Bengkel ini memberi peluang kepada peserta untuk mendalami aspek teknikal dan sejarah tulisan Jawi melalui sesi praktikal, termasuk cara menulis dengan betul. Peserta juga berpeluang berbincang dan bertanya tentang isu-isu yang dihadapi dalam menguasai tulisan Jawi.




Peserta belajar menghasilkan kaligrafi di reruai yang disediakan.




Peserta sedang mendengar penerangan dan menyiapkan latihan dengan bimbingan oleh guru KAFA.




Peserta sedang mendengar penerangan oleh tenaga pengajar dalam kalangan Munsyi Dewan (Jawi) yang diundang ke Bengkel Klinik Dr. Jawi.

## PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU (PAMM) 2024

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) telah diadakan pada 24 dan 25 September 2024 di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan tema Kitab Tib: 1001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional. Tema ini dipilih selaras dengan usaha pencalonan manuskrip Kitab Tib koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk diiktiraf sebagai warisan dokumentari dunia dalam program Memory of the World oleh UNESCO.

Penganjuran PAMM 2024 telah melibatkan kerjasama antara PNM, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Pertubuhan Penyelidikan Manuskrip Melayu (PERDIMAN), dan Grup Penjejak Tamadun Dunia (GPTD). Sebanyak 11 kertas kerja telah dibentangkan yang mengangkat lima subtema utama. Selain persidangan, program ini turut diiringi dengan pameran manuskrip Melayu bertajuk Kitab Tib: 1001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional.











Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2024 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

## KARNIVAL BACA PERDANA 2024

Karnival Baca Perdana 2024 merupakan salah satu program utama di bawah *flagship* Semarak Perpaduan dalam Dasar Perpaduan Negara, yang bertujuan untuk menggalakkan perpaduan melalui amalan pembacaan. Karnival ini telah diadakan sepanjang Oktober 2024 di tiga lokasi utama dan berjaya menarik penyertaan seramai 5,042 peserta. Lokasi utama karnival ini adalah di Pusat Beli-Belah MyTOWN (3-6 Oktober 2024), yang menawarkan pelbagai aktiviti menarik seperti Forum, Kempen Wira Buku Wira Ilmu, pameran dan jualan buku, demonstrasi kaligrafi Melayu, Cina, dan India, serta Pertandingan Mewarna dan Pintar Jawi.

Selain itu, acara Bacaan Kegemaran Saya di Perpustakaan Negeri Sabah (10 Oktober 2024) dan *Podcast* Borak Pustakawan (22 Oktober 2024) turut diadakan sebagai sebahagian daripada rangkaian program. Program-program lain yang berlangsung sepanjang bulan Oktober termasuk Bicara Intelektual 2024, Sesi Lensa Sastera, Sesi *Booktubers* & *Bookstagrammers*, serta Forum Membaca Perdana di MYTOWN.

Jadual Program:

i. 1-30 Oktober: Karnival Baca Perdana (Kuala Lumpur)
ii. 3-6 Oktober: Karnival Baca Perdana (MYTOWN)
iii. 10 Oktober: Bacaan Kegemaran Saya (Perpustakaan Negeri Sabah)
iv. 22 Oktober: *Podcast* Borak Pustakawan (PNM)
v. 4-31 Oktober: Minggu Literasi Maklumat (PNM)

### Majlis Perasmian Karnival Baca Perdana 2024




Sekitar Majlis Perasmian Karnival Baca Perdana 2024 yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

## Sesi Forum Karnival Baca Perdana 2024



Sesi Lensa Sastera telah dikendalikan oleh Encik Hafiz Latiff bersama panel jemputan, Encik Malcolm Mejin dan Puan Sayidah



Sesi *Booktubers* dan *Bookstagrammers* telah dikendalikan oleh Cik Baiduri bersama panel jemputan, Doktor Ahmad Fadhlil dan Encik Hafiz Latiff

## Reruai Karnival Baca Perdana 2024











YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, ditemani oleh Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, telah mengunjungi reruai jualan dan pameran buku untuk melihat pelbagai koleksi yang dipamerkan

## Reruai Jualan Karnival Baca Perdana 2024





Antara reruai jualan buku yang terlibat semasa Karnival Baca Perdana 2024

## Sesi Bacaan Kegemaran Saya Sempena Karnival Baca Perdana 2024




Ucapan perasmian telah disampaikan oleh Puan Suhaila binti Abd Rahman, Pengarah Perkhidmatan Korporat, Perpustakaan Negara Malaysia




Sesi Bacaan Kegemaran Saya telah dikendalikan oleh Puan Dayangku Mastura bersama panel jemputan, Encik Franco Morrow, Pendidik dan Penulis Sabah dan Puan Ruhaini Matdarin, Penulis Prolifik Sabah

## Podcast Borak Pustakawan Sempena Karnival Baca Perdana 2024



Sesi Podcast telah dikendalikan oleh Encik Yazid bin Ibrahim, Timbalan Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama panel jemputan, YBrs. Dr. Ghazali bin Mohd Fadzil



Panel jemputan, YBrs. Dr. Ghazali bin Mohd Fadzil, telah memberikan penerangan semasa sesi Podcast dijalankan

## PROGRAM SINGGAH SANTAI@PNM 2024

Program ini telah dilaksanakan pada 26 Oktober 2024 dengan tema "Lestari Biodiversiti ke arah Masyarakat Harmoni" dan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program, termasuk Sesi Sembang Santai, Temu Mesra Selebriti, Sesi Bercerita, Demonstrasi, Pertandingan Permainan Tradisional, Bengkel Literasi Maklumat dan Media, Aktiviti Kraftangan, Pertandingan Nyanyian Tradisional, *Car Boot Sales*, Jualan Produk, serta pameran yang disertai oleh agensi-agensi seperti Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, dengan penyertaan seramai 2,529 orang, terdiri daripada kanak-kanak, remaja, keluarga, serta penyertaan secara dalam talian



Sekitar Program Singgah Santai@PNM 2024 yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

## PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024: PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI

Program yang merupakan hasil kerjasama antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), serta Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diadakan pada 5 November 2024 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur dan disiarkan secara langsung melalui saluran YouTube PNM TV Channel.

Program ini bertujuan untuk menyemarakkan budaya membaca melalui sastera dan budaya, dengan puisi dipilih sebagai genre utama kerana ia berperanan sebagai medium penting dalam membentuk identiti, budaya, dan jati diri bangsa.



**PROGRAM ATAS TALIAN**

- **Sayembara Novel Perpaduan 2024**
  (15 Mei - 31 Ogos 2024)
- **Pertandingan Penulisan Sajak, Syair dan Pantun Perpaduan**
  (15 September – 15 Oktober 2024).



**PROGRAM SECARA BERSEMUKA**

- **Sesi Bimbingan Teknik Penulisan dan Penyampaian Puisi Perpaduan**
  (2 Oktober 2024)
- **Karnival Bahasa Melayu Peringkat Kebangsaan**
  (3 – 4 Oktober 2024)
- **Pameran Puisi Perpaduan dan Reruai PNM**
  (5 November 2024)
- **Majlis Sanggar Puisi Perpaduan 2024**
  (5 November 2024)







YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa merasmikan Majlis Perasmian Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni
















Sekitar Majlis Perasmian Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni

## PROGRAM *TECHNOLOGY TALK CONVERGENCE - METACONNECT: PIONEERING THE INFINITE LIBRARY EXPERIENCE*

Program ini telah dilaksanakan pada 14 November 2024 secara hybrid, yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pustakawan dan pengurus maklumat di Malaysia mengenai teknologi terkini. Seramai 541 peserta telah menghadiri program ini, dengan 158 peserta hadir secara bersemuka di Aras 10, Menara PNM, 91 peserta di Perpustakaan Kanak-kanak, dan 292 peserta mengikuti program melalui saluran YouTube PNM TV Channel. Program ini bertujuan untuk memastikan perpustakaan terus kekal relevan dan responsif terhadap perkembangan teknologi.

Program ini telah dirasmikan oleh Ybrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara.

Terdapat tiga segmen utama dalam program ini, iaitu:

i. Sesi *Technology Talk Convergence,*
ii. Sesi *Product Highlight* dan Pameran Teknologi, dan
iii. Permainan *e-Sport* dan *Metaverse*.





Majlis Perasmian Program *Technology Talk Convergence- Metaconnect: Pioneering The Infinite Library Experience* telah disempurnakan oleh Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara (KPN)

# YAYASAN SUKARELAWAN SISWA

## Latar Belakang

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) adalah sebuah entiti milik penuh kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Perpaduan Negara. Sejak pelancaran pada 2012, YSS telah menjayakan 73 misi kesukarelawanan berimpak tinggi sebagai program teras yang dijalankan di negeri Sabah dan Sarawak terutamanya serta negara-negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Lao PDR dan Vietnam. YSS juga menjalankan projek-projek yang melibatkan komuniti bersama-sama rakan kerjasama strategik YSS dengan mensasarkan penerima manfaat dalam kalangan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan lain-lain golongan yang kurang bernasib baik.

Seramai 2,067 Sukarelawan Siswa telah dilatih sehingga kini melalui persekitaran yang inklusif dan imersif apabila sukarelawan makan, tinggal dan duduk bersama penduduk tempatan melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman ketika menjalani misi. Sebagai Alumni, mereka mendapat akses kepada peluang yang berterusan untuk membentuk diri menjadi individu serba boleh seterusnya memimpin komuniti sekeliling.

### VISI

Menjadi hab global kepimpinan sukarelawan siswa ke arah perpaduan negara

### MISI

Menjadi pusat kecemerlangan kepimpinan kesukarelawanan bagi mahasiswa di institut pengajian tinggi dan komuniti dalam memupuk perpaduan negara dan kelestarian

## TERAS KESUKARELAWANAN YSS

Kesemua projek YSS adalah berdasarkan **6 Teras** berikut:

**Teras 1:** Uniti & Pemerkasaan Komuniti
**Teras 2**: Penambahbaikan Pendidikan & Pembangunan Kapasiti
**Teras 3:** Ketahanan Terhadap Impak Perubahan Iklim & Kelestarian Alam Sekitar
**Teras 4:** Kesihatan dan Kesejahteraan
**Teras 5:** Transformasi Digital
**Teras 6:** Mobilisasi Impak Sosial

## MISI BANTUAN PASCA BANJIR KE SEPANGGAR DAN PENAMPANG, SABAH

Yayasan Sukarelawan Siswa telah menyumbangkan sebanyak 500 bakul makanan bagi meringankan beban mangsa yang terjejas akibat banjir di sekitar Daerah Sepanggar dan Penampang, Sabah bermula 4 Julai hingga 7 Julai 2024. Seramai 20 orang sukarelawan siswa daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah telah membantu dan turut disertai oleh 10 orang sukarelawan daripada pejabat Parlimen Penampang untuk bersama-sama menyalurkan bantuan bakul makanan tersebut kepada 500 keluarga.









Sekitar Misi Bantuan Pasca Banjir Ke Sepanggar Dan Penampang, Sabah

## MISI SUKARELAWAN SISWA *GREEN SUMMER VOLUNTEER CAMPAIGN* (GSVC) VIETNAM

*Green Summer Volunteer Campaign* (GSVC) merupakan sebuah inisiatif kesukarelawanan luar negara berprestij yang yang telah dianjurkan oleh Kesatuan Belia Ho Chi Minh sejak 1994. Penglibatan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dalam Misi Sukarelawan Siswa ke Vietnam sejak penubuhannya telah menjadi titik permulaan penting dalam melonjakkan kecemerlangan kesukarelawanan belia di peringkat antarabangsa.

**Tarikh Pelaksanaan**

**4 Julai - 9 Ogos 2024**

**47**
**orang sukarelawan siswa YSS**

**4**
**lokasi pilihan sekitar Ho Chi Minh City antaranya Thoi An Ward, Phuoc Loc Commune, Tan Nhut Commune dan An Nhon Tay.**

**172**
**projek komuniti yang dijalankan sepanjang tempoh misi**

**Pencapaian:**

**menyumbang kepada**
**1,630 jam**
**kesukarelawanan secara keseluruhan**

**memanfaatkan**
**31,517 individu**
**di kesemua lokasi misi**













Misi Sukarelawan Siswa *Green Summer Volunteer Campaign* (GSVC) Vietnam

## *INTERNATIONAL VOLUNTEER COOPERATION ORGANISATIONS* (IVCO) 2024 DI NEWCASTLE, UK

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) bersama-sama dengan lebih 140 perwakilan daripada 80 buah organisasi antarabangsa yang mewakili lebih 40 buah negara telah berhimpun dalam usaha memartabatkan kesukarelawanan berimpak tinggi ke peringkat global melalui penglibatan YSS dalam Persidangan Pertubuhan Kerjasama Sukarelawan Antarabangsa (IVCO) pada 9 September hingga 13 September 2024.

IVCO 2024 dianjurkan dengan kerjasama erat antara *International Forum for Volunteering in Development* (FORUM), Northumbria University, Newcastle serta *Comhlám (The Irish Association of International Development Workers and Volunteers).*

Tema IVCO 2024 yang mendukung  kesukarelawanan sebagai pemangkin solidariti masyarakat serta keberhasilan rangkaian antarabangsa diperkukuhkan lagi melalui peranan YSS sebagai jentera solidariti sewaktu pandemik COVID-19 yang disampaikan oleh  Dr. Wan Ahmad Hazman Wan Daud, Timbalan Pengerusi II YSS.



Sekitar *International Volunteer Cooperation Organisations* (IVCO) 2024 di Newcastle, UK yang diadakan pada 9 September - 13 September 2024

## INI WARISAN KITA: MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH

Pada 1 September hingga 18 September 2024, Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) telah menjayakan Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah. Melibatkan enam (6) lokasi: antaranya Kampung Sabur, Pulau Banggi; Kampung Moyog, Penampang; Kampung Bandulan, Sepanggar; Kampung Tengkurus, Kota Belud; Batalion 2, Rejimen 507 Kem Papar; dan Kampung Suasa, Beaufort.

Sukarelawan: Seramai 99 orang sukarelawan siswa telah terpilih untuk misi ini dan ditempatkan di lokasi yang ditetapkan. Majlis *flag-off* misi ini disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin di Universiti Malaysia Sabah.



**Pencapaian**

**223 projek**
kesukarelawanan yang dijalankan dengan kerjasama komuniti setempat

**44,087 penduduk**
sepanjang misi berlangsung






SUKARELAWAN
SISWA









## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) PULAU RUSUKAN BESAR, LABUAN

Pada 5 September hingga 29 September 2024, lebih 300 sukarelawan yang terdiri daripada kontinjen sukarelawan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), pelajar IPT, dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah berganding bahu dengan Jabatan Wilayah Persekutuan dan Kelab Media Putrajaya (KMP) dalam usaha sama strategik tanggungjawab sosial korporat (CSR) pembersihan dan pengindahan di Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Kecil dan Pulau Rusukan Besar, Labuan.

